

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KEDUA
Second Meeting

Jilid III	Bil. 31	Hari Rabu	16 Julai 1997
-----------	---------	-----------	---------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN (Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997 (Ruangan)

Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 1997 (Ruangan)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Ruangan)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Penghapusan Identiti dan Masa Depan Generasi Ummah
- Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat) (Ruangan)

*Permohonan Visa Oleh Rakyat Hong Kong Yang Ingin
Melawat Malaysia.*
- Y.B. Tuan Lim Hock Seng (Bagan) (Ruangan)

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowitz)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

“ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

“ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)

Yang Berhormat Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)

- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)

- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)

Yang Berhormat Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)

- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)

Yang Berhormat Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)

Yang Berhormat Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K.,
A.M.S., S.M.T., A.S.D.K. P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 16 Julai 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Salamon bin Selamat.

[Soalan No. 1 - Y.B. Dato' Haji Salamon bin Selamat (Shah Alam) tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chang Kon You.

[Soalan No. 2 - Y.B. Tuan Chan Kon You (Ipoh Timur) tidak hadir]

GETAH - KEJATUHAN HARGA

3. **Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:-

- (a) apakah tindakan yang sedang dan akan diambil bagi mengatasi masalah kejatuhan harga getah di peringkat kampung pada masa ini; dan
- (b) adakah kementerian sedar bahawa Kerajaan Thailand membayar harga 290 baht atau RM2.90 sekilo di peringkat kampung di Selatan Thailand berbanding dengan harga cuplump di Malaysia sekitar RM1.10 hingga RM1.50 sekilo.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Perusahaan Utama. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya memohon izin untuk menjawab soalan-soalan Ahli Yang Berhormat seperti berikut: Yang Berhormat dari Libaran pada hari ini, Yang Berhormat dari Jerantut, Yang Berhormat dari Jelutong dan Yang Berhormat dari Mentakab bersekali kerana soalan-soalan ini yang dibangkit menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, penurunan harga getah secara menyeluruh bermula sejak akhir tahun 1996 berikutan peningkatan pengeluaran yang berterusan selama dua tahun sebelum itu. Kejatuhan harga yang berterusan ini adalah selaras dengan kelakuan harga komoditi pertanian yang cyclical, dengan izin, dan ditentukan oleh kuasa-kuasa pasaran bebas khususnya, faktor-faktor pengeluaran dan permintaan getah asli dunia yang dipengaruhi pula oleh faktor-faktor asas seperti kadar pertumbuhan ekonomi negara-negara industri.

Laporan menunjukkan bahawa sejak awal tahun ini pengeluaran getah dua negara pengeluar terbesar dunia, iaitu Thailand dan Indonesia telah semakin bertambah walaupun pengeluaran Malaysia sendiri telah berkurangan

sejak tahun 1988 lagi. Sebaliknya, penggunaan getah asli dunia pula telah menunjukkan peningkatan yang lebih perlahan daripada peningkatan pengeluaran. Misalnya, penggunaan getah asli dunia dalam tempoh 12 bulan antara Mei 1996 hingga Mei 1997 dianggarkan berjumlah 6.264 juta tan metrik berbanding dengan jumlah pengeluaran sebanyak 6.322 juta tan metrik di dalam tempoh yang sama. Ini bermakna lebih bekalan sebanyak 58,000 tan metrik getah berada di pasaran getah dunia dalam tempoh yang berterusan.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara Amerika Syarikat, Eropah dan Asia Timur seperti permogokan di kilang-kilang tayar, kemerosotan jualan kereta-kereta baru dan pemulihan ekonomi yang perlahan adalah antara sebab-sebab mengapa permintaan getah dunia tidak meningkat ke tahap yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat sedar dan sentiasa peka akan kesan kejatuhan harga getah ke atas taraf hidup dan kedudukan ekonomi pekebun-pekebun kecil getah khususnya. Walau bagaimanapun, Malaysia dengan sendirinya tidak berupaya untuk mengawal dan menentukan pergerakan harga getah. Sebagai kementerian yang dipertanggungjawabkan dengan fungsi memajukan industri getah negara, kementerian bersama-sama agensi getah seperti Lembaga Penyelidikan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB), Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) dan Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia (MRELB) sentiasa meneliti dan menganalisa pergerakan harga getah dan juga kesannya ke atas pekebun-pekebun kecil khususnya dan negara amnya.

Usaha-usaha ini dipertingkatkan lagi di masa kini apabila harga getah merosot ke paras yang membimbangkan. Di samping itu, pegawai-pegawai agensi-agensi ini juga diarahkan untuk mengkaji keadaan sebenar di peringkat ladang dengan teliti dan menjalankan segala usaha untuk memastikan agar pekebun-pekebun kecil mendapat harga ladang yang memuaskan dalam konteks kemerosotan harga getah yang menyeluruh di masa kini. Di antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah langkah-langkah seperti berikut:

- (a) Mengarah RRIM bekerjasama dengan pihak RISDA untuk meningkatkan kerja-kerja pengembangan dengan tujuan menggalakkan pekebun-pekebun kecil meningkatkan kualiti getah yang dikeluarkan di peringkat ladang. Dengan mengeluarkan getah yang bermutu tinggi pekebun-pekebun kecil juga akan memperolehi harga yang lebih memuaskan.
- (b) Menggalak wakil-wakil MARDEC, peniaga-peniaga getah, pengilang-pengilang dan pemeroses getah menawarkan harga yang lebih kepada pekebun-pekebun kecil semasa mereka menghadapi krisis harga getah ini.
- (c) Pekebun-pekebun kecil digalakkan mengeluarkan bahan mentah getah yang lebih bersih dan berkualiti supaya dapat dijual dengan harga yang lebih baik.

- (d) Wakil MARDEC dan peniaga-peniaga getah digalakkan membeli getah secara terus daripada pekebun-pekebun kecil dan tidak daripada pembeli haram untuk membolehkan pekebun-pekebun kecil mendapat harga ladang yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah-langkah yang disebut di atas, kementerian juga sedang mempertimbangkan cadangan untuk mendapatkan kerjasama negara-negara pengeluaran getah terutama Thailand dan Indonesia ke arah pengurangan bekalan getah terutamanya dalam keadaan harga pada masa kini. Walaupun Malaysia merupakan negara pengeluar getah asli yang ketiga terbesar di dunia, kita secara berasingan tidak dapat mempengaruhi pengeluaran dunia dan seterusnya harga getah. Sekiranya sebarang tindakan untuk mempengaruhi harga hendak dilaksanakan ia haruslah dijalankan secara bergabung dengan negara-negara pengeluar utama yang lain di bawah inisiatif Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC). Untuk tujuan ini, kementerian akan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk mendapatkan kerjasama negara-negara pengeluar di bawah ANRPC bagi mempertimbangkan cadangan pelaksanaan satu Skim Rasionalisasi Bekalan Getah di Kalangan Negara-negara Pengeluar.

Selain daripada itu, Malaysia juga menganggotai serta memainkan peranan aktif dalam Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRO) yang bertujuan untuk menstabilkan harga getah melalui perseimbangan, penawaran dan permintaan getah asli dunia. Di bawah perjanjian ini satu mekanisme stok penimbal telah diwujudkan untuk digunakan apabila harga getah berada di paras yang telah ditetapkan. Di dalam keadaan harga getah yang menurun, Pengurus Stok Penimbal Getah (INRO) boleh memasuki pasaran untuk membeli getah apabila harga berada di dalam zon yang membolehkan beliau membeli getah untuk tujuan penstabilan harga, antara 172 dan 183 Singapura/Malaysia.

Sekiranya harga petunjuk terus jatuh ke dalam zon ini, pihak INRO akan didesak supaya mula memasuki pasaran untuk menahan harga daripada kejatuhan yang lebih teruk.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Pilah dan Libaran, sukacitalah saya menjelaskan bahawa pihak kementerian memang sedar bahawa Kerajaan Thailand membayar 29 baht, bukan 290 baht, tetapi 29 baht atau RM 2.90 sekilo getah di peringkat ladang. Walau bagaimanapun, harga ini ialah untuk USS3, iaitu Getah Keping Berbunga Tanpa Asap 3, dan bukan untuk cuplump. Memandangkan USS3 adalah getah kering yang mempunyai Kandungan Getah Kering (KGK) sebanyak 100% berbanding dengan cuplump yang mengandungi KGK antara 40%-50%, maka kedua-dua jenis getah ini tidak boleh disamakan. Tambahan pula harga yang dibayar oleh Kerajaan Thailand adalah harga yang lebih tinggi daripada harga sebenarnya yang ditawarkan di pasaran getah di Thailand. Harga ini juga harga yang bersubsidi tinggi yang disokong melalui pengguna sumber kewangan yang sangat besar oleh kerajaan Thailand. Pada masa ini harga cuplump yang ditawarkan di Malaysia selepas pengubahan kepada KGK 100% adalah RM1.90 kepada RM2.00 sekilo, dan bukan RM1.10 atau RM1.50 sekilo sepertimana yang dinyatakan dalam soalan.

Walaupun bagaimanapun, di dalam menangani masalah kejatuhan harga getah di masa kini, kementerian berpendapat bahawa tindakan untuk menstabilkan harga getah yang lebih berkesan memerlukan kerjasama dan

penyertaan semua negara pengeluar dan pengguna getah asli melalui mekanisme yang sedia ada seperti Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRO) di mana kerajaan Malaysia telah pun membuat sumbangan kewangan yang besar semenjak 1980-an lagi.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu adakah kejatuhan harga getah ini ada kaitan dengan kenyataan Menteri Perusahaan Utama terhadap RISDA di masa kebelakangan ini, dan apakah tindakan positif kementerian terhadap RISDA?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Saya jawab dengan panjang lebar berkenaan dengan mengapa harga jatuh. Tidak ada kena-mengena langsung dengan kenyataan yang dibuat oleh Menteri Perusahaan Utama.

TELEFON SELULAR - JENAYAH PENGKLONAN KOD DAN NOMBOR

4. **Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sejauh manakah keberkesanan dan kejayaan yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi jenayah pengklonan kod-kod dan nombor telefon selular. Adakah kerajaan bercadang mengenakan hukuman mandatori berbanding mengenakan undang-undang ISA bagi mereka yang terlibat dalam jenayah tersebut.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada kaedah yang terbaik untuk mengesan atau mengatasi jenayah pengklonan kod-kod dan nombor telefon selular. Pihak pengusaha perkhidmatan selular hanya dapat mengesan kes satu persatu berdasarkan aduan yang dikemukakan oleh mangsa. Kerajaan sedang dalam usaha untuk mengeluarkan peraturan yang lebih ketat terhadap mereka yang melakukan jenayah ini.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, masalah jenayah pencurian line telefon ini masih lagi berterusan. Kejadian terakhir saya dapat maklumat adalah kawasan-kawasan yang baru mendapat perkhidmatan telefon. Baru-baru ini ada beberapa penduduk di kawasan saya yang mengadu bahawa pada bulan pertama mereka mendapat perkhidmatan telefon apabila mereka mendapat bil, mereka mendapati beberapa panggilan antarabangsa dikreditkan ke dalam bil masing-masing. Dan pada bulan kedua, beberapa panggilan untuk tele-info hiburan pun juga dikreditkan kepada bil masing-masing dalam kadar yang ranges, dengan izin, di antara RM200 hingga lebih kurang RM300 setiap household. Jadi, adakah pihak kementerian akan membanteras kejadian ini dan bagaimanakah pihak kementerian mengesan kejadian-kejadian ini supaya dapat dihapuskan?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian melalui JTM telah pun menubuhkan satu pasukan khas yang diketuai oleh Ketua Pengarah, dianggotai oleh pihak polis, JTM dan semua pengusaha telekomunikasi telah mencari jalan untuk mengatasi perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, apa jua dilakukan dan apa jua langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan dan pengusaha telekomunikasi cuma dapat meminimumkan berlakunya kes-kes pencurian dan pengklonan kerana perkara ini berlaku di seluruh dunia.

Dan untuk jangka masa panjang pihak kerajaan telah menggalakkan supaya semua pengusaha yang terlibat dalam perkhidmatan cellular supaya mengadakan rancangan 'digitalisation' kerana setakat ini mereka yang menggunakan teknologi digital belum menghadapi masalah pengklonan ini dan pihak kementerian berharap bahawa sampai tibanya tahun 2005, semua pihak pengusaha akan menggunakan teknologi digital.

Dan apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat ini, saya ingat ini adalah 'fixed line' bukan cellular. Sejak bulan Mei tahun ini, pihak Telekom Malaysia Berhad telah pun mewujudkan satu sistem monitoring yang baru, yang terkini di mana semua bil pelanggan dapat dimonitor dalam tempoh yang singkat sekali, setiap 15 minit sehingga setengah jam semua bil di seluruh negara dapat dimonitor.

Oleh sebab itu, kes pencurian line yang ada kaitan dengan 'fixed line' ini telah pun turun dengan satu kadar yang memang agak memuaskan dan akibat daripada itu, pembekuan perkhidmatan IDD kepada 14 buah negara pada mula tahun ini telah pun dilepaskan, oleh kerana keberkesananannya yang telah ditunjukkan oleh sistem baru ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya pertama sekali ingin menyokong penuh tindakan kerajaan mengenakan ISA kepada mereka yang tidak bertanggungjawab ini kerana telefon saya pun sudah kena klon. Jadi, soalan saya ialah berapa ramaikah setakat ini mereka yang telah ditangkap di bawah ISA dan apakah latar belakang profesion mereka yang telah ditangkap ini?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kes yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang ini ialah kes yang berlaku di negeri Sabah dan pihak polis menggunakan ISA kerana sindiket yang berkenaan ini bukan sahaja terlibat dalam kes pengklonan sahaja, lebih jauh daripada itu dan pihak polis memerlukan lebih banyak masa untuk mengadakan penyiasatan sedalam-dalamnya dan selepas satu

penyiasatan yang telah pun dilakukan oleh pihak polis, mereka yang terlibat telah pun dilepaskan 'bail' dan tindakan mahkamah akan diambil terhadap mereka.

OPERASI MEMBANTERAS JENAYAH DI SEMPADAN - KERJASAMA PIHAK POLIS DAN ATM

5. **Tuan Zainal Abidin bin Haji Osman [Mersing]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah operasi membanteras jenayah di kawasan sempadan tanah air melibatkan kerjasama pihak Polis dan Angkatan Tentera Malaysia setakat ini. Daripada jumlah tersebut berapakah kes yang melibatkan penyeludupan dadah, kemasukan pendatang tanpa izin dan penyeludupan senjata api.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, operasi membanteras jenayah di kawasan sempadan tanah air yang melibatkan kerjasama pihak Polis dan Angkatan Tentera Malaysia yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ialah 'Operasi Wawasan' di mana kerjasama kedua-dua jabatan tersebut bermula sejak April 1997.

Kawasan bersempadan dengan Thailand di utara Semenanjung Malaysia merupakan pintu masuk utama dadah ke Malaysia, pada masa yang sama dadah juga diseludup masuk ke Malaysia Timur melalui selatan Filipina ke Sabah dan sejak operasi bersama dijalankan sehingga kini Jun 1997, seramai 15 orang pengedar dadah ditangkap dan jumlah rampasan dadah seperti candu mentah ialah sebanyak 10.72 kilogram, heroin 0.98 kilogram dan ganja sebanyak 505.4 kilogram, kesemua jumlah dadah yang dirampas bernilai RM824,352. Sejumlah 631 orang pendatang asing tanpa izin telah dapat ditangkap dan 14 pucuk/laras sebagai senjata api telah dirampas. Dengan peningkatan kawalan dan rondaan sempadan kegiatan penyeludupan dapat dikurangkan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan tambahan. Sungguhpun negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand termasuk Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan merupakan pintu masuk utama kegiatan penyeludupan dadah dan juga senjata api.

Jadi, setakat ini, setakat manakah kegiatan ini dapat bergerak masuk ke dalam negara kita baru dapat dikesan oleh agensi-agensi kita dan memakan masa berapa lama sejak dia masuk sampai ke dalam negara kita, berapa lama baru dapat dibanteraskan.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, penyeludupan dadah ataupun barangan yang dilarang, semuanya boleh dimasuki melalui tempat-tempat yang bukan pintu sah. Dan ada juga orang yang masuk ikut pintu sah di mana barang itu diseludup secara sembunyi dengan cara yang bijaksana dan mereka tahu bagaimana hendak menyembunyikannya dan selalunya di sempadan ini kalau sekiranya ada maklumat, selalunya kita dapat 'tip off' ataupun melalui risikan kita, kita dapat menahan mereka terus dekat pintu. Yang ada kegiatan penyeludupan yang lebih sofistikated mereka dapat masuk tanpa kesedaran pihak berkuasa. Akan tetapi, kemudian apabila dadah itu diedarkan daripada pengedar-pengedar tempatan, kita tangkap, kita soal siasat dan kita dapat mencari sumber-sumbernya baru kita dapat tahu mereka masuk ikut mana.

Jadi, ini pelbagai cara mereka cuba dan kita terpaksa dari masa ke semasa menggunakan segala saluran siasatan kita, susah untuk memberi satu pecahan ataupun berapa lamakah atau berapa banyakkah kita boleh jumpa, ini adalah satu perkara yang berubah-ubah.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada jawapan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, saya ingin tahu daripada keseluruhan tangkapan tersebut yang dilakukan oleh anggota polis dan juga tentera, saya ingin tahu berapakah jumlah anggota polis dan tentera yang sendiri terlibat secara langsung dalam jenayah berkenaan kerana sejak akhir-akhir ini diberitakan ada kedatangan beberapa orang anggota polis dan juga tentera yang terlibat sendiri melakukan jenayah yang sedemikian rupa dan mengikut kumpulan yang disebutkan di dalam soalan ini.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, anggota polis atau tentera yang terlibat dalam jenayah seperti penyeludupan, pengedaran dadah angkanya adalah sangat kecil, very small, dengan izin, tetapi memang kita tidak nafikan ada 'black sheep', memang ada beberapa anggota ini kadangkala dia mengambil kesempatan.

Tetapi pendirian kerajaan terutamanya Kementerian Dalam Negeri ialah kita bukan sahaja tidak bertolak ansur kalau sekiranya dapat kita kesan, terutamanya polis sendiri, kita sendiri akan sentiasa mengambil berat dan mereka sendiri menangkap anggota-anggota ini dan kita hukum mereka bukan sahaja kita tidak beri dia apa-apa keistimewaan bahkan pendirian kita ialah mereka ini 'harapkan pagar, pagar makan padi'. Jadi, hukuman itu kadang-kadang jauh lebih berat daripada orang biasa. Jadi, itulah sikap kita.

JAMBATAN NORDIN MERENTANGI SUNGAI PERAK - PERKEMBANGAN

6. **Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah jambatan Nordin merentangkan Sungai Perak di Belanja akan siap dan sama ada pembinaan jambatan ini berjalan mengikut jadual. Juga adakah Kementerian Kerja Raya akan menunaikan permintaan penduduk tempatan Parit terutama petani-petani dan murid-murid sekolah di Lambor yang memohon agar jambatan bailey yang digantikan dengan jambatan baru itu akan dipindahkan ke Lambor. Sekiranya tidak, mengapa.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemajuan semasa projek jambatan Nordin adalah mengikut jadual dan projek dijadualkan siap pada 21 Disember 1997. Kemajuan semasa adalah 70% sebenar berbanding 72% jadual.

Berhubung dengan permintaan penduduk tempatan Parit untuk memindahkan jambatan bailey ke Lambor, perkara ini ada dalam penelitian Jabatan Kerja Raya Negeri Perak bagi menentukan tapak yang paling sesuai sebagai lokasi pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

[Soalan No. 7 - Y.B. Tuan R. Karpal Singh [Jelutong] tidak hadir]

KEKURANGAN BALAK NEGARA CADANGAN MENUBUHKAN LADANG (REFORESTRATION)

8. **Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh [Selangau]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Kerajaan Pusat mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk menubuhkan ladang hutan (reforestation) di negara ini memandangkan kekurangan balak kerana ketika ini Malaysia dapat menghasilkan 35 juta meter padu kayu bergaji setahun daripada hutan asli dan pengeluarannya dijangka berkurangan 26 juta meter pada 2010.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab untuk Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat sememangnya menyedari akan unjuran pengeluaran balak akan terus menurun untuk tahun-tahun yang akan datang. Dalam konteks ini, kerajaan-kerajaan negeri adalah digalakkan supaya menubuhkan ladang hutan bukan sahaja bagi maksud memastikan bekalan kayu balak akan mencukupi pada masa hadapan malahan langkah-langkah akan terus diambil bagi mengurangkan tekanan pembalakan di kawasan hutan asli.

Selain dari itu, penubuhan ladang-ladang hutan ini juga akan dapat meningkatkan keluasan kawasan berhutan, dengan izin, forested area di negara ini selaras dengan pendekatan pengurusan hutan secara mampan. Seterusnya kerajaan-kerajaan negeri telah juga diminta mengenalpasti kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan ladang hutan terutamanya bekas kawasan tanaman pindah, tanah terbiar dan tanah miskin, dengan izin, degraded land.

Di samping itu, Kerajaan Pusat juga telah mengkaji semula insentif pelaburan di bidang perladangan hutan di kawasan-kawasan tersebut dengan tujuan menggalakkan penyertaan sektor swasta di bidang ini. Di samping itu, kerajaan-kerajaan negeri telah juga melaksanakan rancangan-rancangan sendiri dalam menggalakkan penyertaan pemilik-pemilik tanah untuk tanaman pokok kayu jenis sentang, akasia, mengium, yamani dan batai.

Sehingga kini seluas 173,877 hektar ladang telah dibangunkan sebagai ladang hutan iaitu seluas 67,427 hektar di Semenanjung Malaysia, 91,545 hektar di Sabah dan 14,905 hektar di Sarawak dengan spesies cepat tumbuh seperti akasia, mengium, yamani dan batai.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, benarkah bahawa Yang Berhormat Menteri tidak ada di sini dan tidak ada seorang Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bilakah seorang Yang

Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama akan dilantik untuk menggantikan seorang yang telah dipecat supaya kita dapat jawapan yang lebih bernas dan saya tahu dia cuba untuk menjalankan tugas, tetapi macam mana kita hendak menjawab soalan ini seperti soalan tambahan saya, apakah kedudukan kerajaan tentang masalah yang timbul di antara Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, masalah yang timbul iaitu apabila terdapat masalah tentang perselisihan sama ada masalah balak di Sabah di antara menteri-menteri yang timbul dan juga Kerajaan Negeri Sabah, siapakah yang bercakap benar?

Kerana di sini terdapat perselisihan di antara seorang Menteri Kabinet dan juga seorang Timbalan Ketua Menteri Sabah yang ada kaitan dengan masalah balak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak ada bersangkutan dengan soalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Balak, balak!

Seorang Ahli: Keluar tajuk!

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, ini ada berkaitan dengan balak.

Seorang Ahli: Duduk!

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini ialah berkaitan reforestration.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, ini pun ada kaitan dengan kekurangan balak.

Seorang Ahli: Kota Melaka tidak ada balak.

Tuan Lim Guan Eng: Oleh sebab itu, ini ada kaitan dengan kementerian seperti ini. Saya tahu mungkin Tuan Yang di-Pertua, cuba bantu Yang Berhormat Timbalan Menteri. Itu saya faham, tetapi saya rasa ini satu perkara penting yang harus diberikan perhatian yang penuh kerana mungkin timbul penyelewengan dan rasuah dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau macam ini punya standard soalan, tidak payah Timbalan Menteri menjawab, orang lain boleh jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Seorang Ahli: Boleh.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, soalan itu ialah terkeluar daripada[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab ini tentang ladang.

Tuan Lim Guan Eng: Balaklah.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah bantuan Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri yang menjayakan projek ladang hutan di negeri masing-masing setakat ini dan apakah masalah yang timbul selama ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini, belum ada apa-apa masalah yang timbul dari segi ini dan bantuan Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri ialah dengan memberikan peruntukan gran dan subsidi, memberi pinjaman pada kadar faedah rendah dengan penubuhan sebuah tabung pusingan dan kita memperluaskan kemudahan yang diperuntukkan bagi projek pertanian seperti agroculture, floriculture dan buah-buah di bawah Jadual 4A dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 kepada projek ladang hutan. Ini bantuan yang kita berikan kepada negeri untuk menggalakkan mereka mengadakan ladang.

PENDATANG BANGLADESH YANG MENIMBULKAN KEKECOHAN - TINDAKAN MENANGANI MASALAH

9. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang apakah tindakan selanjutnya untuk menangani masalah pendatang Bangladesh yang tidak serik menimbulkan kekecohan dengan masyarakat awam.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, mana-mana pendatang asing termasuk dari Bangladesh yang menimbulkan kekecohan dengan masyarakat awam akan diambil tindakan mengikut syarat-syarat permit kerja dan juga mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada. Mereka yang disabitkan kesalahan akan ditangkap, didakwa dan dihukum seterusnya diusir balik ke negara asal.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, apakah syarat-syarat perjanjian di antara Kerajaan Bangladesh dan Kerajaan Malaysia yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah yang timbul daripada pekerja asing Bangladesh dan sama ada kerajaan berhasrat untuk menghentikan kemasukan pekerja asing Bangladesh jika masalah menjadi lebih serius. Sekian, terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada syarat-syarat ataupun penjanjian di antara dua negara kerana setiap orang asing datang ke negara ini, mereka tertakluk kepada undang-undang kita. Jadi, undang-undang kita cukup jelas untuk mengawal mereka. Dari segi sama ada kerajaan akan membenarkan pekerja asing Bangladesh masuk lagi, setakat ini kerajaan memang masih membekukan kemasukan pekerja asing. Tidak ada keputusan kata kita akan buka semula setakat ini walaupun dengar banyak cerita kata, agen-agen yang kata, oh sudah kita akan buka dan bawa - tidak ada, setakat ini beku terus. Jadi saya harap ambil maklumlah.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri Dalam Negeri memberitahu setakat ini berapa jumlah pendatang Bangladesh yang melakukan jenayah dan dihantar ke negara asal mereka?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka pecahan mengikut siapa dia pendatang, dari mana yang melakukan jenayah tetapi kita simpan rekod ikut jumlah mereka yang buat jenayah dari segi penduduk asing yang melakukan jenayah di negara ini masih dalam lingkungan 2 hingga 3% masih di tahap yang boleh dikawal.

GADIS DI BAWAH UMUR BERADA DI KARAOKE - PENGUATKUASAAN

10. **Dr. Tan Yee Kew [Klang]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:-
- (a) mengapakah gadis-gadis di bawah umur yang dijumpai berada di karaoke lounge boleh ditahan oleh pegawai penguatkuasa dan polis dan juga boleh dihantar ke pusat-pusat pemulihan; dan
 - (b) adakah pihak kerajaan menganggap karaoke sebagai aktiviti yang tidak sihat dan adakah pihak pengurusan karaoke perlu mempamerkan papan tanda untuk memberi amaran kepada gadis-gadis di bawah umur bahawa mereka tidak dibenarkan memasuki premis tersebut.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan Yang Berhormat dari Kelang bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Mentakab yang sepatutnya dijawab pada 29 Julai kerana kedua-dua soalan adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Kelang, kuasa penahanan oleh pegawai penguatkuasaan ke atas gadis-gadis di bawah umur yang berada di karaoke lounge atau tempat-tempat lain seumpamanya memang ada diperuntukkan di bawah seksyen 7 Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973. Sementara itu kuasa untuk menghantar wanita dan gadis ke pusat-pusat pemulihan adalah terletak kepada mahkamah seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 8 akta yang sama.

Mengenai prosedur penahanan wanita dan gadis yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Mentakab pula, adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 7(2), Seksyen 8(1) dan Seksyen 8(2), Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973. Prosedurnya adalah seperti berikut:-

- (a) menerima kes dari pihak polis di mana wanita dan gadis di bawah umur 21 tahun disyaki diguna untuk pelacuran, terdedah atau terdedah kepada bahaya moral;
- (b) menerima dan membaca laporan polis;
- (c) temubual dengan subjek kes untuk mendapatkan laporan ringkas mengenai keluarga dan penglibatannya;
- (d) memberi penerangan kepada subjek kes dan keluarga sekiranya ada, dan mengapa perintah tahan sementara di pohon;
- (e) mengiring subjek kes ke institusi;
- (f) memaklumkan kepada keluarga mengenai penahanan subjek;
- (g) menghantar saman kepada keluarga dan pegawai polis untuk hadir enquiry dan perbicaraan;
- (h) menjalankan enquiry pada tarikh yang telah ditetapkan;
- (i) penyediaan laporan sosial;
- (j) urusan perbicaraan di mahkamah;
 - (i) membawa subjek kes ke mahkamah;
 - (ii) kemukakan laporan enquiry dan laporan sosial;
 - (iii) menasihatkan mahkamah mengenai perbekalan undang-undang;
 - (iv) mendapatkan perintah mahkamah;
 - (v) menerangkan kepada ibu bapa mengenai keputusan mahkamah;
- (k) mengiringi subjek kes ke institusi sekiranya diperintahkan masuk ke pusat perlindungan;
- (l) memaklumkan keputusan kepada semua pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan Yang Berhormat dari Kelang mengenai karaoke, ianya adalah satu bentuk rekreasi yang menghiburkan sekiranya tidak disalahgunakan. Yang menjadi masalah ialah ada karaoke lounge dijadikan tempat melakukan perkara-perkara yang tidak bermoral.

Dalam peraturan pemberian lesen hiburan oleh pihak kerajaan tempatan, setiap pusat hiburan atau karaoke hendaklah mematuhi segala syarat-syarat lesen berkenaan termasuklah mempamerkan papan tanda yang bersesuaian di premis tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Mentakab, kes juvana yang telah didakwa di mahkamah pada tahun 1974 adalah sebanyak 4,534 kes, pada tahun 1995 sebanyak 4,012 kes dan pada tahun 1996 sebanyak 4,125

kes. Bilangan mereka yang ditempatkan di pusat pemulihan akhlak pada tahun 1994 adalah seramai 631 orang, pada tahun 1995 seramai 578 orang dan pada tahun 1996 seramai 671 orang.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, tiap-tiap lesen yang kita bagi ini ada syarat-syarat yang tertentu sebagaimana yang Yang Berhormat Menteri telah sebutkan tadi.

Banyak juga negeri-negeri di dunia menghadkan ataupun memberi batasan kepada sipelanggan mereka umpamanya kalau hendak beli rokok atau arak di England kita kena berumur di bawah 18 tahun - 16 tahun tidak boleh beli. Sekarang sudah hendak tingkatkan sampai 18 tahun baru boleh beli. Jadi, bidang penguatkuasa bukanlah daripada pihak berkuasa macam polis dan pegawai penguatkuasa yang lain tetapi ialah pemegang lesen itu sendiri. Jadi, semua masyarakat terlibat dalam menguatkuasakan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan dan keberkesanannya dianggap amatlah menggalakkan. Jadi, macam mana keadaan di negara kita Malaysia? Adakah kita seratus peratus menunggu pihak agensi-agensi kerajaan yang tertentu untuk menguatkuasakan undang-undang ini dan bagaimana penglibatan mereka yang berkenaan iaitu licence holder, dengan izin, itu sendiri menguatkuasa syarat-syarat yang perlu dikuatkuasakan oleh pihak mereka? Terima kasih.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat yang saya maksudkan tadi, salahsatu daripadanya adalah mempamerkan had umur sesiapa individu yang dibenarkan masuk dalam tempat hiburan itu. Ini adalah tanggungjawab pemegang lesen dan pihak penguatkuasa boleh mengambil tindakan sekiranya ini tidak dibuat. Itu caranya dan saya berharap jugalah bahawa kita semua sebagai Ahli-ahli Parlimen di kawasan kita masing-masing memberitahu mengenai perkara ini mungkin di kalangan masyarakat umum mereka tidak memahami peruntukan-peruntukan yang ada dalam undang-undang atau akta-akta yang berkuatkuasa di negara kita.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu mengapa amaran atau kaunseling tidak diberikan kepada gadis-gadis yang ditahan itu sebelum mereka dihantar ke pusat pemulihan dan saya juga ingin tahu berapakah pengurus karaoke telah dihukum ataupun lesen ditarik balik kerana membenarkan remaja di bawah umur masuk ke karaoke lounge? Terima kasih.

Datin Paduka Hajah Zaleha bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu mengenai pengusaha karaoke dipukul dan mengenai amaran, sebenarnya apabila perkara-perkara itu berlaku dan ada laporan daripada pihak polis dan seperti saya sebutkan awal-awal tadi iaitu mengikut prosedur apabila pegawai kebajikan menerima laporan daripada pihak polis, pegawai kebajikan terpaksa mengambil tindakan untuk mengemukakannya kepada mahkamah dan gadis itu ditahan kerana didapati dalam keadaan bahaya moral. Yang dimaksudkan dalam keadaan bahaya moral ini ialah dalam situasi atau keadaan yang meragukan iaitu misalnya, tempat itu gelap dan ada lelaki perempuan duduk bersama - berhimpit-himpit pulakah - ini semua dianggap dalam keadaan bahaya moral. Jadi, atas

sebab itulah, maka mereka ini ditahan dan di dalam Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, tidak ada peruntukan yang mengatakan kebenaran ibu bapa membolehkan mereka pergi ke situ. Jadi, itu sebabnya wanita dan gadis ini ditahan.

Ada satu pertelingkahan atau percanggahan di antara akta yang dikuatkuasakan oleh kerajaan tempatan mengenai individu yang boleh bekerja dan boleh memasuki, agaknya, tempat hiburan ini dengan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973. Di bawah Akta Hiburan ini seseorang yang berumur 18 tahun ke atas boleh bekerja di tempat itu ataupun masuk ke situ tetapi di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, had umurnya ialah 21 tahun. Memandangkan pertelingkahan ini, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah membawa perkara ini kepada jawatankuasa khas kabinet mengenai masalah sosial dan satu jawatankuasa untuk mengkaji semula undang-undang sosial sudah pun ditubuhkan dan akan mengadakan mesyuaratnya yang pertama pada 25 Julai ini iaitu untuk mengkaji dan membincangkan semua akta-akta yang ada kaitannya dengan sosial terutamanya akta-akta di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, misalnya, Akta Juvana, Akta Pengangkatan, Akta Pendaftaran Pengangkatan, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, Akta Perlindungan Kanak-kanak, Akta Keganasan Rumahtangga dan begitu juga ada akta-akta lain di bawah kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang lain yang berkuatkuasa juga ada kalanya bertelingkah dan bercanggah antara satu sama lain. Jadi, ini sedang diuruskan.

BERAS GRED SUPER DAN BERAS WANGI - HARGA

11. **Tuan Philip Yong Chiew Lip [Gaya]** minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan masalah harga beras gred super dan beras wangi yang tidak stabil dan baru-baru ini kekurangan beras wangi di pasaran adalah disebabkan oleh import beras tersebut dimonopoli oleh BERNAS. Keadaan ini juga mengakibatkan pengguna terpaksa membeli beras tersebut dengan harga yang tidak berpatutan, adakah kerajaan ingin membuka pasaran bebas kepada pengimport untuk mengimport beras gred super dan beras wangi supaya pengguna dapat menikmati harga beras yang lebih berpatutan.

Setiasaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, harga beras gred super dan wangi keseluruhannya adalah stabil. Harga kedua-dua jenis beras tersebut tidak dikawal tetapi sebaliknya ditentukan oleh kuasa pasaran. Walau bagaimanapun, bahagian kaunselor padi dan beras Kementerian Pertanian sentiasa mengawasi harga beras gred super dan jenis wangi. Di samping itu, langkah-langkah telah diambil bagi memastikan harga kedua-dua jenis beras tersebut tidak terus meningkat. Langkah-langkah tersebut yang melibatkan BERNAS ialah:

- (i) BERNAS bukan sahaja mengimport beras bermutu tinggi tetapi juga mengimport beras yang mutunya setanding dengan beras gred super tempatan;
- (ii) BERNAS juga telah mengambil inisiatif untuk mengadakan jualan beras dengan harga berpatutan melalui B-Mart, sebuah syarikat BERNAS. Melalui syarikat ini BERNAS diberi hak mutlak untuk mengimport beras.

Kerajaan puas hati dengan tanggungjawab yang telah diselaraskan oleh BERNAS dalam menjamin bekalan beras yang stabil dengan harga yang berpatutan kepada pengguna-pengguna mengikut terma dan syarat perjanjian penswastaaan BERNAS. Oleh itu kerajaan setakat ini tidak bercadang untuk membenarkan pengimportan beras secara bebas oleh mana-mana pihak lain. Terima kasih.

TEKSI PROTOTAIP MENGGUNAKAN GAS DI BANDAR UTAMA - MEMPERKENALKAN

12. Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan bilakah kementerianya bercadang untuk memperkenalkan teksi prototaip enam tempat duduk, menggunakan gas di bandar-bandar utama di negara ini. Kalau tidak, mengapa. Juga minta dinyatakan setakat ini sejauh manakah usaha yang telah dijalankan oleh kementerianya bagi menggalakkan teksi-teksi di bandar-bandar utama mengalih penggunaan bahan api dari petrol/diesel kepada gas sekarang ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah pun mengambil tindakan untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 bermaksud di antara lain, mengambil kira kemungkinan kenderaan gas asli mampat ataupun natural gas vehicle dengan empat tempat duduk digunakan sebagai teksi. Pemindaan akta ini perlu kerana struktur tambang teksi masa kini tidak wajar dikenakan ke atas kenderaan teksi prototaip tersebut disebabkan harga kenderaan ini adalah jauh lebih tinggi dari jenis-jenis kenderaan sekarang yang digunakan sebagai teksi. Maka perkhidmatan teksi kenderaan ini mestilah disifatkan sebagai perkhidmatan teksi mewah dengan struktur tambang yang lebih tinggi daripada struktur tambang teksi biasa. Pindaan akta ini akan dijadualkan untuk dibentangkan di Parlimen dalam Penggal Ketiga tahun ini dan berkuatkuasa pada awal tahun hadapan. Dengan ini terpulanglah kepada pihak swasta memperkenalkan penggunaan kenderaan gas asli mampat sebagai teksi mewah apabila urusan pindaan akta ini selesai.

Usaha-usaha lain yang telah diambil ialah:-

- (i) menetapkan 25% daripada bilangan teksi syarikat-syarikat teksi di Lembah Klang menggunakan gas asli mampat mulai 1 Oktober tahun ini apabila mereka memohon untuk mengganti kenderaan;
- (ii) menetapkan pengusaha-pengusaha teksi individu di Lembah Klang menggunakan gas asli mampat mulai 1 Oktober ini juga apabila mereka memohon untuk mengganti kenderaan;
- (iii) mempertingkatkan kadar peratusan syarikat-syarikat teksi yang telah menggunakan gas dari masa ke semasa bergantung kepada penambahan bilangan stesen minyak yang membekalkan gas asli mampat;
- (iv) memperluaskan tindakan yang telah dinyatakan di atas ke kawasan-kawasan lain sekiranya gas asli mampat boleh diperolehi di kawasan-kawasan ini.

Kementerian telah menjalani hubungan yang rapat dengan Petronas NGV Sdn. Bhd. bukan sahaja dalam usaha-usaha untuk mempermudah lagi gas asli mampat supaya senang diperolehi khususnya di Lembah Klang

sebagai permulaannya oleh pemandu-pemandu teksi dengan penambahan bilangan stesen minyak menjual gas asli mampat, tetapi juga mengenal pasti insentif-insentif tambahan kepada pengusaha-pengusaha dan pemandu-pemandu teksi untuk dicadangkan kepada kerajaan sebelum insentif-insentif ini dapat dilaksanakan.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan tahun depan Sukom akan diadakan di sini dan juga KLIA akan beroperasi, adakah pihak Kementerian Pembangunan Usahawan akan mewajibkan semua teksi baru nanti menggunakan gas mampat?

Tuan Idris bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi bahawa dari masa ke semasa penambahan penggunaan gas asli ini akan dipertingkatkan mengikut wujudnya bilangan stesen-stesen yang membekalkan gas ini. Untuk Sukom, kita akan menambahkan kenderaan teksi di Kuala Lumpur dan untuk KLIA, kita telah menawarkan perkhidmatan itu kepada sebuah syarikat baru-baru ini.

PUSPAKOM - AMBIL ALIH TUGAS

13. Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena] minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah rancangan kerajaan untuk mengambil semula tugas sebagai Pusat Pemeriksaan Kereta Berkomputer (PUSPAKOM) yang telah diswastakan kepada DRB-HICOM yang didapati “corrupted” dan menyeleweng daripada tugas yang telah diamanahkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menjawab soalan ini yang sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Jerantut dan Yang Berhormat dari Jelevu kerana soalnya sama dengan soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Pokok Sena.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Sesungguhnya terdapat tuduhan-tuduhan bahawa berlakunya amalan rasuah di kalangan kakitangan PUSPAKOM tetapi setakat ini tidak ada sebarang bukti yang kukuh diterima dari orang ramai bagi membolehkan kakitangan yang terlibat disabitkan dengan kesalahan rasuah.

Sejak PUSPAKOM memulakan operasinya hingga kini, hanya satu sahaja kes yang telah diambil tindakan oleh Badan Pencegah Rasuah di mana kes tersebut masih lagi di dalam perbicaraan di Mahkamah Seremban.

Bagi mengatasi masalah rasuah yang dikatakan berleluasa di PUSPAKOM, pihak pengurusan PUSPAKOM telah mengambil langkah proaktif bagi memerangi masalah tersebut seperti berikut:-

- (i) menubuhkan Unit Kawalan Kualiti;
- (ii) menubuhkan Unit Audit Teknikal;
- (iii) bekerjasama dengan pihak audit dalaman dari Master Carriage;
- (iv) bekerjasama dengan pihak Kawal Selia Teknik JPJ semasa proses pengauditan;
- (v) menjalankan program kefahaman dan kesedaran kepada pemilik kenderaan supaya berurusan terus dengan PUSPAKOM tanpa melalui orang tengah serta menasihatkan

pemilik supaya memastikan kenderaan mereka benar-benar sempurna sebelum dihantar untuk pemeriksaan;

- (vi) meningkatkan keupayaan peralatan pemeriksaan dan komputer untuk mengurangkan ruang salah guna dan salah laku;
- (vii) mewujudkan 'non-contact area' untuk mengurangkan peluang hubungan langsung di antara pemeriksa dan pelanggan;
- (viii) mengadakan borang aduan dan cadangan untuk dihantar terus kepada Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM;
- (ix) menjalankan usaha mewujudkan sistem pengurusan berkualiti yang menepati piawaian MS ISO 90002; dan
- (x) kakitangan di pusat pemeriksaan hanya dibenarkan membawa wang sebanyak RM50 sahaja di tempat kerja.

Sementara itu bagi memastikan aktiviti pemeriksaan di pusat-pusat pemeriksaan PUSPAKOM dilakukan selaras dengan kehendak-kehendak perundangan, Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan akan terus mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas kualiti kenderaan yang diperiksa oleh PUSPAKOM bagi memastikan tiada penyelewengan berlaku dan setiap kenderaan yang telah diperiksa mematuhi piawaian dan kehendak-kehendak perundangan yang ditetapkan.

Adalah tidak benar amalan rasuah yang dikatakan berleluasa berlaku di pusat-pusat pemeriksaan PUSPAKOM telah secara tidak langsung menyebabkan peningkatan kemalangan yang melibatkan kenderaan perdagangan sejak akhir-akhir ini. Ini adalah disebabkan mengikut Laporan Perangkaan Kemalangan Jalan Raya 1995 yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia, memandu secara cuai merupakan punca utama kemalangan jalan raya di mana ia melibatkan 30,244 pemandu daripada sejumlah 125,685 pemandu yang terlibat dalam kemalangan dalam tahun berkenaan. Sementara kenderaan yang terlibat dalam kemalangan disebabkan kerosakan mekanikal merangkumi hanya 0.5% atau 637 kenderaan daripada 128,947 kenderaan yang terlibat pada tahun yang sama.

Akhir sekali, kerajaan tidak bercadang untuk mengambil semula tugas pemeriksaan yang telah diswastakan kepada PUSPAKOM memandangkan perkhidmatan yang diberikan oleh PUSPAKOM adalah memuaskan.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa PUSPAKOM yang dibina di dalam kawasan Daerah Barat Daya Pulau Pinang misalnya telah dibina tanpa mengikut proses-proses yang sepatutnya diikuti tanpa dikemukakan kepada majlis perbandaran, tanpa dikemukakan kepada pejabat daerah dan mengikut proses yang sebenarnya dan ia pula diletakkan di satu kedudukan yang begitu tidak sesuai untuk dijadikan pusat pemeriksaan kenderaan-kenderaan perdagangan.

Jadi, saya ingin bertanya jika kementerian tidak sedar tentang perkara itu, saya harap kementerian boleh memeriksa dan kemudiannya menyatakan apakah tindakan selanjutnya yang diambil untuk memastikan bahawa proses penswastan pemeriksaan ini kepada PUSPAKOM boleh mendapat keyakinan daripada semua pihak, terutamanya daripada rakyat secara umum.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, yang kementerian sedar semuanya ikut peraturan. Yang itu kita tidak sedar dan kita akan semak.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi apabila mendengar jawapan daripada Timbalan Menteri bahawa tertangkapnya seorang dan pekerja pula dibenarkan bawa tidak lebih daripada RM50, selepas itu soalan pula datang serentak daripada tiga orang Ahli Parlimen, maknanya memang ada berlaku perkara-perkara yang kita tahu tidak berapa betul. Jadi, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri, semasa hendak memberi penswastan kepada PUSPAKOM ini adakah syarat tertentu supaya bila berlaku perkara-perkara macam ini kita boleh tarik balik tetapi Timbalan Menteri kata tidak ada cadangan. Kalau teruk macam mana pun, kita tidak akan tarik balik. Jadi saya ingin tahu takkan tiada syarat-syarat supaya perkara-perkara ini bila ada amaran (warning) itu kita terpaksa tarik balik dan beri kepada orang lain pula, orang yang lebih beramanah.

Lagi satu, Timbalan Menteri mengatakan tadi, kadang-kadang semua kenderaan yang accident itu oleh sebab kecuai pemandu. Saya tidak berapa setuju perkara ini sebab baru-baru ini saya pun accident tetapi bukan kerana saya, kerana lebu raya itu ada air dekat dua inci, selepas hujan. Bila saya bayar tol, saya memandu dengan kelajuan 100 k.s.j., 110 k.s.j., punya baiknya. *[Ketawa]* Tetapi apabila masuk air ada dua inci, dengan sendirinya accident. Itu kecuai kepada pihak pengurusan. Jadi selalu accident ini dituduh kepada pemandu, kepada orang yang bawa kereta, tetapi kadang-kadang pengurusan ini, PUSPAKOMkah, PLUSkah, ini pun kita kena ambil pertimbangan. Jadi saya ingin tahu, soalannya, adakah syarat? Yang lain itu, selitan sahaja. Syaratnya ada atau tidak, bila kita beri penswastan ini kita tentukan satu syarat, kalau hang tak betul, aku ambil balik, beri kepada orang lain, ada banyak lagi yang dok tunggu. *[Ketawa]* Terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan tadi majoriti kesalahan kemalangan adalah oleh kerana memandu secara cuai, iaitu 32,244 daripada 125,685. Bukanlah semua itu salah pemandu, ada pemandu yang baik macam Yang Berhormat dari Pokok Sena, tetapi kebanyakan itu kerana pemandu cuai. Manakala yang disebabkan oleh jalan ialah 0.5% sahaja ataupun disebabkan oleh mekanikal. Kerana itu kita tidak boleh menyalahkan PUSPAKOM kerana daripada rekod cuma 0.5% sahaja kereta yang terlibat dalam kemalangan kerana mekanikal.

Manakala kes rasuah pula, memang banyak kita dengar tetapi setelah disiasat, yang boleh kita sabitkan kes dibawa ke mahkamah setakat ini baru satu. Kerana itu adalah sukar kita hendak mengatakan PUSPAKOM telah tidak menjalankan tugasnya dengan baik. Memang syarat kita ketat, sekiranya tidak dijalankan dengan baik, tindakan boleh diambil. Kerana itu, PUSPAKOM proaktif, disyaratkan kakitangannya bawa RM50 sahaja. Pendek kata, tiap-tiap hari ada pasukan audit yang boleh check duit yang ada dalam poket kakitangannya, kalau lebih RM50, dia boleh mengambil tindakan. Inilah.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Dia ambil di kedai - on-line.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Kalau ada on-line itu, dia ambil di rumah, kita tidak nampak, itu adalah susah sedikit. Kerana itulah yang kita katakan kita tuduh tetapi kalau tidak boleh dibuktikan, kita tidak boleh ambil tindakan sebab seseorang itu mestilah sah bersalah, barulah kita boleh ambil tindakan yang wajar. Bagaimanapun, kita telah minta PUSPAKOM mengadakan pasukan perisiknya sendiri, kerana itu PUSPAKOM telah pun menubuhkan dan beliau pun telah mengadakan kawasan yang jarak supaya pemeriksa tidak boleh jumpa dengan pelanggan, seperti yang saya sebutkan sebentar tadi. Ini beberapa tindakan sedang diambil dan kementerian sedang juga meneliti dan sentiasa mendapatkan maklumat daripada PUSPAKOM adakah aduan-aduan yang diterima ini berkurangan dengan tindakan-tindakan proaktif yang telah diambil. Sekiranya banyak lagi, kita akan bincang lagi dengan PUSPAKOM bagaimana untuk memperketatkan lagi. Setakat ini tindakan-tindakan yang sedang diambil memuaskan kementerian.

FELCRA - CADANGAN SYARIKAT KORPORAT BAGI MEMAJUKAN TANAH TERBIAR

14. Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) setelah FELCRA dikorporatkan adakah cadangan syarikat korporat FELCRA yang memajukan tanah-tanah terbiar secara berterusan sepertimana tanah-tanah terbiar yang dimajukan sebelum FELCRA dikorporatkan; dan
- (b) adakah syarikat korporat tersebut melibatkan diri secara usahasama dengan tuan tanah terbiar atau FELCRA terus memajukan keseluruhan tanah tersebut secara pembahagian saham kepada pemilik-pemilik tanah yang tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan

Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) FELCRA Berhad merupakan sebuah syarikat induk dengan operasi utamanya untuk memulih dan menyatukan pengurusan tanah dan ianya

akan meneruskan fungsi dan peranan asas FELCRA dengan membiayai sendiri segala kos pengurusannya.

- (b) FELCRA Berhad akan memajukan kawasan tanah terbiar secara usahasama dengan tuan-tuan tanah.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pengkorporatan bermakna peningkatan dari segi efisiensi dan juga keberkesanan dari segi pengurusan. Maknanya kalau pengkorporatan tidak menzahirkan efisiensi dan keberkesanan yang lebih, tidak ada gunanya kita korporatkan FELCRA.

Soalan saya ialah, di kawasan saya terdapat banyak kawasan FELCRA di mana peserta-peserta FELCRA hanya mendapat dividen yang kecil sahaja. Adakah kementerian boleh memberi jaminan bahawa dengan pengkorporatan FELCRA, dividen yang diberikan kepada peserta-peserta FELCRA akan meningkat memandangkan dengan pengkorporatan ini efisiensi dan keberkesanan (efficiency and effectiveness) akan meningkat dan seterusnya memberikan pulangan yang baik kepada peserta FELCRA?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, memang apabila kerajaan memutuskan bahawa FELCRA dikorporatkan, satu objektifnya adalah untuk menentukan efisiensi dan produktivitinya akan meningkat. Jadi, kalau itu dapat dicapai, kita yakin pulangan kepada tuan-tuan punya tanah juga akan meningkat.

KENDERAAN DISITA/DILELONG/NILAI LELONGAN DIPEROLEHI - JUMLAH MENGIKUT NEGERI

15. Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu] minta Menteri Pengangkutan menyatakan perkara berikut iaitu:

- (a) jumlah kenderaan yang disita, dilelong, nilai lelongan diperolehi, kenderaan curi/pendaftaran palsu yang dikesan dan disita mengikut negeri bagi tempoh 1994-1996; dan
- (b) bilakah tarikh sebenar Bahagian Pendaftaran dan Perlesenan Kenderaan JPJ akan diswastakan dan syarikat mana yang telah memperolehi. Jumlah kutipan hasil mengikut aktiviti di Bahagian Pendaftaran dan

Perlesenan JPJ pada tempoh 1994 - April 1997 dan peratusannya daripada jumlah kutipan hasil JPJ secara keseluruhannya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Soalan ini sudah dijawab sekali tadi dengan

Tuan Yunus bin Rahmat: Itu lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada jawapan kita.....

[Menyampuk] selepas ini untuk menjawab, kerana tidak ada jawapan.

Beberapa Ahli: Duduk!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat sila jawab.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: No, the answer is there!

Tuan Yang di-Pertua: Soalan No. 15, Yang Berhormat.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: This is soalan Yang Berhormat Tuan Yunus bin Rahmat.

Tuan Yang di-Pertua: No. 15.

Tuan Yunus bin Rahmat: Yang tadi No. 93!

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tetapi soalan No. 15 ini ialah soalan dari Yang Berhormat Tuan Yunus bin Rahmat - jumlah kenderaan yang disita.

Tuan Yunus bin Rahmat: Itu lain.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang disediakan kepada saya ini dimasukkan jawapan yang lain.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]:

[Menyerahkan jawapan kepada Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah kenderaan yang disita di seluruh negara ialah sebanyak 2,182 kenderaan. Dari jumlah

tersebut 78 buah kenderaan didapati melakukan kesalahan pendaftaran palsu. Sejumlah 64 buah kenderaan pula telah dilelong dengan nilai lelongan sebanyak RM160,923.

Berikut ialah jumlah kenderaan yang disita, dilelong dan nilai lelongan serta kenderaan yang dikesan pendaftaran palsu mengikut negeri.

Negeri tahun 1994-1996	Kenderaan Disita	Kenderaan Dilelong	Pendaftaran Palsu	Nilai Yang Dilelong
Wilayah Persekutuan	1,273	32	13	RM80,263

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjangkah, jikalau 13 buah negeri itu?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Jadi, saya sebutkan jumlah semualah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak, kenderaan disita - 2,187; kenderaan dilelong - 64; pendaftaran palsu - 78; jumlahnya RM160,923.

(b) Bahagian Pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan Jabatan Pengangkutan Jalan dijangka akan diswastakan pada 1 September 1997. Syarikat yang berjaya dalam urusan penswastaan aktiviti tersebut ialah Syarikat Urusdaftar Automotif Berkomputer Sdn. Bhd. Jumlah kutipan hasil mengikut aktiviti Bahagian pendaftaran dan Pelesenan Kenderaan bagi tempoh 1994 hingga April 1997 adalah seperti berikut:

Tahun	Hasil Sebenar
1994	RM1,403,367,729.73 sen
1995	RM1,615,452,788.36 sen
1996	RM1,888,731,917.56 sen

1997

RM 692,235,696.31 sen

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa bagi Soal Jawab-Mulut telah selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi
Pertanyaan No 1, 2, 7, 16 hingga 93 akan dijilid dalam buku berasingan].*

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN SUKAN 1997

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[15 Julai, 1997]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Tuaran sila menyambung semula ucapan.

3.40 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, pembangunan sukan ini amatlah penting dan justeru itu pada hakikatnya pembentangan undang-undang ini memanglah dialu-alukan. Bagaimanapun seperti yang telah saya katakan semalam banyak perkara yang perlu diambil perhatian bukan sahaja di dalam perlaksanaan, tetapi juga dalam akta ini sendiri.

Kita perlu maju ke hadapan di dalam segala arena kegiatan negara kita termasuklah pembangunan sukan dan seperti yang telah saya katakan di dalam cadangan, falsafah pembangunan sukan kelmarin, kita bolehlah masukkan satu kategori pembangunan sukan ke arah membantu perkembangan ekonomi negara. Dalam konteks ini ianya boleh berlaku di dalam dua cara iaitu penyertaan ahli-ahli sukan secara profesional dan juga kegiatan yang dibuat oleh kementerian ataupun badan-badan sukan seperti penyelidikan tentang alat-alat sukan yang boleh dipasarkan bukan sahaja di negara kita, tetapi juga di peringkat antarabangsa. Dalam konteks itu sudah tentulah kerajaan akan mendapat manfaat ekonomi di dalam kegiatan sukan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang penghargaan kepada atlet-atlet ataupun persatuan sukan yang mencapai kecemerlangan di dalam mana-mana kegiatan sukan yang disertai baik di dalam negeri ataupun di luar negara. Di dalam pemberian penghargaan itu janganlah ada pilih kasih dan haruslah dengan ikhlas di dalam semua pencapaian agar peserta-peserta sukan benar-benar merasai bahawa penyertaan mereka yang memelopori atau mengiklankan nama baik negara dihargai oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh mengenai penghargaan terhadap pegawai-pegawai sukan dan termasuklah syarikat-syarikat yang ditubuh khusus untuk menjayakan sukan. Saya bermaksud di sini mengenai Syarikat Sukom Berhad yang sedang menjalankan tugas untuk menjayakan Sukan Komanwel nanti.

Kita merasa kesal sehingga Pengerusi SUKOM Sdn. Bhd. terpaksa menghantarkan perletakkan jawatan untuk menyahut atau oleh kerana merasa tersinggung oleh beberapa pihak mengenai perjalanan persiapan itu. Saya rasa kita tidak akan berjaya untuk memajukan sukan negara kalau keadaan ini berterusan. Saya percaya bahawa keadaan itu timbul oleh kerana ada pergeseran, pertelingkahan dan mungkin perasaan dengki di antara pemimpin-pemimpin sukan dan juga kakitangan-kakitangan badan-badan sukan itu sendiri. Saya rasa ini bukan satu cara yang baik.

Percubaan Tan Sri Pengerusi Sukom Sdn. Bhd. itu meletakkan jawatan sedikit sebanyak menjejaskan nama baik negara yang tidak seharusnya berlaku. Saya harap perkara ini tidak akan berulang lagi. Tetapi malangnya baru-baru ini juga Datuk Seri Megat Junid sebagai Ketua Kontingen sukan kita ke Sukan SEA di Indonesia juga telah menawarkan diri untuk meletakkan jawatan. Segala kejadian ini memburukkan keadaan di dalam pembangunan sukan kita yang tidak seharusnya berlaku.

Kita membelanjakan wang yang banyak untuk memajukan sukan, tetapi kalau pihak pemimpin-pemimpin pertubuhan-pertubuhan sukan itu sendiri bertelagah sesama sendiri, maka sudah tentu moral ahli-ahli atau peserta-peserta sukan kita akan terjejas dan di situlah pencapaian kita tidak akan mendapat kecemerlangan. Oleh yang demikian, saya harap pihak kementerian melalui undang-undang ini nanti hendaklah mengawasi agar perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Satu lagi perkara ialah mengenai pemberian wang kepada badan-badan sukan. Saya harap pemberian wang bukanlah menjadi satu amalan untuk menjalankan pengurusan ataupun pengawalan perjalanan pembangunan sukan di negara kita kelak. Tetapi yang saya ingin sentuh di sini ialah pengagihan pertolongan itu mestilah dilakukan dengan secara adil.

Saya harap tidak ada negeri dan juga daerah akan ketinggalan di dalam bantuan apa juga yang akan diperlukan. Seharusnya kita menganggap sukan sebagai satu kegiatan yang sihat, yang boleh membantu mencapai cita-cita Wawasan 2020. Tetapi kalau ada pihak-pihak yang tersinggung atas apa sebab juga sudah tentu kita akan mundur kebelakang pula dan bukan maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai peranan kerajaan-kerajaan negeri kelak sesudah akta ini dilaksanakan. Saya menyebut khusus tentang dua buah negeri yang memang mempunyai Kementerian Belia dan Sukan masing-masing di peringkat negeri iaitu Sabah dan Sarawak. Saya harap pihak kementerian telah pun berunding dan mendapat persetujuan pihak-pihak berkuasa sukan di kedua-dua negeri yang berkenaan dan saya juga minta agar Kerajaan Sabah dan Sarawak diberi pilihan untuk sama ada menggunakan akta ini ataupun menggubal undang-undang mereka sendiri untuk mengawal kegiatan atau kemajuan sukan di kedua-dua negeri tersebut, memandangkan hal kesukanan ini tidak dapat dipisahkan daripada pembangunan kebudayaan. Di dalam konteks ini, keadaan di Sabah dan Sarawak amat jauh bezanya dengan Semenanjung, memandangkan keadaan atlet yang berbilang kaum di situ.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Yunof Edward Maringking: Saya fikir banyak lagi yang belum diucap, Yang Berhormat. Jadi,....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Beri peluanglah, sebab you sebut hal Sarawak, tetapi kalau cerita hal Sabah I tidak ganggu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat terima kasih jugalah kerana memberi peluang.

Yang Berhormat berucap extensively kena Sabah dan Sarawak juga disebut ini. Jadi, sejauh mana Yang Berhormat sedar, tahu ataupun mengenali pendapat dan pandangan orang Sarawak itu saya ingat datang ke Sarawak pun belum. Jadi, saya haraplah Yang Berhormat beri reservation untuk orang Sarawak, biar orang Sarawak sendiri yang bercakap. Oleh kerana kita sudah hendak gubalkan undang-undang untuk seluruh negara, jadi kalau Yang Berhormat bangkitkan perkara yang parochial macam ini, saya ingat reserve for your own state atau kawasan Yang Berhormat sendirilah. Terima kasih.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kelmarin Yang Berhormat telah berucap dan dia tidak menyentuh pun tentang keadaan di Sarawak ataupun pandangan dari Sarawak, maka saya fikir, saya tidak perlu jawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi bahawa pembangunan sukan ini tidak dapat dipisahkan daripada pembangunan kebudayaan. Dalam konteks ini juga perlulah diberi perhatian khusus bukan kerana kita tidak mahu akta ini digunapakai, tetapi saya telah katakan tadi iaitu ada sebab-sebab berbagai etnik mempunyai budaya mereka sendiri yang mana ada kait-mengait dengan sukan dan kalau terlalu ketat kawalannya nanti, sudah tentu ia tidak akan memajukan kebudayaan yang berkaitan dengan sukan terutamanya di kampung-kampung.

Apa yang saya ingin harapkan di sini ialah walaupun perlaksanannya nanti, sekiranya kerajaan Sabah misalnya tidak bersetuju untuk menggunapakai undang-

undang ini, kalau diberi peluang maka saya harap perkara itu tidak akan dianggap sebagai perasaan anti nasional seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupar. Saya hanya berpendapat bahawa

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia bangun pula Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Cukuplah itu.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kena ada jemputan Yang Berhormat. Dia sendiri yang jemput saya itu. Dia sebut 'Batang Lupar' tadi itu. Tunggulah sekejap. Sekejap sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Yunof Edward Maringking: Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya dengar dia beri tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak beri dah!

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau segala perkara yang kita bangkitkan itu dianggap sebagai perasaan yang tidak menyokong tindakan Kerajaan Pusat ataupun mana-mana kementerian itu dianggap sebagai tidak wajar, maka saya fikir kita harus mengikiskan semua perasaan seperti itu, oleh kerana setiap apa yang kita lakukan sebagai sebahagian daripada negara Malaysia adalah untuk kepentingan negara Malaysia sekali pun di dalam kampung kita jalankan sesuatu yang baik untuk Malaysia haruslah dianggap sebagai sumbangan positif dan bukan negatif.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Yunof Edward Maringking: Ada panjang sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab saya minta....

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang badan-badan sukan yang telah pun didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan dan juga Akta Syarikat 1965.

Saya ingin mencadang di sini untuk kebaikan kementerian dan juga badan-badan sukan yang berkenaan supaya mereka tidak perlulah diminta dengan sibuk-sibuk mendaftar semula, memandangkan badan-badan yang telah didaftarkan ini telah pun diiktiraf oleh kerajaan, sebaliknya mungkin hanya yang betul-betul bermasalah sahaja di dalam perjalanan pentadbiran mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang penguatkuasaan akta ini kelak, saya telah mengatakan kelmarin bahawa biasanya kemajuan sukan ini berpunca kepada penyertaan semua lapisan masyarakat dan biasanya NGOLah yang memainkan peranan yang penting bukan sahaja kerana mereka ingin menyumbangkan tenaga dengan percuma atau sukarela, tetapi mereka juga mencari kewangan atas inisiatif mereka sendiri. Kalau terlalu ketat perjalanan atau penguatkuasaan undang-undang ini kelak mungkin banyak perkara yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak kementerian akan benar-benar membuat penyelidikan di dalam segala aspek perjalanan akta ini supaya ianya akan digunakan untuk tujuan mengawal dan menyelia kemajuan sukan dan janganlah pula digunakan sebagai bahan untuk menekan mana-mana badan sukan kelak oleh pihak-pihak tertentu. Oleh kerana kalau perkara itu berlaku, maka tujuan untuk memperkenalkan akta ini tidak akan tercapai tetapi sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk penggulangan saya ingin membangkitkan semula bahawa akta ini mempunyai peruntukan yang unik, iaitu Parlimen sendiri memberi kuasa kepada menteri untuk meminda undang-undang ini yang tidak seharusnya berlaku, yang terdapat di seksyen 43.

Satu lagi perkara yang saya rasa sangat menyedihkan di dalam keunikan undang-undang ini ialah seksyen 25(3) yang mana memberi kuasa kepada Pesuruhjaya untuk menggantung kuatkuasa, tindakan terhadap mana-mana badan sukan ataupun ahli-ahli sukan yang melanggar undang-undang ini, termasuk tindakan criminal offence, dengan izin. Saya rasa peruntukan seperti ini amatlah merbahaya dan saya percaya bahawa ada kemungkinan besar bahawa pelaksanaan rang undang-undang ini will be a factor breeding bar corruption, dengan izin, kalau tidak dilaksanakan dengan sewas-awasnya. Kita harus ingat satu maxim yang berbunyi “power than to corrupt in absolute power - corrupt absolutely”. Jadi, di dalam konteks akta ini di mana pihak menteri mempunyai kuasa mukmatad dan juga Pesuruhjaya Sukan juga mempunyai kuasa muktamad, saya rasa ada bahayanya. Tidak ada lagi proses akauntabiliti dan di dalam konteks yang sedemikian, saya rasa ada temtation ataupun keghairahan untuk menggunakan kuasa dengan sewenang-wenangnya. Saya tidak bermaksud untuk menyakitkan hati Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan di sini, tetapi saya harap perkara ini diambil perhatian. Saya mempunyai cukup keyakinan kepada Yang Berhormat sebagai menteri, tetapi beliau tidak semestinya menjadi Menteri Belia dan Sukan sahaja di masa-masa akan datang. Saya fikir perkara itu perlu diambil perhatian yang khusus.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang saya ingin sumbangkan dan saya harap akan dapat diambil perhatian dengan khususnya. Sekali lagi saya ingin tekankan di sini bahawa pandangan yang saya sampaikan itu adalah dengan niat yang ikhlas dan

murni untuk kemajuan sukan dan juga kemajuan negara dan bukan pandangan yang sempit seperti yang dianggap oleh beberapa pihak. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kita sudah membahaskan perkara ini sudah lama - sudah dua hari, sudah sepatutnya ditutup perbahasan pada hari ini. Oleh yang demikian, saya hendak membenarkan hanya dua orang sahaja lagi berucap.

Diminta janganlah berucap semua, kalau semua tidak habislah pada hari ini. Jadi, bolehkah saya pilih sesiapa yang hendak berucap pada hari ini? Dan diharap janganlah lebih daripada 10 minit seorang. Yang Berhormat dari Libaran.

3.58 ptg.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan Akta Pembangunan Sukan 1997 yang dibentangkan oleh Menteri Belia dan Sukan tempoh hari. Selain dari menyihatkan badan dan menambah kualiti hidup, sukan boleh memupuk pelbagai nilai murni termasuk toleransi, daya saing, daya tahan fizikal dan mental, disiplin, kepimpinan serta perpaduan.

Dalam perspektif mencapai Wawasan 2020, sukan perlu diurus secara profesional dan terancang supaya lebih fokus kepada matlamat pembangunan masyarakat madani. Dari segi global pula sukan boleh mengharumkan negara dan menjalin kerjasama serta kefahaman antara semua negara di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pembangunan Sukan yang dibentangkan pada 14 Julai yang lalu semangnya boleh dibanggakan. Ini memandangkan akta tersebut bertujuan membaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam Dasar Sukan Negara yang diluluskan 10 tahun yang lalu seperti prestasi sukan negara secara keseluruhan tidak menunjukkan kemajuan, pergeseren antara pemimpin persatuan, kurang komitmen para atlet, jurulatih dan pegawai sukan dan sebagainya. Namun demikian adakah Majlis

Sukan Negara mempunyai cukup kakitangan bagi membantu dan menyelaras pembangunan sukan bagi peningkatan prestasi atlet di pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sekiranya tidak cukup, Majlis Sukan Negara wajar melantik lebih ramai lagi kakitangan serta melatih mereka akan menjadi pakar dalam bidang masing-masing bagi melaksanakan segala tugas yang semakin mencabar ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukan jika diurus secara terancang dan profesional boleh menjadikan industri besar dan maju serta menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara. Dalam hubungan ini Majlis Sukan Negara hendaklah mengambil insentif menjadikan sukan sebagai salah satu industri seperti industri perkilangan, pelancongan, pembinaan dan perkhidmatan, kesemua industri tersebut bukan sahaja dapat menyumbang kepada ekonomi negara, bahkan dapat mewujudkan ratusan ribu pekerjaan kepada rakyat negara ini.

Negara barat khususnya Amerika Syarikat telah lama menjadikan sukan sebagai industri yang berdaya maju dan berjaya mengekalkan prestasi mereka yang teratas sekali dalam kebanyakan pertandingan sukan bertaraf dunia. Bagaimanapun, langkah pertama yang perlu diambil oleh Majlis Sukan Negara ialah memastikan individu-individu yang dilantik menjadi pengurus badan sukan hendaklah terdiri daripada mereka yang mempunyai sepenuh minat dan komitmen dalam sukan yang mereka kepalai itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita mempromosikan sukan kita harus memberi lebih penumpuan terhadap sukan yang sesuai dengan susuk badan peserta-peserta kita yang berbeza kecil berbanding dengan ahli-ahli sukan dari barat. Sukan seperti badminton, bina badan, bowling, sepak takraw, berenang, mendaki gunung, bola sepak dan bertinju boleh membuatkan ahli-ahli sukan kita mencapai taraf Olimpik atau dunia. Oleh itu, Kementerian Belia dan Sukan harus melipatgandakan usaha menambah jurulatih-jurulatih yang bertaualiah dalam sukan-sukan tersebut. Sementara itu diadakan banyak pertandingan dalam negeri sambil menjemput ahli-ahli sukan dari negara jiran untuk menyertai pertandingan kita demi mempertingkatkan mutu sukan negara. Seterusnya pelatih-pelatih yang menunjukkan prestasi yang tinggi dan berpotensi harus didedahkan menyertai pertandingan-pertandingan luar negara sebanyak yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, bayaran masuk untuk menyaksikan sesuatu pertandingan khususnya yang bertaraf dunia haruslah diturunkan. Selain itu, pertandingan tersebut juga harus disiarkan secara terus atau dengan izin, live telecast ke seluruh negara melalui TV1 atau TV2 kepunyaan kerajaan. Ini untuk memastikan semua rakyat dapat

menikmati sesuatu pertandingan yang diadakan di negara itu secara terus dan bukannya rancangan tertunda. Sukan dalam negara ini baru mula berkembang secara tersusun, oleh itu, jika kita ingin melihat minat rakyat negara ini terhadap sukan terus berkembang maju, adalah wajar pihak penganjur mempermudah penonton menyaksikan sebarang pertandingan sukan. Umpamanya, dalam pertandingan Badminton Terbuka Malaysia yang berlangsung di Kota Kinabalu baru-baru ini, ramai yang ingin menyaksikan pertandingan tersebut. Tetapi oleh kerana harga tiketnya terlalu mahal, ada di antara mereka yang berasa kesal dan tidak dapat menyaksikan pertandingan tersebut. Oleh itu, mereka terlepas menyaksikan pertandingan yang bertaraf dunia.

Begitu juga halnya dengan pertandingan Bola Sepak Coca Cola yang baru tamat lalu. Pertandingan tersebut bertaraf dunia. Tetapi ramai rakyat khususnya yang tinggal di luar bandar tidak dapat menyaksikan pertandingan tersebut, dengan izin, secara live, oleh kerana kebanyakan daripada pertandingan itu tidak disiarkan secara terus melalui TV1 atau TV2. Kenapakah kerajaan tidak menyiarkan semua pertandingan bola tersebut di TV1 atau TV2 agar semua rakyat dalam negara ini dapat menyaksikan siaran tersebut secara langsung, bukan siaran tertunda. Mana mungkin kita hendak menggalakkan semua lapisan masyarakat mengambil bahagian dalam sukan, tetapi dalam masa yang sama rancangan-rancangan secara langsung pun disekat-sekat untuk disiarkan.

Tuan Yang di-Pertua, kemerosotan prestasi dan masalah-masalah yang dialami dalam bidang sukan dan olahraga negara disebabkan adanya ramai pegawai dalam sesebuah persatuan sukan memegang jawatan terlalu dalam persatuan berkenaan hingga timbul pelbagai masalah. Mereka sanggup berkhidmat lama dengan persatuan-persatuan sukan itu kerana mendapat manfaat kewangan yang baik, khususnya yang menjawat dalam persatuan-persatuan yang mempunyai punca pendapatan yang lumayan. Ada di antara pegawai-pegawai tertentu diberi bayaran untuk pelbagai aktiviti termasuk menghadiri satu majlis keraian atau pertandingan-pertandingan di dalam negeri atau luar negara. Justeru itu, saya mencadangkan agar dalam Akta Pembangunan Sukan, perkhidmatan semua pegawai persatuan hanya dibenarkan berkhidmat tidak lebih daripada dua penggal. Hanya menteri sukan negara boleh memberikan kelulusan untuk melanjutkan tempoh tersebut.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan walaupun pada masa ini tidak punya kuasa, tetapi dapat menyelesaikan banyak karenah dalam persatuan-persatuan sukan. Saya berharap dengan wujudnya Akta Pembangunan Sukan ini, Kementerian Belia dan Sukan akan berfungsi lebih berkesan untuk mencapai matlamat Dasar Sukan Negara dan boleh membawa sukan negara ke tahap yang lebih cemerlang serta mewujudkan budaya sukan di negara ini. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Walaupun ada tiga orang lagi hendak berucap, tetapi nampaknya oleh kerana terdapat 12 orang hendak berucap, jadi saya izinkan seorang lagi sebelum Menteri menjawab. Jerantut.

4.06 ptg.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria [Jerantut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana telah memberikan saya peluang berucap dalam membahaskan Akta Pembangunan Sukan 1997. Di dalam lebih kurang tahun awal 1980-an dan juga pertengahan 1980-an, saya memang selalu pergi tengok pertandingan badminton yang diadakan di Stadium Negara. Pada masa itu pertandingan badminton sungguh baik dan sungguh mencabar, oleh kerana pemain-pemain badminton kita handal-handal belaka. Saya dan dua-tiga orang sahabat tidak kisah kalau kita hanya makan burger, oleh kerana di Stadium Negara tidak ada dijual nasi dan sebagainya, kita terpaksa masuk pukul 7 petang, terpaksa hanya makan burger ataupun makan mee goreng yang dijual oleh warong-warong di tepi Stadium Negara. Tetapi selepas tahun 1987, 1988 dan sebagainya saya tidak pernah lagi pergi ke Stadium Negara untuk melihat permainan badminton, oleh kerana Persatuan Badminton dan pemain-pemain badminton dan juga Ahli Jawatankuasa Persatuan Badminton begitu berkecamuk sekali sehinggakan mutu permainan badminton telah jatuh sehingga ke paras yang paling bawah. Kalau dalam bahasa Inggeris kita boleh kata wages scrapping the bottom of the barrel sahaja.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi main bola kita boleh tengok pemain-pemain bola kita yang begitu handal sekali seperti Ghani Minhat, seperti Allahyarham Mokhtar Dahari, Soh Chin Aun, Santokh Singh dan juga Jamal Nasir, peringkat yang lebih terdekat sedikit. Tetapi pada hari ini saya tidak dapat nama yang boleh kita sebut yang menjadi sebutan di bibir peminat-peminat sukan bola sepak. Saya masih teringat lagi apabila pasukan Malaysia ataupun Malaysian Invitation melawan Manchester United, di mana Allahyarham Mokhtar Dahari telah menjaringkan satu gol lebih kurang 40 meter daripada pintu gol, salah sebuah gol yang saya rasa yang terbaik dalam career Mokhtar Dahari. Tetapi ada hari ini kita tidak ada lagi pemain-pemain bola sepak yang begitu handal sekali.

Kalau kita cerita pasal sukan, kita tidak boleh kata 'back to the future', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak cerita pasal sukan kita hanya 'back to the past' sahaja. Kita hanya memikirkan apa yang telah berlaku pada masa dahulu, tetapi kerja ataupun masa depan yang kita hendak tengok dari segi kehandalan pemain-pemain sukan kita, saya rasa tidak ada. Sehingga pada hari ini kita boleh mempamerkan, kecuali satu-dua permainan seperti bowling dan sebagainya, hanya permainan-permainan ini yang tidak se'popular' seperti bola sepak, hoki, badminton dan sebagainya. Hanya permainan-permainan yang tidak berapa popular sahaja di mana kita boleh mempamerkan. Itu pun satu-dua permainan sahaja. Jadi, apabila kita memperkatakan sukan, 'back to the past'. Tidak ada macam filem J. Michael Flod, back to the future tidak ada.

Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, dengan akta ini, oleh kerana sebagai seorang peminat sukan, saya amat menyokong akta ini supaya dapat membangunkan sukan di dalam negara kita. Dalam negara kita sepertimana yang saya katakan sukan telah jatuh sehingga ke paras yang paling bawah sekali. Boleh jadi kita belum sampai 'the bottom most level', tetapi sekarang ini pun sudah teruk. Dengan adanya Akta Pembangunan Sukan ini, kita harap

beberapa perkara boleh dijalankan. Kalau kita bercerita berkenaan sukan, kita boleh ibaratkan macam cerita berkenaan dengan komputer. Kita ada hardware, kita ada software. Hardware ialah tempat-tempat permainan. Sebagai contoh, di kawasan saya di Jerantut tidak ada langsung kawasan permainan yang dikatakan sebagai satu kawasan yang standard yang mempunyai piawaian tertentu setaraf dengan bola jaring tempat-tempat permainan di Kuala Lumpur. Adanya padang, dua buah padang, satu pada Majlis Daerah Jerantut dan satu padang lagi F.A. Jerantut. Kedua-dua padang ini kalau main, ramai yang telah patah kaki oleh kerana banyak lubang. Di padang itu banyak lubang, ramai yang telah patah kaki termasuklah Bendahari Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Jerantut pada satu ketika patah kaki sampai tiga bulan tidak boleh mesyuarat.

Jadi, dari segi hardware tidak ada. Tempat permainan tidak ada sama ada badminton, sama ada tenis, sama ada bola, sama ada hoki tidak ada. Dan saya jangka di tempat-tempat lain pun macam itu juga, di mana kawasan-kawasan pedalaman, kawasan tidak mempunyai bandar-bandar besar, tempat permainan tidak wujud dengan baik. Bagaimanakah kalau kita tidak dapat tempat permainan yang baik untuk melahirkan atlet ataupun pemain-pemain sukan yang baik sekiranya tempatnya tidak baik. Ini dari segi hardware, yang mana hardware mesti wujud. Dari segi software, Tuan Yang di-Pertua, ialah sumber manusia. Ini adalah software kepada sukan. Hardware dan software saling bergandingan ibarat irama dan lagu tidak dapat dipisahkan.

Jadi, saya berharap dengan adanya Akta Pembangunan Sukan ini, Kementerian Belia dan Sukan dapat memberikan penekanan kepada kewujudan tempat-tempat gelanggang-gelanggang sukan, padang dan sebagainya yang ada standard sedikit, yang mempunyai piawaian tertentu selaras dengan kehendak peringkat antarabangsa kalau boleh. Selepas itu, pastikan kita latih pemain kita, atlet kita. Ini kita dapati bahawa pegawai belia dan sukan sendiri tidak pandai, macam mana. Dari segi undang-undang volleyball dia tidak erti, ukuran court badminton dia tidak tahu, dan dia pun tidak pernah bersukan, bagaimana dia hendak mengajar ataupun menganjurkan sukan sekiranya pegawai belia sendiri tidak terdiri daripada mereka yang berminat ataupun mempunyai pendidikan dalam bidang sukan.

Sekarang ini kita ada beberapa buah universiti yang memberikan kursus dalam bidang kesukanan ataupun bidang physical education. Jadi, kita berharap pegawai-pegawai belia ataupun pegawai-pegawai yang ditugaskan di peringkat daerah untuk menjaga sukan. Kita berharap mereka ini terdiri daripada mereka yang mempunyai ijazah dalam bidang kesukanan, supaya dia tahu. Paling kurang pun dia tahu lima-enam jenis sukan yang betul-betul diminati oleh masyarakat setempat. Kita tidak bolehlah macam jadual yang diberikan 39 jenis, macam orang yang ditempatkan di Jerantut tidak payahlah sukan kapal layar, sebab tidak ada laut. Boleh jadi sekiranya perahu bolehlah dekat Sungai Pahang, tetapi tidak perlukan kapal layar. Oleh kerana itu, dia mesti menempatkan pegawai yang tahu berkenaan dengan sukan, paling kurang lima-enam jenis sepertimana yang ditulis dalam Jadual Pertama seksyen 2 ini.

Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, ini berlaku di Hongkong semasa Persatuan Badminton menghantar pemain-pemain badminton ke Hongkong. BAM, track suitnya lain warna, Nusa Mahsuri lain warnanya. Di situ kita sudah ketahui kalau dia sudah lain warna, maknanya dia tidak akan merupakan satu team, satu pasukan. Dan

keputusan permainan pertandingan itu menunjukkan bahawa bukan mereka mewakili Malaysia, tetapi mereka mewakili diri sendiri. Track suit telah menyatakan bahawa mereka tidak akan menang, oleh kerana mereka bukan satu team.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, kita berharap pada masa depan supaya warna negara kita, bermakna kita pergi ke Amerika, warna itulah juga, kita main soft ball itu dia, kita main bola warna itu dia, seperti negara Brazil warna kuning dan juga biru ataupun hijau ataupun turquoise warnanya. Jadi, kita adakan warna yang tertentu untuk negara kita dan sama ada ia mewakili mana-mana pasukan, kelab ataupun syarikat, apabila dia pergi ke luar negara, dia mesti memakai warna yang telah ditentukan sebagai satu pasukan. Jangan kiranya besok dia pakai warna ada yang kelabu, ada yang hijau, ada yang jingga, ada yang merah, saya rasa tidak ada langsung menunjukkan semangat 'in spirit' yang seharusnya wujud bagi mewakili negara Malaysia. Warna pakaian mesti standardise supaya kita ada perasaan 'team spirit', paling kurang pun 'team spirit' ini ada. Ini 'team spirit' tidak ada macam mana kita hendak menang dan bagaimana kita hendak dapat nombor satu.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali saya ingin mencadangkan, kita sekarang ada Majlis Sukan Negara, tetapi bagi tujuan untuk memastikan Akta Pembangunan Sukan ini dapat kita praktikkan dengan begitu baik sekali, dipraktikkan dengan begitu cemerlang sekali, kita adakan satu Majlis Pembangunan Sukan. Selain daripada majlis sukan, yang saya rasa majlis sukan ini dia lihat kerenah persatuan-persatuan sukan sahaja maknanya dari segi akaunnya, dari segi pendaftarannya, dari segi ahli-ahli jawatankuasanya, ini 'administrative' punya kerja. Lepas itu kita ada Majlis Pembangunan Sukan untuk melihat kepada pembangunan sesuatu sukan itu. Kalau kita dapati bahawa sukan itu dalam masa sepuluh tahun, tidak dapat kiranya meningkat mutu di peringkat antarabangsa, sebabnya oleh kerana jawatankuasanya, oleh kerana presidennya, oleh kerana pengerusinya, kita tukar sepertimana yang diperkatakan oleh

Ahli Yang Berhormat dari Libaran tadi, kita ada kuasa untuk menukarkan mereka ini ataupun kita gunakan kuasa tertentu bagi mereka ini tidak dilantik.

Sebab kalau dalam sepuluh tahun kiranya sukan itu tidak berkembang, tidak maju, saya rasa tidak perlulah kita mempunyai seorang presiden, seorang pengerusi yang tidak efektif dari segi memajukan sukan tersebut.

Jadi, saya berharap kita ada satu majlis khusus untuk pembangunan sukan, yang Majlis Sukan Negara ini bolehlah perkara 'administrative' dibuatnya, tetapi dari segi pengkhususan, dari segi pembangunan sukan, kita mesti ada satu jawatankuasa, satu majlis yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja, terima kasih dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri diminta menjawab.

4.17 ptg.

Menteri Belia dan Sukan [Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukacita saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada begitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun bangun untuk turut serta membahaskan cadangan suatu Rang Undang-undang Pembangunan Sukan 1997 ini.

Banyak daripada perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan akan diambil perhatian yang serius oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan supaya dengan cara itu kita dapat sama-sama meningkat dan memajukan sukan negara kita.

Bagi menentukan supaya akta ini akan ditadbirkan dengan sempurna, maka Kementerian Belia dan Sukan telah pun mencadangkan supaya satu bahagian ditubuhkan dengan pegawai-pegawai yang sesuai jumlahnya dilantik. Rundingan akan diadakan dengan agensi pusat supaya bahagian ini dapat diwujudkan dengan segera dan

mbolehkan perlantikan Pesuruhjaya Sukan serta pembangu-pembantunya bagi memulakan tugas yang telah pun dinyatakan dalam akta yang dicadangkan ini.

Kementerian ini juga akan menentukan supaya kakitangan untuk menguruskan hal-hal pendaftaran disediakan terlebih dahulu sebelum proses mengambil alih tugas daripada Pendaftar Pertubuhan dibuat untuk menentukan kelicinan proses berkenaan berjalan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas sokongan daripada Ahli Yang Berhormat dari Yan yang meminta pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menimbangkan dengan saksama di atas permohonan yang akan dikemukakan oleh kementerian ini bagi menubuhkan bahagian yang akan mengendalikan urusan pentadbiran akta ini.

Selain daripada itu, saya suka juga memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa dengan adanya akta ini maka bukanlah bermakna dalam sekelip mata masalah yang begitu lama, yang sudah pun dihadapi sekarang akan selesai dan juga mutu sukan negara melonjak dengan begitu mendadak dalam satu jangka waktu yang singkat. Proses untuk memantapkan pengurusan persatuan-persatuan sukan kebangsaan akan mengambil masa dan demikian juga halnya dengan program untuk memajukan sukan negara.

Secara logiknya, pengurusan yang lebih baik di kalangan persatuan-persatuan sukan sudah tentu akan dapat menghasilkan program-program pembangunan atlet yang lebih terancang dan dalam jangka masa yang panjang akan dapat menghasilkan apa yang kita semua hajati.

Ini perlu saya tegaskan kerana Sukan Komanwel 1998 hanya tinggal 422 hari sahaja lagi dan saya khuatir ada pihak-pihak yang beranggapan dengan lulusnya akta ini maka kontinjen negara akan memungut pingat-pingat yang besar jumlahnya, meskipun

kita tahu kemampuan atlet negara kita pada waktu ini agaknya terhad dalam beberapa acara sukan sahaja.

Apa yang kita harapkan melalui akta ini dan juga melalui program menyediakan atlet ke Sukan Komanwel 98 ialah supaya usaha yang ada diteruskan dengan lebih baik selepas tahun 1998 bagi menghasilkan pencapaian yang lebih membanggakan pada masa-masa hadapan seperti yang disarankan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar.

Program mewujudkan atlet yang cemerlang di peringkat antarabangsa, apatah lagi di peringkat Sukan Komanwel itu, sukan yang dikatakan kedua terbesar selepas Sukan Olimpik perlu dilaksanakan dalam jangka waktu yang lebih panjang melalui satu program yang lebih tersusun.

Pencapaian terbaik kontinjen Malaysia di pertandingan Sukan Komanwel ialah pada tahun 1994 di mana atlet negara telah pun memenangi sebanyak dua pingat emas, tiga perak dan dua gangsa. Melalui prestasi yang ditunjukkan oleh atlet-atlet yang sedang menjalani latihan untuk Sukan Komanwel 98, ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa pencapaian yang lebih baik akan diperolehi pada tahun hadapan, insya-Allah, melalui sukan-sukan seperti badminton, angkat berat, sukan menembak, bowling, hoki lelaki dan kemungkinan bagi acara gimrama.

Dalam Sukan Komanwel 1994

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sesungguhnya saya sebenarnya hendak mengambil bahagian di dalam perbahasan ini tetapi tidak ada peluang kerana ramai yang hendak bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, yang pertamanya, mengenai Sukom, saya pun berharap prestasi kita akan meningkat. Saya tidak berangan-angan kita akan dapat 50 pingat emas dan sebagainya - tidak. Sekurang-kurangnya kita tunjukkan komitmen, kita tunjukkan kesabaran dan niat untuk tabah dan niat untuk maju, itu cukup bagi saya, tak payah kita pungut emas dengan begitu sahaja [*sambil menjentikkan tangannya*] - tidak! Itu mustahil!

Walau bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini, sebab yang pertama, perbelanjaan untuk latihan ditetapkan pada RM280 juta dan kemudian belanjawan untuk Sukom ditetapkan pada tahap RM310 juta. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan setakat ini kita lebih satu tahun sahaja, berapa jumlah yang dibelanjakan untuk latihan sahaja? Itu yang pertama.

Yang kedua, setakat mana kita berjaya untuk mencapai satu jumlah belanjawan RM310 juta ini ataupun, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya pada tahun 1992 apabila kita berjaya untuk menganjur Sukom ini dianggarkan jumlah belanjawan itu RM77 juta sahaja dan ini bermakna dalam tempoh lima tahun

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dingatkan

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:hanya boleh soal sahaja, bukan buat ucapan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, kita soallah. Bukan buat ucapan, itu kita hendak tolong sahajalah, sama-sama kena tolong, saya akan pendekkan.

Pada lima tahun yang lepas, adakah Yang Berhormat sedar, ya, saya soallah. Hanya jumlah RM77 juta dianggarkan tetapi sekarang meningkat kepada RM310 juta dan pada tahun 1998 adakah itu akan meningkat kepada RM400 juta.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya belum sampai kepada bab itu, tetapi tidak apalah, Ahli Yang Berhormat telah bangkitkan, tidak sabar agaknya.

Saya sebutkan biar saya habis, bahawa mengikut jangkaan kita prestasi atlet kita, insya-Allah, untuk Sukan Komanwel yang akan kita adakan tahun depan akan meningkat. Tahun 1994, waktu kita menyertai Sukan Komanwel, kita menduduki tempat yang ke-13 daripada lebih kurang 68 buah negara. Not too bad but still not too good, dengan izin.

Sekarang ini kita harap 'ranking' kita akan dapat meningkat sekurang-kurangnya 'the top ten'lah. Jadi, dengan sebab itu, kita yakin dengan komitmen yang telah pun ditunjukkan oleh para atlet dan pegawai, apa lagi dengan sokongan kuat daripada pihak kerajaan untuk menyediakan peruntukan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi agaknya memang besar, kita harap akan kita lihat sesuatu keputusan yang lebih baik lagi.

Ahli Yang Berhormat bertanya berapa banyak yang sudah dibelanjakan, saya tidak dapat menyatakan dengan jelas kerana mungkin kalau saya sebutkan, itu hanya anggaran sahaja tetapi sebenarnya walaupun kita sudah memperuntukkan sejumlah lebih RM200 juta, kita tidak berbelanja banyak sangat, mungkin tidak sampai separuh daripada jumlah itu telah pun kita belanjakan.

Untuk Sukan Komanwel ini, yang dikelolakan oleh Sukom Ninety Eight Berhad, mungkin yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah sebagai anggaran kasar di peringkat awal kerana di waktu itu mungkin banyak perkara-perkara yang belum lagi dapat ditentukan skopnya, apa lagi inilah Sukan Komanwel yang pertama di mana acara berpasukan diadakan. Yang terakhir Sukan Komanwel dahulu di Victoria cuma lebih kurang 3,000 atlet. Kita lebih kurang 6,000 kerana acara berpasukan ini ada dimasukkan dalam Mesyuarat Commonwealth Games Federation, saya kira akhir tahun yang lepas.

Jadi, kita sudah jadi tuan rumah kena menanggung sejumlah atlet dan pegawai yang lebih ramai, malahan kalau hendak dikira dua kali ganda. Jadi, atas sebab itu, saya kira adalah wajar untuk pihak Sukom Ninety Eight Berhad, syarikat yang mengelolakan ini membuat perubahan yang sesuai dan sekarang ini kita telah pun dimaklumkan bahawa kita sudah dapat membuat perkiraan yang lebih jelas tentang skop sukan ini, apa acara yang hendak kita kelolakan, apa bidang yang harus kita laksanakan dan tanggungjawab keseluruhannya, maka pihak pengurusan Sukom Ninety Eight Berhad telah pun menyatakan kepada saya bahawa setakat ini sahaja, dia 'pack' ataupun dia tetapkan belanjawannya tidak harus melebihi RM305 juta, walaupun anggaran pendapatan lebih kurang RM310 juta yang diperolehi Sukom Ninety Eight Berhad. Saya harap ia juga akan terhenti di situ sahaja. Jadi, ini mungkin insya-Allah akan dapat dilaksanakan oleh pihak Syarikat Sukom Ninety Eight Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ledang telah pun membangkitkan beberapa perkara yang menyentuh Tabung Kebajikan Atlet, kursus-kursus ketahanan mental bagi ahli sukan kita serta kuasa untuk meneliti akaun persatuan yang dikatakan di antara sebab punca timbulnya masalah dalaman yang kerap berlaku. Sebagai makluman Dewan ini, Majlis Sukan Negara telah pun mempunyai Skim Kebajikan Atlet Kebangsaan untuk membantu dalam hal-hal yang berkaitan dengan kebajikan atlet dan juga pegawai di peringkat kebangsaan, umpamanya mereka yang ditimpa kemalangan.

Salah satu daripada aspek kebajikan ini ialah menyediakan skim insurans berkelompok ahli sukan yang bernilai RM50,000 seorang. Daripada tahun 1996 sebanyak RM157,388.04 telah pun dibayar sebagai pampasan di bawah skim ini. Kursus-kursus ketahanan mental merupakan sebahagian daripada proses latihan yang diadakan bagi atlet-atlet. Pegawai-pegawai yang mahir dalam bidang ini, sama ada daripada luar negeri ataupun pakar tempatan telah pun dilantik untuk membantu dalam aspek ini. Di samping itu juga, kem-kem bina negara telah pun

dianjurkan dari masa ke semasa supaya semangat cintakan negara serta semangat tanpa mudah menyerah kalah dapat ditanamkan kepada tiap-tiap atlet yang berkenaan.

Akta Pembangunan Sukan 1997 akan memberi kuasa kepada pesuruhjaya sukan, di antara lain, untuk meneliti urusan pentadbiran dan kewangan persatuan-persatuan sukan. Penelitian ini dijangkakan akan dibuat dengan lebih rapi lagi memandangkan jumlah persatuan-persatuan yang terletak di bawah kawalan pesuruhjaya sukan tidaklah besar jumlahnya dan dijangka penelitian yang lebih terperinci akan dapat dilakukan.

Ahli Yang Berhormat dari Pokok Sena telah pun membangkitkan tentang perlunya orang yang berminat ataupun mempunyai kemahiran memimpin persatuan sukan kebangsaan supaya mereka lebih memahami kedudukan yang berlaku dalam persatuan-persatuan sukan masing-masing. Selain daripada itu juga, beliau telah pun menegur di atas sikap pemimpin-pemimpin sukan yang beliau katakan pentingkan diri sendiri sahaja sehingga kadangkala menjejaskan pembangunan sukan itu sendiri. Saya memang bersetuju di atas pandangan ataupun saranan Yang Berhormat dan kita berharap mereka yang mempunyai minat serta berkemahiran sahaja akan dipilih untuk menjadi pemimpin persatuan-persatuan sukan.

Namun demikian, dalam menentukan keberkesanan perjalanan persatuan-persatuan berkenaan mungkin cadangan Ahli Yang Berhormat untuk meletakkan seorang wakil kementerian di semua persatuan sukan kebangsaan boleh dipertimbangkan untuk meneliti perkembangan yang berlaku dalam persatuan-persatuan tersebut - membawa masalah-masalah yang dihadapi kepada pihak kementerian ataupun saya sendiri dan mungkin dengan cara begitu, kita akan sama-sama dapat membantu meningkatkan prestasi atlet kita dalam sukan-sukan yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat ketika mengambil bahagian dalam membahaskan akta ini juga telah pun menyentuh beberapa bidang yang berkaitan dengan akta ini serta bidang-bidang lain mengenai usaha-usaha untuk memajukan sukan negara. Masalah politicking serta kepimpinan persatuan-persatuan sukan telah pun disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ledang, Yan, Santubong, Tuaran, Bukit Mertajam, Kuala Selangor, Batang Lupa dan Pokok Sena, malahan boleh dikatakan hampir kesemuanya menyentuh tentang soal masalah kepimpinan dalam persatuan-persatuan sukan.

Kelemahan kepimpinan persatuan-persatuan sukan kebangsaan memang berlaku hingga menyebabkan pentadbiran yang lemah dan sekali gus menjejaskan juga prestasi atlet sukan-sukan yang berkenaan. Akta yang dicadangkan ini akan menentukan supaya pentadbiran persatuan-persatuan sukan akan menjadi lebih kemas oleh kerana pengawasan daripada pendaftar pertubuhan ataupun dalam soal ini pesuruhjaya sukan serta peraturan-peraturan yang perlu diikuti bagi melaksanakan fungsi persatuan yang berkenaan. Peraturan-peraturan dalaman yang mesti ada, umpamanya, dalam menyelesaikan krisis di antara anggota persatuan sudah tentu akan dapat mengurangkan perbalahan yang kerap melanda persatuan-persatuan sukan sekarang.

Pesuruhjaya sukan dan juga menteri sendiri sebagai langkah terakhir boleh meminta pihak-pihak yang tidak dapat menyelesaikan masalah mereka untuk memberikan penjelasan dalam usaha untuk mengatasi masalah yang serupa. Kepimpinan persatuan sukan di negara ini ditentukan melalui sistem demokrasi di mana pemimpin-pemimpinnya dipilih melalui proses pemilihan yang berpandukan kepada perlembagaan persatuan masing-masing. Selagi ahli-ahli bersetuju terhadap pemilihan mana-mana pemimpin, maka hak merekalah untuk memilih pemimpin, ini tidaklah boleh kita persoalkan. Ini termasuklah pemimpin-pemimpin politik, menteri-menteri besar negeri ataupun kerabat diraja sendiri. Namun demikian, melalui akta ini mereka tertakluk kepada kuasa-kuasa pesuruhjaya sukan ataupun menteri yang akan mentadbirkan pendaftaran serta kelicinan persatuan-persatuan sukan yang berkenaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, Sibul, Bukit Mertajam, Santubong dan Tuaran telah pun menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan pembangunan sukan. Hampir kesemua Ahli Yang Berhormat telah pun menyentuh mengenai kemudahan sukan termasuk kemudahan sukan di sekolah dan juga di kawasan-kawasan perumahan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Belia dan Sukan sudah pun mengumpul data-data mengenai kemudahan-kemudahan sukan di semua peringkat yang terdapat di seluruh negara. Tujuan pengumpulan maklumat ini ialah untuk membuat perancangan jangka panjang bagi keperluan kemudahan sukan secara keseluruhan, sama ada untuk sukan prestasi tinggi ataupun program sukan untuk semua. Seorang pakar dari Jerman Barat telah pun dikenalpasti dan telah pun bersetuju untuk menjadi pakar runding kepada penyediaan pelan induk kemudahan sukan bagi negara kita. Selain daripada jumlah dan jenis kemudahan sukan yang ditentukan, pelan induk ini juga akan menentukan spesifikasi yang sesuai mengikut keperluan bagi setiap tempat dan kawasan.

Selain daripada itu akta ini memberikan kuasa kepada menteri untuk membuat peraturan-peraturan dan menetapkan piawaian spesifikasi dan kehendak teknikal kemudahan sukan di Malaysia. Saya suka juga memaklumkan bahawa dalam membina gelanggang-gelanggang badminton di bawah Program Gelanggang Badminton Rakyat Seribu Satu, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara telah pun memperuntukkan sebanyak RM3.24 juta bagi membina sebanyak 162 gelanggang badminton. Sumbangan ini bermakna berjumlah RM20 ribu bagi setiap gelanggang.

Pembinaan sekolah sukan dan juga universiti sukan telah pun dibangkitkan yang mana telah ataupun sedang pun dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Untuk makluman, sebuah sekolah sukan telah pun beroperasi di Bukit Jalil Kuala Lumpur sementara sebuah lagi hampir siap dibina di Johor dan sebuah lagi dalam perancangan di Sarawak. Meskipun universiti sukan belum ditubuhkan - Yang Berhormat Menteri tadi pun ada di sini - tetapi beberapa universiti tempatan telah pun menyediakan kursus-kursus yang berkaitan dengan sukan.

Usaha-usaha ini adalah untuk memberikan peluang kepada atlet-atlet muda yang bersekolah dapat menumpukan masa yang lebih dengan kegiatan sukan di samping tidak meninggalkan bidang akademik.

Satu program di antara Universiti Putera Malaysia dengan Majlis Sukan Negara telah pun dilaksanakan di mana murid-murid sekolah lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dengan kelulusan yang minimum diberikan peluang mengikuti kursus-kursus di universiti berkenaan dalam jangka masa yang munasabah untuk membolehkan mereka terus aktif dalam sukan masing-masing. Penglibatan institut pengajian tinggi dalam menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan sukan khususnya sains sukan akan secara langsung mengatasi kekurangan mereka yang mahir dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar telah pun menyarankan supaya diwujudkan biasiswa sukan kepada para atlet untuk melanjutkan pelajaran. Kerajaan memang telah pun mewujudkan Kumpulan Wang Amanah Skim Biasiswa Sukan yang telah pun diluluskan oleh Parlimen pada 20 Jun 1990. Kementerian Belia dan Sukan telah pun memulakan program ini sejak tahun 1987 lagi atas kelulusan jemaah menteri pada 20 Oktober 1986. Di bawah skim ini, dua belas biasiswa dikeluarkan setiap tahun iaitu enam untuk mengikuti pengajian di universiti tempatan dan enam lagi untuk universiti luar negara.

Para atlet yang boleh dipertimbangkan untuk skim ini ialah mereka yang telah pun mewakili negara dalam mana-mana pertandingan antarabangsa. Skim ini bertujuan untuk memungkinkannya jaguh-jaguh sukan negara terus terlibat secara aktif dalam sukan walaupun sedang melanjutkan pelajaran. Sejak diperkenalkan dalam tahun 1987, 59 ahli sukan telah pun mendapat manfaat daripada skim ini dan sejumlah RM4.3 juta telah pun diperuntukkan dari tahun 1987 hingga 1996. Bagi sesi pengajian 1997-1998, sebanyak 31 permohonan daripada para atlet sudah pun diproses oleh pihak kementerian saya.

Hampir semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Ahli Yang Berhormat dari Ledang, Santubong, Yan, Batang Lupar dan Teluk Intan telah menyentuh tentang pembangunan atlet. Mengenai kursus-kursus motivasi dan bina semangat yang diminta diadakan dalam usaha untuk meletakkan kepentingan dan semangat cintakan negara mengatasi kepentingan diri para atlet, saya menjelaskan bahawa Kementerian Belia dan Sukan khususnya melalui Majlis Sukan Negara senantiasa mengadakan kem-kem motivasi dan kursus bina semangat sebagai satu usaha bersepadu dalam program persediaan atlet ke pertandingan-pertandingan besar yang dianjurkan.

Untuk tujuan atlet Sukan Komanwel, Kem Jaya 98 telah pun dimulakan sejak tiga tahun yang lalu, bertujuan untuk menanamkan semangat patriotisme di kalangan para atlet dan pegawai sukan. Di samping itu, setiap kali kontinjen Malaysia di hantar ke pertandingan-pertandingan seperti Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel, Olimpik dan sebagainya, mereka akan diarah berkumpul dalam kem-kem bina semangat ini.

Yang Berhormat dari Ledang dan Santubong telah menyarankan supaya diwujudkan satu tabung khas untuk membiayai pemberian insentif kebajikan dan membantu para atlet yang ditimpa musibah. Untuk makluman

Dewan yang mulia ini, kerajaan memang telah pun mengadakan Kumpulan Wang Sukan Negara melalui Akta Majlis Sukan Negara di mana semua sumbangan dan juga peruntukan kerajaan disalurkan untuk melaksanakan program-program pembangunan sukan termasuk juga kebajikan dan insentif kepada para atlet. Kerajaan memang telah pun memberikan insentif pengecualian cukai kepada semua penyumbang tabung ini ataupun lain-lain sumbangan ke arah memajukan sukan.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat dari Yan dan juga Jerantut yang telah pun mencadangkan supaya para atlet Malaysia menggunakan warna khusus yang akan membawa imej dan identiti negara dalam semua pertandingan yang disertai khususnya di luar negara. Ini adalah satu cadangan yang amat baik dan insya-Allah, saya akan berunding dengan pengurusan Majlis Olimpik Malaysia untuk melaksanakannya. Mudah-mudahan kontinjen kita di Sukan Komanwel 98 akan mulai memakai warna yang ditetapkan. Akta pembangunan sukan sememangnya memberikan ruang kepada menteri menetapkan peraturan pemakaian warna yang ditetapkan dalam semua pertandingan termasuk pertandingan antarabangsa.

Ahli Yang Berhormat dari Santubong dan juga Batang Lupar telah pun menyuarakan kebimbangan tentang ketandusan barisan kedua atlet. Sememangnya kerajaan amat sedar....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih. Saya hendak minta penjelasan sedikit. Tadi, Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa Akta Pembangunan Sukan ini, menteri mungkin ada kuasa untuk menentukan jenis-jenis pakaian. Saya setuju kalau ada pakaian seragam untuk atlet-atlet negara. Adakah juga Yang Berhormat Menteri bercadang untuk memikirkan satu jenis pakaian untuk atlet-atlet wanita ini kerana kita dapati pakaian atlet-atlet wanita ini kebanyakannya mengikut pakaian alat Barat. Jadi kita, di samping membangunkan sukan, saya percaya kita juga hendak membangunkan budaya kita sendiri, jadi kita pun banyak designer daripada ITM dan sebagainya, kalau boleh atlet-atlet terutamanya yang beragama Islam ini, adakah bercadang untuk memberikan mereka satu pakaian yang berunsur ke agama Islam sedikit? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini pandangan yang memang baik dan pandangan yang sihat. Perkara ini sebenarnya telah pun dibincangkan dalam satu konvensyen Sukan Untuk Wanita di mana Yang Berhormat Setiausaha Parlimen saya mempengerusikan seminggu yang lepas. Agaknya hangat juga diperbahaskan kerana kita dapati bahawa antara perkara yang mungkin menjadi masalah dan antara sebab penglibatan wanita dalam sukan berkurangan adalah mungkin soal pakaian yang berkaitan dengan soal budaya, agama dan sensitiviti masyarakat dan sebagainya. Cadangan ini kita akan ambil kira walaupun dalam soal pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa, ada peraturan-peraturan tertentu yang ditetapkan oleh badan dunia tetapi di peringkat kebangsaan, saya fikir kalau cadangan itu dianggap sesuai terutama

bagi acara-acara sukan tertentu dan ia tidak bercanggah terutama dengan peraturan-peraturan yang sedia ada, rasa saya ini tidak menjadi masalah.

Saya bersetuju dan sudah pun ada di setengah-setengah acara sukan yang mana disertai oleh wanita, bentuk pakaian yang kita lihat agaknya tidak serupa dengan yang dipakai oleh atlet-atlet luar negara kita. Jadi, cadangan itu adalah satu cadangan yang baik. Insya-Allah, kita akan meneliti cara bagaimana kita hendak laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Santubong dan juga Batang Lupar telah pun menyuarakan kebimbangan mereka tentang ketandusan barisan kedua atlet negara kita ataupun second echelon, dengan izin. Kita memang sedar tentang kepentingan untuk mengadakan barisan kedua ini ataupun second echelon ini bagi semua jenis sukan di negara ini. Majlis Sukan Negara sebenarnya telah pun menganjurkan Program Pelapis, Program Bakat dan juga Tunas Cemerlang ke arah untuk mengenal pasti dan juta melatih atlet-atlet yang berbakat untuk mengambil alih tempat atlet-atlet yang akan bersara di arena sukan.

Program Bakat Khas Olahraga telah pun dimulakan pada tahun 1993 di mana empat buah pusat latihan telah pun ditubuhkan dan dikendalikan oleh jurulatih-jurulatih dari luar negeri dengan dibantu oleh jurulatih tempatan. Program pembangunan untuk tempoh di antara 8 sehingga 10 tahun ini dijangka akan dapat melahirkan atlet olahraga yang berkualiti pada masa akan datang. Setiap tahun peruntukan telah pun disediakan untuk program khas ini yang berjumlah kira-kira RM350,000 untuk kegunaan melaksanakan latihan-latihan.

Selain daripada itu juga, Program Pelapis telah pun dilaksanakan yang melibatkan perbelanjaan lebih kurang RM1.4 juta setahun untuk 10 jenis sukan, iaitu bola tampar lelaki dan wanita, kapal layar optimis, lawan pedang, jimrama, sepak takraw, taekwondo, karatedo, jimnastik, artistik wanita dan juga hoki lelaki.

Program Tunas Cemerlang untuk atlet di bawah umur 15 tahun juga telah pun dilaksanakan bagi sukan-sukan badminton, bola sepak, olahraga, tenis, sepak takraw dan hoki. Peruntukan pada tahun 1997 untuk program ini berjumlah kira-kira RM1.9 juta. Sehingga kini sejumlah 106 pusat latihan telah pun ditubuhkan yang melibatkan 2,246 atlet dengan dibantu oleh seramai 199 orang jurulatih untuk mengendalikan Program Tunas Cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan juga terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Santubong.....

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun lagi.

Tuan Noh bin Omar: Saya sebab tidak dapat bercakap tadi, hendak tanya soalan, minta penjelasan. Saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, saya menyokong penuh dan tahniah ke atas Program-program Pelapis dan juga Tunas Harapan yang telah dijalankan oleh pihak kementerian. Tetapi ada dua lagi majlis, iaitu Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan satu lagi Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia di mana kedua-dua majlis ini kita lihat mereka ini berfungsi dan terletak di bawah Kementerian Pendidikan dan kita lihat

majlis-majlis MSSM dan juga MASUM ini membuat program-program sukan ini kebanyakannya untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kokurikulum.

Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk meletakkan juga Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan juga Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia ini supaya diletakkan terus di bawah kementerian dan acara-acara yang dianjurkan oleh MSSM dan juga MASUM ini bukannya merupakan acara-acara kokurikulum sahaja tetapi merupakan acara sukan yang serius, yang boleh kita menonjolkan lagi bakat-bakat daripada kedua-dua institusi pendidikan rendah dan juga pendidikan tinggi ini.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita belum ada cadangan lagi kerana saya yakin bahawa pihak Kementerian Pendidikan mempunyai perancangannya sendiri. Program Tunas Cemerlang yang kita anjurkan ialah program terpilih, termasuk sebahagian besar daripadanya ialah penuntut-penuntut sekolah dan juga penuntut-penuntut universiti. Program ini untuk tunas harapan negara, jadi oleh sebab itu mungkin Kementerian Pendidikan mempunyai perancangannya sendiri kerana sukan di peringkat Kementerian Pendidikan yang kita tahu adalah satu bentuk kokurikulum dan ini dibuat berdasarkan kepada program-program yang disusun oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia ataupun Majlis Sukan Universiti Malaysia. Jadi bagi kita, setakat ini kita tidak adalah rancangan untuk mengambil alih, tetapi ini tidak bermakna kita tidak bekerjasama.

Sebagaimana yang diketahui memang perlu kita bekerjasama rapat khususnya Majlis Sukan Negara dengan pihak MSSM dan juga MASUM kerana di situ kita lihat banyak tunas baru yang boleh kita pilih untuk dilatih secara intensif dalam program yang dibuat di bawah Program Tunas Cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi bahawa Yang Berhormat dari Santubong telah pun menyentuh tentang pembangunan sukan wanita. Kementerian saya memang sedar bahawa penyertaan kaum wanita di dalam sukan masih lagi di peringkat yang kurang memberangsangkan. Sebagai contoh, daripada 659 ahli kontinjen yang mewakili negara di Sukan SEA Ke-18 di Chiang Mai tahun 1995 yang lalu, hanya 168 ataupun 25.5% peserta adalah wanita. Atlet wanita telah berjaya meraih 6 pingat emas, 16 perak dan 26 gangsa. Bagi Sukan SEA di Jakarta yang akan berlangsung dalam bulan Oktober tahun ini, dijangka hanya lebih kurang 180 orang wanita iaitu 26.9%, meningkat sedikit, yang akan turut serta dari sejumlah lebih kurang 670 peserta keseluruhannya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian saya dengan kerjasama Yayasan Sukan dan Kecergasan Wanita telah pun mengadakan satu konvensyen pada awal bulan ini yang saya sebutkan tadi, untuk mengenal pasti pelbagai aspek dan permasalahan penyertaan wanita dalam sukan. Beberapa kertas kerja telah pun dibincangkan oleh lebih daripada 500 wanita terdiri daripada para atlet, ibu, pegawai-pegawai sukan wanita, para intelek atas tajuk-tajuk seperti Wanita dan Gaya Hidup Cergas, Kecergasan Untuk Wanita Dari Segi Perubatan, Wanita dan Sukan Untuk Semua, Perspektif Sosio-Budaya, Ke Arah Penggalakan Penyertaan Wanita Dalam Sukan

dan Prospek Kerjaya dan Ekonomi Dalam Sukan. Konvensyen ini telah pun berjaya mengemukakan pelbagai cadangan yang bernas demi pembangunan sukan wanita dan satu pasukan petugas yang diketuai oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen saya, akan dibentuk untuk menghalusi resolusi dan memastikan pelaksanaannya.

Suka saya jelaskan bahawa isu kekurangan liputan media ke atas sukan wanita dan kod pakaian atlet wanita telah dibincangkan dengan mendalam dan beberapa cadangan telah pun dikemukakan melalui konvensyen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibuluan, Tuaran, Ledang dan Gelang Patah telah memperkatakan tentang beberapa peruntukan di dalam akta ini. Mengenai kemusykilan tentang apa yang akan terjadi kepada kelab-kelab dan juga persatuan-persatuan sukan yang diwujudkan untuk pekerja-pekerja syarikat sektor awam ataupun orang kampung serta lain-lain, ingin saya memberikan jaminan bahawa mereka boleh terus kekal menjalankan program sukannya di bawah pendaftaran yang ada sekarang iaitu Pendaftar Pertubuhan.

Akta Pembangunan Sukan akan hanya meliputi badan-badan sukan yang ditafsirkan sebagai suatu persatuan, kelab, pertubuhan ataupun syarikat yang bertindak sebagai badan pengelola ataupun badan perwakilan, dengan izin, governing or representatives body sesuatu sukan di Malaysia sama ada di peringkat daerah, negeri ataupun kebangsaan dan anggota gabungan badan-badan tersebut. Sesungguhnya akta ini tidak sekali-kali bertujuan untuk menyekat mana-mana pihak yang ingin bersukan.

Mengenai tempoh pendaftaran semula persatuan sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan ini yang disarankan untuk dilanjutkan kepada satu tahun daripada tiga bulan yang dicadangkan, ingin saya memaklumkan bahawa tempoh tiga bulan yang ditetapkan ialah tempoh untuk memohon sahaja. Tidak semestinya dalam tempoh tiga bulan itu sesebuah badan sukan mesti menepati keseluruhan peruntukan akta ini. Umpamanya melalui Fasal 19(2), badan sukan diberikan kelonggaran enam bulan selepas pendaftarannya untuk memenuhi kehendak Perlembagaan seperti di Jadual Kedua atau Jadual Ketiga akta ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran telah pun menyatakan bahawa Fasal 43 memberi menteri kuasa untuk meminda akta melalui perintah tanpa dibentangkan di Parlimen dan dikatakan peruntukan ini tidak terdapat di dalam mana-mana undang-undang yang lain. Sebenarnya pandangan Yang Berhormat itu adalah tidak benar. Untuk makluman, Fasal 43 adalah bertujuan untuk memberi menteri kuasa sementara untuk membuat pengubahsuaian kepada akta semata-mata bagi maksud menghapuskan apa-apa kesulitan ataupun dengan izin, difficulties ataupun anomalies yang mungkin timbul dengan mulanya akta ini berkuatkuasa. Akta ini adalah suatu akta yang baru, peruntukan ini wajar diadakan terutamanya dengan pemindahan pendaftaran badan sukan daripada Akta Pertubuhan kepada akta ini. Ubahsuaian yang boleh dibuat hanyalah yang didapati perlu ataupun bermanfaat sahaja. Pandangan Yang Berhormat bahawa Fasal 43 tidak terdapat dalam mana-mana undang-undang yang lain juga tidak tepat. Akta-akta seperti Akta Standard Malaysia 1995 dan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1995 juga mempunyai peruntukan yang serupa.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran meminta supaya akta ini tidak mengongkong aktiviti sukan yang dijalankan oleh sektor korporat. Sesungguhnya akta ini tidak menyekat mana-mana pihak daripada aktif dalam bidang sukan. Fasal 36 akta ini hanya menetapkan supaya sesebuah syarikat yang didaftarkan untuk mengelolakan sukan memohon lesen daripada Pesuruhjaya Sukan untuk melibatkan diri dengan aktiviti sukan seperti yang ditetapkan dalam peraturan. Fasal ini bertujuan untuk melindungi hak Persatuan Sukan Kebangsaan untuk menganjurkan pertandingan-pertandingan sukan. Sekarang ini terdapat keadaan di mana syarikat-syarikat ditubuhkan khas untuk menganjurkan sukan tertentu dan perkara ini dibuat tanpa pengetahuan persatuan yang berkenaan. Dalam peraturan yang ditetapkan oleh menteri, saya memberi jaminan bahawa kebebasan sektor swasta untuk membangunkan sukan tidak akan terjejas.

Mengenai keahlian Panel Penasihat yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Sibu untuk meliputi wakil-wakil daripada badan-badan sukan dan pihak swasta, saya bersetuju bahawa ini adalah pandangan yang baik. Panel Penasihat akan dianggotai oleh lapan orang ahli yang dilantik oleh menteri yang mana dua daripadanya akan dicalonkan oleh Majlis Olimpik Malaysia. Dalam usaha untuk melantik anggota panel, saya memberikan jaminan bahawa pemilihannya akan dibuat dengan teliti dan daripada kalangan mereka yang berkemahiran, berpengalaman dan mampu membantu untuk membangunkan sukan negara kita.

Saya suka juga mengambil kesempatan di sini untuk memaklumkan tentang persediaan kita menganjurkan Sukan Komanwel '98 yang akan diadakan pada tahun hadapan. Beberapa tindakan ke arah memantapkan aktiviti menganjurkan sukan berkenaan telah pun diambil, termasuk menyusun semula jawatankuasa-jawatankuasa yang telah pun ditubuhkan supaya tugas-tugas yang dilaksanakan akan dapat diselaraskan. Jawatankuasa Eksekutif akan menyelaraskan semua jawatankuasa yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan Sukom Ninety Eight Berhad. Tindakan-tindakan untuk mempertingkatkan publisiti sukan ini telah pun dikenal pasti setelah kajian semula dilakukan memandangkan kepada kurangnya usaha-usaha yang berkaitan dengan promosi sukan berkenaan sama ada dari dalam ataupun luar negeri.

Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri ketika mempengerusikan mesyuarat Majlis Sukan Komanwel pada 8 Julai yang lalu telah pun mengarahkan supaya semua pihak khususnya agensi-agensi kerajaan memberikan sokongan kepada usaha untuk menjayakan temasya sukan yang kedua terbesar selepas Sukan Olimpik ini.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak bertanya soalan publisiti ini yang saya tidak sentuh oleh kerana kawan-kawan suruh saya berhenti, duduk, semasa bercakap semalam, jadi saya pun beri peluanglah.

Tuan Yang di-Pertua, soalan publisiti ini walaupun kita sudah baca Sukom kata hendak buat road show, hendak buat silap mata. Pandangan saya, memang baik, tetapi ada satu lagi soalan yang selalu ditanya oleh saya sendiri iaitu apabila orang daripada luar negara datang ke Malaysia tidak nampak pun indikasi, yakni negara kita akan menjadi Tuan Rumah kepada Sukom. Jadi, kita di negara ini kalau pelancong daripada luar ialah kebanyakannya daripada negara jiran, iaitu di Brunei pintu masuknya di Miri, kalau daripada Indonesia pintu masuk di Kuching dan kalau Singapura pintu masuknya di Johor dan sebelah utara pula di Kelantan dan Perlis umpamanya. Jadi, adakah cadangan kementerian supaya kita mengadakan poster-poster, tidak payah besar sangat. Di Amerika kalau dia hendak rekrut untuk pergi berperang masuk askar, dia kata, “the country need you”, dia tunjuk macam itu. Jadi, benda ini tertanam dalam jiwa manusia melihat benda itu, tidak payah cakap panjang-panjang sangat.

Jadi, macam mana kalau kita buat poster mengatakan, “we are the host”, umpamanya macam itulah ataupun benda-benda yang serupa macam itu supaya siapa sahaja yang masuk berjuta rakyat asing yang keluar-masuk Malaysia itu melihat poster yang memberitahu dan menjemput mereka datang pada hari dan waktu yang tertentu apabila Sukom itu diadakan nanti, selain daripada road show, ‘sea’ show yang kita hendak buat ini.

Jadi, banyak lagi show-show yang kita hendak buat, itu perkara lain. Tetapi yang local kita tidak jempit. Orang tidak tahu, itu persoalan pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, katanya kita bersedia untuk menjadi tuan rumah Sukom. Apabila Olimpik mengadakan sukan di Madrid dahulu, lagi-lagi masyarakat di negara itu terlibat. Universiti, profesor, guru besar, guru sekolah semua jadi teksi driver, jadi pemandu, jadi liaison officers dan sebagainya. Tetapi pada masa sekarang saya hendak tanya, saya sudah tanya dua-tiga tahun dahulu, tetapi sekarang tanya lagi kerana masa sudah dekat. Adakah pengajar-pengajar kita ataupun pegawai-pegawai kita bersedia menjadi pemandu pelancong kepada orang-orang yang datang ke negara ini nanti. Orang-orang daripada universiti, daripada sekolah, daripada jabatan-jabatan kerajaan supaya effort kerajaan itu akan berjaya dalam masa kita mengendalikan sukan di Malaysia nanti, dan menunjukkan bukan sahaja daripada teksi driver, pemandu semuanya baik, tetapi liaison officers, pemandu-pemandu kita - pemandu pelancong, bukan pemandu kereta cukup dan kita tidak tercari-cari. Volunteer yang kita jempit itu macam mana response daripada masyarakat Malaysia? Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang pandangan Ahli Yang Berhormat tadi adalah satu pandangan yang amat baik. Sebenarnya memang perkara itu diberikan perhatian yang agak begitu luas. Yang Berhormat pun tahu banyak cerita yang telah pun kita bangkitkan berkenaan dengan soal promosi dan publisiti. Saya sendiri sekarang ini memberikan tumpuan peribadi, personal attention dalam soal itu, terutamanya sebagaimana yang disebutkan soal visual ataupun apa yang dapat dilihat sebagai promosi dalam bentuk billboard, papan-papan iklan yang dipasang di merata-rata tempat di seluruh negara. Saya telah pun mengarahkan supaya pihak Sukom Ninety Eight Berhad mengambil langkah yang immediate, serta-

merta untuk melaksanakan program ini yang memang sudah pun dirancang, tetapi agak terlewat sedikit. Desakan kita sudah buat supaya dilaksanakan dengan segera. Saya telah pun berjumpa dengan pihak-pihak yang bertanggungjawab di Sukom dan syarikat-syarikat yang akan menaikkan papan-papan iklan ataupun billboard untuk memberitahu tentang sukan itu sendiri “Sertailah aksinya”, “Participate”, “J’adikan ianya gemilang”, “We want you”, sepertimana contoh yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi satu cadangan yang baik, memang akan dimulakan. Saya fikir dalam masa satu-dua hari ini, sudah pun dikenal pasti ratusan tempat-tempat yang akan dipasang, dan kita sedang pun menguruskan dengan pihak berkuasa tempatan untuk mengizinkan ianya diletak di tempat-tempat yang strategik. Memang langkah seperti itu dianggap penting. Ini sebahagian daripada beberapa langkah lain yang akan dibuat di peringkat negara dan juga di peringkat antarabangsa. Jadi, kita harap Yang Berhormat dalam beberapa hari yang akan datang ini lebih nampaklah dan lebih dirasakan promosi dibuat dengan lebih hebat termasuk di radio dan juga televisyen.

Berkenaan dengan soal sukarelawan, kita rasa bangga kerana waktu kita lancarkan program untuk mendaftarkan sukarelawan lebih 42,000 warga Malaysia mendaftarkan diri untuk menjadi sukarelawan, dan separuh daripadanya mungkin daripada murid-murid sekolah dan penuntut-penuntut. Yang lain itu terdiri daripada pelbagai peringkat masyarakat Malaysia daripada Perlis sampailah ke Sarawak. Mungkin ada juga daripada Batang Lupar, kalau tidak silap saya agaknya, mungkin Yang Berhormat sendiri agaknya.

Daripada 40,000 itu kita hanya memerlukan hanya lebih kurang 15,000 sahaja. Nama-nama mereka ini sudah pun disenaraipendekkan, dishort-listed, dan program untuk memberikan latihan sudah pun dimulakan, Yang Berhormat. Lebih daripada - saya kira dekat empat-lima bulan yang lepas. Ada dua tempat yang akan disediakan untuk melatih mereka ini untuk menjadi bukan setakat pemandu, tetapi pemandu pelancong, pegawai-pegawai yang akan membantu tiap-tiap aspek penganjuran sukan ini. Di samping itu juga, kita bekerjasama dengan pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan supaya di peringkat mereka dapat meningkatkan tenaga-tenaga pemandu pelancong yang nanti akan dapat memberikan bimbingan kepada pelancong-pelancong yang datang daripada luar negara untuk memberitahu tentang apa yang akan kita laksanakan tahun hadapan, iaitu Sukan Komanwel. Jadi, saya percaya dengan langkah-langkah ini maka kita akan mempunyai ramai tenaga yang boleh menjayakan Sukan Komanwel.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini juga saya fikir elok kita merakamkan setinggi tahniah dan juga penghargaan kepada Persatuan Mendaki Malaysia. Semua mereka yang terlibat yang telah pun menjayakan Projek Malaysia Everest - kebetulan Yang Berhormat dari Teluk Intan pun masuk, macam dia sudah tahu sahaja, saya hendak bercakap soal Malaysia Everest. Memang saya agak tidak sebut hari itu, pasal kita acknowledge, tetapi road show masih berjalan. Yang Berhormat pun tahu, untuk memberitahu tentang kejayaan besar Malaysia dan pencapaian anak-anak muda Malaysia berjaya mencapai ke kemuncak dunia memacakkan

bendera kita di sana. Rakyat Malaysia tentulah rasa bangga dengan pencapaian keseluruhan pasukan, khususnya pendaki yang mencapai ke kemuncak, saudara Magendran dan Mohanandas yang menjadi rakyat Malaysia yang pertama menawan puncak Everest.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Rompin bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam Yang Berhormat dari Teluk Intan dia seolah-olah mencari salah, tidak betul sahaja kepada dari segi usaha kejayaan kita dapat mencapai satu kejayaan yang amat baik. Saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri sedikit. Semua tak betul cara dia cakap semalam. Tidak tahu sama ada dia yang kata tidak betul atau orang lain yang tulis untuk dia, saya pun tidak tahu juga, minta pandangan Yang Berhormat sedikit.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Dia orang baru, Yang Berhormat, *[Ketawa]* masih dalam probation, saya kira kita beri maafkanlah, tidak mengapalah. Saya harap tidak ada nada seolah-olah kita mendiskriminasikan. Bila Yang Berhormat membangkit soal itu macam ada diskriminasi bahawa ini kerana berjaya satu kelompok, maka dia dapat sekian banyak. Yang lain berjaya dapat pembahagian yang lebih besar. Sebenarnya tidak niat kita begitu. Saya hendak ucap tahniah kepada MIC kerana dia beri duit. Tetapi saya hendak bertanya Yang Berhormat berapa sen Yang Berhormat beri kepada pasukan pendaki kita. *[Ketawa]*

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Dia bangun, ya.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat Menteri, saya ingin beritahu bahawa ganjaran yang perlu diberi adalah....

Seorang Ahli: Jangan beritahulah, minta penjelasan.

Tuan M. Kulasegaran:.....yang patut diberi oleh kerajaan. Tetapi yang saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Teluk Intan, Yang Berhormat hanya boleh soal ataupun minta penjelasan.

Seorang Ahli: Orang baru!

Tuan M. Kulasegaran: Penjelasannya adalah bahawa di Piala Thomas....

Seorang Ahli: Baca Standing Order dahululah!

Tuan M. Kulasegaran:....tetapi bila naik bukit, saya hairanlah satu ganjaran yang....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat belum mengerti lagi? Sebenarnya Yang Berhormat hanya boleh soal ataupun minta penjelasan, bukan memberi penjelasan.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Speaker, sebelum ini Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa adakah diskriminasi dan sebagainya. Jadi, saya ingin tahu bila menyentuh mengenai diskriminasi, adakah dari segi

diskriminasi itu adalah sukan ini lebih penting dan sukan ini tidak berapa penting, atau adakah kerana kerajaan tidak mementingkan segolongan orang atau mementingkan segolongan orang lebih dari orang lain, itu soalan saya?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Saya tidak sebutkan diskriminasi, Tuan Yang di-Pertua. Saya katakan mungkin soalan ataupun hujah-hujah Yang Berhormat itu berbau seolah-olah ada diskriminasi. Jadi, sepatutnya dialah menjawab, bukan saya. Sebenarnya kita tidak mengamalkan dasar diskriminasi. Kita layan sama atlet yang berjaya. Kalau Yang Berhormat jumpa kedua-dua rakan, Magendran dan Mohanandas, dia tidak pernah bercakap bahawa dia sudah sampai ke kemuncak, I wan't hundred thousand, I must be given, RM200,000kah, RM300,000, langsung tidak ada. Ini kerana program dibuat sebagai program bersama. It is a team effort. Sebab itu saya hendak sebut di sini mereka rasa bangga walaupun peruntukan RM50,000 seorang, yang lain-lain pun kita beri juga peruntukan, mereka tidak persoalkan bahawa sudah sampai ke puncak duduk situ dia kata tidak ada satu pemberian yang boleh diberi oleh sesiapa kerana mereka sudah tawan puncak dunia. Itu sahaja sudah satu rekod dan sejarah.

Saya fikir Yang Berhormat pun tahu dalam masa hari Keputeraan Agong yang lepas.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Menteri di sebelah sana bangun.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah pun menganugerahkan pingat-pingat kebesaran. Ini satu penghargaan besar daripada negara yang tidak diberi kepada semua atlet-atlet kita.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan mendaki Gunung Everest. Jadi, kita tengok dalam kumpulan lima orang yang mewakili MIC, UMNO, MCA, Gerakan, tetapi DAP tidak ada, saya ingin tahu kenapa bila dua orang sahaja daripada MIC naik, tidak bolehkah tunggu sampai ketika kelima-lima orang itu naik supaya dapat mencerminkan tentang negara kita yang berbilang kaum ini, kelima-lima naik. Takkan tidak boleh tunggu bila weather clear, okay, naik. *[Ketawa]* Kalau senak seorang turun, tunggulah bagi dia hilang senak perut, naiklah. Kalau tidak, sekarang ini kita tengok, balik MIC raya. Tetapi kenapa tidak bolehkah tunggu supaya kelima-lima itu naik dapat menunjukkan bahawa negara kita adalah negara masyarakat majmuk yang mewakili. Jelutong tidak ada wakil di situ. *[Ketawa]* Terima kasih.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya sudah tunggu dekat 3 bulan. Mereka sampai ke sana saya fikir awal bulan Mac, dan sampak ke puncaknya 23 Mei, 1997, tiga bulan tunggu. Saya sudah pakar sedikit dalam soal mendaki bersama mereka dekat setahun lebih. Proses pemilihan itu dibuat secara rapi, tidak semua orang boleh dipilih untuk sampai ke kemuncak. Jadi, pasukan yang terakhir itulah pasukan yang dianggap terbaik, kebetulan ada Melayu, Cina dan India. Cuma kalau dapat saya jelas

sedikit, Yang Berhormat, jadi bila sampai ke peringkat yang terakhir itu naik ke base kem ke-4 semuanya sudah disediakan, macam mana diceritakan ada masalah kesihatan sedikit dan sebagainya. Ada peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak pengawal yang diberi tanggungjawab untuk menjaga tempat-tempat di mana laluan untuk mendaki ke kemuncak itu. Ada beberapa lagi pasukan-pasukan negara lain. Kalau tidak silap saya 21 buah negara yang queue secara litterant untuk naik. Jadi, dengan sebab itu ada halangan dari segi waktu yang boleh diberikan kebenaran untuk kita mendaki. Memang saya bersetuju sangat, saya pun berasa terkilan jugalah kerana pasukan Barisan Nasional itu tidak sampai ke atas. Tetapi ada juga wakil kita yang sampai, bersyukur jugalah. Kita harapkan mereka berjaya, tetapi ini takdir Tuhan, cuaca yang sebenarnya. Jadi, dengan sebab itu rasa saya walaupun begitu kita sudah mencatat kejayaan yang cemerlang.

Saya fikir ini tidak terhenti setakat satu pendakian yang pertama, Tuan Yang di-Pertua. Kita akan aturkan lagi, mungkin Yang Berhormat dari Pokok Sena boleh masuk pasukan yang kedua nanti untuk kita hantar tiga tahun yang akan datang. *[Ketawa]* Yang Berhormat dari Jelutong pun boleh juga kalau bersedia untuk masuk pasukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk Everest ini kita....

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Teluk Intan bangun.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Teluk Intan pun boleh register kalau hendak masuk, boleh, boleh.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Speaker, saya hendak penjelasan. Sebelum ini Yang Berhormat dari Pokok Sena telah mengatakan bahawa kelima-lima orang yang mendaki Mount Everest adalah dari Barisan Nasional, adakah ini benar? *[Ketawa]*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Kita pilih mereka kerana mereka sokong Barisan Nasional, Tuan Yang di-Pertua. Memang benar semuanya. Bolehlah tanya dengan Mohanandas dan Magendran.

Sebenarnya kerajaan membelanja lebih dari RM1.3 juta untuk bantu pasukan ini naik ke atas. Itu tidak termasuk sumbangan daripada pihak penaja-penaja utama seperti Telekom Malaysia dan syarikat-syarikat lain yang mengeluarkan peruntukan yang sebenarnya sama banyak untuk menjayakan Projek Malaysia-Everest ini.

Sebenarnya, saya fikir sumbangan yang telah pun diberikan kepada mereka ini lebih daripada memadai. Kerajaan telah pun menetapkan ganjaran sebanyak RM50,000 sebagai satu jumlah yang berpatutan, setelah kita mengambil iktibar kepada pemberian insentif kepada pemenang Piala Thomas, biasanya orang bandingkan begitu, ada yang

mengatakan 'excessive' dan pelbagai pihak yang membuat andaian bahawa itu pemberian yang agak nya berlebihan.

Kejayaan pendaki adalah hasil daripada sokongan dan bantuan ahli-ahli pasukan yang lain kerana ini tidak mungkin dilakukan secara perseorangan tanpa paduan tenaga jitu daripada semua pihak. Untuk Projek Malaysia Everest 1997 kerajaan telah pun mengeluarkan ganjaran berjumlah RM540,000 kepada 20 ahli pasukan mendaki.

Tambahan pula adalah difahamkan bahawa majikan mereka juga kedua-duanya saya fikir Menteri Pendidikan pun memberi naik pangkat kepada Magendran dan juga pihak Syarikat Shell memberikan banyak insentif kepada Mohanandas di atas kejayaan mereka itu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)

mempengerusikan Mesyuarat

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tuaran juga telah membangkitkan tentang soal insentif untuk ahli sukan, Kementerian Belia dan Sukan telah pun sebenarnya mempunyai satu skim Hadiah Kemenangan Ahli Sukan daripada tahun 1986 hingga 1996 di mana kita telah pun membelanjakan sebanyak RM6.2 juta kepada pemenang-pemenang, jurulatih dan juga persatuan-persatuan sukan yang atletnya memenangi pingat-pingat.

Ahli Yang Berhormat dari Tuaran juga telah pun membangkitkan soal kebimbangan bahawa penguatkuasaan undang-undang ini dibuat dengan begitu ketat sehingga membantutkan pembangunan sukan.

Saya ingin memberikan jaminan bahawa ini tidak akan kita lakukan kerana niat kita ialah untuk memastikan bahawa dengan akta ini perjalanan sukan akan menjadi lebih licin dan lancar dan sukan akan lebih berkembang bukan ianya terbantut dengan penguatkuasaan akta ini.

Ahli Yang Berhormat dari Libaran juga telah pun membangkitkan tentang soal tiket untuk menyaksikan pertandingan yang dikatakan mahal dan tidak ada 'live telecast', ini sebenarnya adalah tanggungjawab yang diletakkan di bawah badan-badan sukan yang berkenaan, merekalah ataupun penganjur-penganjur itulah yang menetapkan kadar yang berpatutan bagi mereka. Maka soal ini, pihak kementerian setakat ini tidak ada bidang kuasa untuk memastikan satu kadar yang dianggap munasabah untuk dijual kepada bakal-bakal penonton.

Soal 'live telecast' ini ialah soal urusan pihak penganjur dengan pihak media sama ada media massa, televisyen ataupun radio dan kalau mereka mengadakan perundingan tertentu dan mungkin memberikan sumbangan tertentu menerusi penaja-penaja, saya yakin lebih banyak daripada acara-acara sukan yang agaknya bertaraf antarabangsa dapat dibuat secara liputan langsung ataupun 'live telecast'.

Ahli Yang Berhormat dari Libaran juga mencadangkan tentang soal had supaya jadual pemegangan tempoh memegang jawatan dalam persatuan sukan itu dihadkan kepada dua penggal sahaja. Sebenarnya di peringkat awal menggubalkan akta ini memang ada kita masukkan cadangan draf itu, tetapi kita dapati bahawa ia tidak begitu sesuai dalam keadaan yang ada sekarang ini, mungkin pihak persatuan-persatuan sukan beranggapan ia agaknya terlalu 'undemocratic' maka kita telah membuat keputusan di peringkat ini, tidak kita masukkan dan kita gugurkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya telah menjelaskan hampir kesemua perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan mengenai rang undang-undang ini, mungkin tidak saya kupas satu persatu dan saya telah catatkan kesemuanya, insya-Allah, kita akan memberikan perhatian yang serius kepada semua perkara yang telah pun disebutkan tadi dan saya berharap juga dengan adanya akta ini, maka pihak persatuan-persatuan sukan akan memberikan sepenuh kerjasama, melihat

akta ini bukan sebagai suatu penghalang, tetapi sebagai suatu penggalak ataupun catalyst, pemangkin kepada usaha untuk membina suatu budaya sukan yang lebih baik dan juga pembangunan sukan yang lebih berjaya bagi negara kita yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin])

mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN
(SARAAN) (PINDAAN) 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.22 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 1997 dibaca kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan beban kerja dan peningkatan kos sara hidup yang semakin bertambah, maka satu kajian semula telah diadakan ke atas gaji, elaun dan kemudahan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Kerajaan mendapati bahawa elaun dan kemudahan yang diterima oleh Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat adalah sama dengan yang diterima oleh Ahli Yang Berhormat Ahli Parlimen kecuali elaun bulanan iaitu elaun khas iaitu sebanyak RM2,090 sahaja.

Oleh itu, kerajaan bercadang menaikkan elaun bulanan, elaun khas Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebanyak RM1,000 menjadikannya RM3,090 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan kenaikan elaun bulanan, elaun khas Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat ini dipanjangkan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara memandangkan elaun tersebut juga dinikmati juga oleh Yang di-Pertua Dewan Negara pada masa sekarang atas kadar RM2,090 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, elaun bulanan Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat adalah diperuntukkan di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 Seksyen 4(c) dan 4(d).

Sebarang perubahan kepada kadar elaun bulanan, elaun khas Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat boleh dibuat dengan pindaan undang-undang ke atas Seksyen 4(c) dan 4(d) Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dan diluluskan di Parlimen. Pindaan ini adalah mula berkuatkuasa pada 1 November 1996.

Dengan keterangan-keterangan yang saya berikan, saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan memberikan sokongan sepenuhnya ke atas cadangan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 1997 itu. Saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Santubong.

5.25 ptg.

Puan Rohani binti Haji Abd. Karim [Santubong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk membahas mengenai suatu akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, tetapi sebenarnya saya hendak mendapat sedikit pandangan daripada pihak yang menjawab, sebab sepatutnya kalau dapat ada 'conflict of interest' Timbalan Yang di-Pertua pula di depan menjadi kita yang membahas di sini.

Tetapi walau bagaimanapun, memanglah kita cukup prihatin mengenai penambahan iaitu kepada satu angka iaitu RM3,090. Memanglah kita dapati bahawa kenaikan elaun ini memanglah berpatutan, sebab kita dapat tahu daripada kalau dibandinglah dengan di negeri-negeri iaitu Timbalan Speaker di peringkat negeri-negeri, kita dapati bahawa mereka mendapatkan elaun dalam anggaran berjumlah RM4,000 hingga RM6,000 sebulan. Oh! Jauh sangat bezanya dan kemudahan-kemudahan lain lagi, kalau dicampur memanglah jauh ketinggalan kepada Timbalan-timbalan ini.

Jadi, kita dapat tahu memanglah kita dalam Dewan ini memang cukup prihatin kepada pihak-pihak Timbalan Speaker atau Timbalan Yang di-Pertua di kedua-dua Dewan memang bekerja teruk. Sebab, kita bersidang bukannya sekejap iaitu paling sedikitnya sebulan, yang sesi di hujung tahun sampai tiga bulan dan mereka duduk di atas itu berjam-jam lamanya, mendengar pelbagai karenah daripada kita di bawah ini

Seorang Ahli: Khasnya DAP.

Puan Rohani binti Haji Abd. Karim: Ya, khasnya daripada pihak DAP, memang karenah mereka cukup huru-hara.

Jadi, sampai saya dapat tahu bahawa Timbalan-timbalan Yang di-Pertua selalu pergi ke klinik-klinik sebab menjalani beberapa 'stress test' dan sebagainya. *[Ketawa]* Ini memang kita tahu. Tetapi, dari segi itu, kita rasakan bahawa penambahan elaun ini memanglah berpatutan. Kalau dapatnya ditambah lagi tetapi okaylah, orang kata, step by step, dengan izin.

Di peringkat negeri, kita difahamkan bahawa sidang Dewan Undangan Negeri hanya berlangsung paling banyaknya dua, tiga hari, kalau dibandingkan dengan kita ini sampai berbulan-bulan dan kerjanya pula, di Dewan Rakyat khasnya yang hendak dijaga ini lebih dari 100 orang ahli, seperti yang saya katakan tadi, saya menyebut fasal DAP tetapi sebenarnya, orang daripada Barisan Nasional ini pun cukup canggih. Kadang-

kadang apa yang dikatakan oleh Deputy Speaker atau Timbalan Yang di-Pertua ini memang kadang-kadang tidak dengar langsung, tetapi sebenarnya bukan untuk apa, ini menunjukkan satu tingkat yang begitu tinggi di mana perbahasannya pun canggih-canggih, di mana mereka ini kebanyakannya profesional. Jadi, kedua-dua pihaklah Barisan Nasional dan pihak Pembangkang memang cukup prihatin untuk menyediakan bahan-bahan ucapan di mana kadang-kadang banyak kalilah pihak Timbalan Yang di-Pertua terpaksa banyak kali menegur ahli-ahli yang berada di dalam Dewan ini supaya balik ke 'pangkal jalan', bermakna mengadakan ucapan-ucapan yang mengikut lunas-lunas Standing Order.

Kita dapati juga Timbalan Yang di-Pertua ini mereka kadang-kadang terpaksa duduk di Kuala Lumpur, seperti Tuan Yang di-Pertua yang mempengerusikan sekarang inilah datang jauh daripada Sabah di mana anak isteri pun kena disara juga di Sabah dan manalah tahu ada juga keluarga di Kuala Lumpur, itu kita tidak tahulah. *[Ketawa]* Tetapi, ini lumrah alam!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangun untuk menjawab bagi pihak saya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Ahli Yang Berhormat dari Santubong, adakah Ahli Yang Berhormat ini mencabar atau mengesyorkan Timbalan-timbalan Speaker supaya mengadakan dua buah rumah ini? *[Ketawa]*

Puan Rohani binti Haji Abd. Karim: Tidak, tidak. Saya tidak mencabar tetapi ini berlaku. Mereka pun manusia biasa, jadi berkemungkinan tetapi elaun ini bukanlah, setakat RM2000 ini tidak ada apa, hendak menyara itu bukannya senang juga tetapi saya mengatakan bahawa perbelanjaan kena dibagi dua iaitu di Sabah bagi Timbalan Yang di-Pertua yang mempengerusikan sekarang inilah, dan juga dengan saraan-saraan di Kuala Lumpur. Saya dapati juga memanglah banyak dari segi ini pun nasib, kita baru sahaja menikmati ada pertambahan sedikit

sebanyak. Kalau tidak, dahulu lebih teruk lagi. Saya memang dapat tahulah sebagai kawan, kadang-kadang hendak balik kampung pun susah. Jadi, saya rasa ini memanglah cukup berpatutan dan dipertingkatkan supaya prestasi Timbalan Yang di-Pertua pun adalah orang kata sedikit motivasi, umph! Bermotivasilah juga bekerja sebab duduk di atas sana satu tanggungjawab yang begitu berat.

Satu lagi yang baiknya, yang kita semua saya rasa lepas ini ramai kawan-kawan yang sama-sama akan menyokong mengenai perkara ini di mana kalaulah Timbalan Yang di-Pertua kita ini diluluskan dengan kenaikan elaun, bolehlah kita ahli-ahli biasa ini mula-mulalah me'negotiate'kan supaya ahli-ahli juga dipertimbangkan sedikit sebanyak. Ini adalah untuk kebaikan, jadi kita pun bermotivasi jugalah. Jadi, kita 'motivate'kan pihak Timbalan Yang di-Pertua, lepas itu kita bolehlah berbincang sesama kita khasnya melalui back bencherslah, kelab penyokong-penyokong kerajaan ini baik.

Sebenarnya kita memikirkan kepada semua Ahli-ahli Parlimen. Pihak DAP pun tidak pernah, pembangkang pun tidak pernah terima kasih. Kita kerja teruk tahu? Untuk menambahkan apa yang sekarang ini dinikmati. Sepatutnya sedikit sebanyak dalam ucapan selit-selitlah beritahu terima kasih sebab kita tidak memikirkan untuk kita Barisan Nasional sahaja, tidak! Kita memikirkan untuk semua pihak supaya mendapat kenaikan dan supaya kita dapat menjalankan tugas kita dengan lebih bersemangat lagi iaitu dengan datang ke Parlimen penuh hari supaya kita menikmati juga, kita boleh kalilah yang kita duduk di Parlimen ini kali dengan apa yang sepatutnya kita dapat, oh, lumayan juga itu. Kalau siapa yang belum buat itu, buatlah cepat-cepat sebab lumayan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peningkatannya elaun ini dapatlah sedikit sebanyaknya Timbalan Yang di-Pertua kita bergaya sedikitlah walaupun dibanding dengan negeri tidak ada apa tetapi bergaya sedikitlah daripada kita ini sebab jawatannya Timbalan Yang di-Pertua. Jadi, memanglah saya rasa mereka ini berpatutan diberikan kenaikan ini dan satulah, saya juga mohon jasa baik Timbalan Yang di-Pertua, kita ini baik-baik belaka, jadi mungkin selalu-selalulah bertanya khabar dengan kami-kami di bawah ini. Janganlah lupa kepada kami ahli-ahli biasa, kita mesti saling berganding bahu, bantu membantu untuk kebaikan bersama, saling bertukar-tukar pandangan dan pendapat agar suasana baik dan mesra....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Santubong sebab Santubong daripada Sarawak juga saya kira, Sabah ya? Yang ini Sabah *[menunjukkan ke arah Timbalan Yang di-Pertua]* tetapi satu Malaysia belah sanalah - sama-sama kawasan. Tadi, Yang Berhormat Santubong ada mengatakan bahawa bila gaji dinaikkan, Yang Berhormat Timbalan Speaker akan merasa bangga

tetapi saya hendak bertanya sedikit. Kadang-kadang bila suami mendapat gaji tambahan atau bonus yang besar, isteri di rumah yang bimbang, takut agenda lain yang pergi. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Ah, itu dia!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Adakah Yang Berhormat Santubong sudah berhubung dengan isteri Tuan Yang di-Pertua ini sama ada isteri beliau ada prasangka yang kita tidak mahu dengari nanti mungkin berlaku? Saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat Santubong.

Puan Rohani binti Haji Abd. Karim: Terima kasih rakan saya dari Rompin. Oh, saya cukup mengenali kepada isteri Timbalan Yang di-Pertua yang ada sekarang inilah...

Seorang Ahli: Bodek nampak!

Puan Rohani binti Haji Abd. Karim: Oi, dia cukup mempercayai suami beliau, *[Ketawa]* jadi tidak timbullah, bahkan yang mungkin timbul ini mungkin dia tengah 'negotiate'lah pula dengan Timbalan Yang di-Pertua berapa peratus yang beliau dapatlah. *[Ketawa]* Jadi, syak wasangka itu, lagi syak lagi buat! Jadi, memang saya rasa dia itu 'step'nya memang sudah betul, dia tidak perlulah hendak syak sebab saya rasa sekarang ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Puan Rohani binti Haji Abd. Karim: Ya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya rasa ucapan itu kena ditumpukan secara umumlah. *[Ketawa]*

Puan Rohani binti Haji Abd. Karim: Ya, ya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ini tidak sedap 'Kerusi' ini. *[Ketawa]*

Puan Rohani binti Haji Abd. Karim: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua sebab bertanya ini, jadi secara keseluruhanlah saya rasa pihak isteri tidak ada syak. Ini kadang-kadang berbalik kepada persefahaman di antara satu sama lain. Jadi, persefahaman ini bermacam-macam, jadi, mungkin dengan kenaikan ini - alah, hendak menyara - ingat hendak menyara isteri murakkah? Tidak murah. Ini RM2000 ini saya rasa tidak memungkinkan untuk mencari cawangan-cawangan lain. *[Ketawa]* Sebab sedikit sangat! Tidak memungkinkan.

Jadi, oleh yang demikian, saya memanglah menyokong pindaan Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 ini dan insya-Allah, mudah-mudahan dengan adanya kenaikan ini nanti status atau pengiktirafan kepada Timbalan Yang di-Pertua diletak di tempat yang lebih tinggi walaupun kita kata kalau dibanding dengan negeri memanglah belum memuaskan tetapi insya-Allah, semua ini kita akan kaji sedikit sebanyak tetapi ini adalah satu titik permulaan yang begitu munasabah untuk meningkatkan taraf Timbalan Yang di-Pertua kita di kedua-dua Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara.

Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jelutong.

5.37 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Speaker. Tuan Speaker, adalah dikatakan seorang Speaker itu sebagai seorang 'orang tengah' dan menghakimi Parliamentary Practice, a Speaker is nobody's man, he is the Man of the House. Taraf yang diberi kepada seorang Speaker dan apabila Tuan Speaker -walaupun Timbalan - menduduki Kerusi itu tarafnya sama tetapi adakah itu diterima oleh Tuan Speaker dalam Dewan yang mulia ini?

Baru-baru ini dalam sesi Parlimen ini, ada dua keputusan yang dibuat. Keputusan yang pertama oleh Timbalan Speaker Tuan Ong Tee Keat dan itu adalah mengenai adakah, masa itu, adakah perkara rayuan yang tidak difailkan masa itu oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka yang ada disabit atas dua tuduhan oleh Mahkamah Tinggi Melaka. Keputusan yang dibuat oleh Timbalan Speaker adalah bukan subjudice oleh kerana walaupun tempoh notis rayuan dalam mana boleh dibuat tindakan tidak diambil oleh itu kerana satu notis rayuan tidak difailkan perkara itu tidak subjudice dan boleh dibahas di dalam Dewan yang mulia ini.

Dan rakan saya dari Tanjong ada berbuat demikian tetapi apabila Tuan Speaker Tan Sri Zahir duduk di Kerusi yang sama - sepertimana yang saya katakan tadi, tidak ada perbezaan di antara seorang Timbalan Speaker apabila duduk dalam Kerusi itu, satu keputusan telah dibuat oleh Tan Sri Zahir adalah tidak boleh, walaupun satu notis rayuan tidak difailkan perkara itu subjudice walaupun Tuan Speaker, saya quote apa yang ada dalam *Erskine May* di mana terus terang ada satu perenggan bahawa jika dalam tempoh dalam mana satu rayuan boleh dibuat tetapi tidak dibuat, perkara itu tidak subjudice.

Apabila saya membawa perhatian Tuan Speaker itu kepada apa yang ada diputuskan oleh Timbalannya, jawapan Tuan Speaker adalah "Oh, ini adalah sebagai dalam mahkamah, boleh ada berlainan dalam keputusan di antara satu hakim dengan yang lain." Tetapi itu bukan apa yang benar kerana dalam Dewan yang mulia ini daripada satu keputusan yang dibuat tidak ada satu peringkat lain di mana satu rayuan boleh dibuat. Di mahkamah, boleh Tuan Speaker. Ada

tiga peringkat, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Jadi, Tuan Speaker, Timbalan Speaker tidak harus takutkan Tuan Speaker dan apa yang saya nyatakan adalah taraf sama rata dan bagi protokol, jika Timbalan Tuan Speaker menggantikan Tuan Speaker apabila satu function yang beliau tidak boleh menghadiri, protokol adalah selepas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong, selepas itu Speaker dan selepas itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana taraf tertinggi itu adalah diberi kepada Timbalan atau Speaker sendiri.

Haruslah kaliber Timbalan Speaker atau Speaker sendiri satu kaliber morality yang tinggi harus diadakan, jika tidak apa yang terjadi di dalam Dewan yang mulia ini dalam tahun 1989 - D.P. Vijendran - Timbalan Speaker bagi Dewan yang mulia ini, seorang yang terlibat dalam video lucu, not a minor part but a principal part. Saya ingat semua Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini ada meneliti isi kandungan video lucu itu. *[Ahli-ahli Yang Berhormat menjawab tidak ada]* Jika tidak ada jumpa saya! *[Ketawa]* Tetapi apa yang....

Seorang Ahli: Jelutong tauke video lucukkah? *[Ketawa]*

Tuan R. Karpal Singh: Tidak, saya ada memberi kepada Timbalan Speaker sendiri...

Seorang Ahli: Mana boleh Ahli Parlimen ada video lucu.

Tuan R. Karpal Singh: Saya dapat memberi satu salinan video itu kepada Yang Berhormat Tuan Ong Tee Keat dan saya difahamkan - kerana tajuk itu timbul sekarang, dalam siasatan apabila satu kenyataan ada direkodkan daripada Tuan Speaker Tuan Ong Tee Keat, dan Timbalan Tuan Speaker pun sendiri menjadi saksi dalam kes D.P. Vijendran. Saya difahamkan Timbalan Speaker Tuan Ong Tee Keat telah dihentam oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mendapat bahan itu daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. Bercakap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri; di mana dalam dunia, dalam *Hansard* ada satu video lucu dan selepas itu Tuan Speaker, Tan Sri Zahir, selepas video itu ada diterima oleh Timbalan Speaker Tuan Ong Tee Keat, Tan Sri Zahir mengumumkan bahawa keputusan itu tidak sah dan oleh itu keputusan itu akan disemak kerana Ahli DAP - Ahli Yang Berhormat dari Jelutong

khasnya - apabila menyerahkan video lucah itu kepada Timbalan Speaker, perbuatan itu tidak sah.

Selepas saya, Tuan Speaker, di sini ada mengingatkan kepada Yang Berhormat Tuan Speaker, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bahawa satu ruling yang telah dibuat oleh Timbalannya tidak boleh diubah, hanya jika ada satu substantive motion. Berbalik kepada kaliber, nasib baik Tuan Speaker seorang yang boleh dihormati termasuk Tuan Speaker Tuan Ong Tee Keat dan Tan Sri Dato' Mohamed Zahir sendiri.

Tetapi apa yang harus diadakan di dalam Dewan yang mulia ini konsistensi memberi keputusan yang telah dibuat oleh ketiga-tiga Tuan Speaker. Saya baca daripada *The Erskine May*, Edisi 21 muka surat 181, dengan izin,

The Speaker's rulings, whether given in public or in private, constitute precedents by which subsequent Speakers, Members, and officers are guided. Such precedents are collected and in course of time may be formulated as principles, or rules of practice. It is largely by this method that the modern practice of the House of Commons has been developed."

Contoh, that is impact, dengan izin, keputusan yang telah diberi oleh ketiga-tiga Tuan Speaker apabila ada menduduki dalam kerusi itu.

Tuan Speaker, saya harap apabila menjalankan tugas sebagai Speaker, Tuan Speaker menerima semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini sama rata, jangan melihat kami di sini sebagai musuh negara, barangkali musuh Barisan Nasional dan bukan musuh negara.

Tuan Speaker, bagi rakan saya dari Tanjong, sebagai Ketua Pembangkang dia harus mendapat kehormatan daripada kerusi, dia tiada petang ini, Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ada berdiri dua kali mengemukakan dua soalan lisan iaitu No. 10 dan No. 13, soalan ini penting. Biasanya apabila Ketua Pembangkang berdiri, dia akan diberi keistimewaan untuk menanya satu soalan supplementary. Tetapi hari ini, dia berdiri dua kali, tetapi Tan Sri Dato' Mohamed Zahir, muka ada di sana, dia tidak mahu melihat Ketua Pembangkang.

Saya harap tidak ada diskriminasi seperti itu. Apa yang telah saya nyatakan tadi, Tuan Speaker, kami bukan musuh negara, kami lebih taat kepada negara lebih daripada Barisan Nasional.

Seorang Ahli: Pilah hang!

Tuan R. Karpal Singh: Itu boleh dicatat dalam *Hansard* Tuan Speaker.

Walau bagaimanapun, saya sokong rang undang-undang ini oleh kerana Timbalan Speaker dan keduanya termasuk Timbalan President Dewan Negara mendapat bukan sedikit apa yang ada ditawarkan sekarang, barangkali pindaan ini boleh kepada RM5,000, saya ingat itu lebih sesuai. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kubang Kerian.

5.48 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya harap dengan kenaikan pendapatan Tuan Speaker ini dapatlah Tuan Speaker memperjuangkan keadaan Parlimen ini supaya ianya menjadi lebih baik pada masa yang akan datang. Memang kita lihat Speaker dan juga Timbalannya di sudut pendapatan kalau sepenuhnya mereka makan gaji duduk di Kuala Lumpur ini tidaklah setinggi mana. Sebab di sini sekarang, pegawai-pegawai kerajaan lagi risau pendapatan kalau RM3,000 itu dianggap sederhana sekarang. Kalau RM1,000 gaji sudah dianggap paras miskin, ini di Lembah Klang sekarang.

Jadi, pegawai-pegawai kerajaan melalui had kenaikan ini barangkali mereka kata: “Selalunya di Parlimen ini mudah diluluskan untuk kakitangan ataupun untuk Ahli-ahli Parlimen.” Tetapi, kalaulah untuk mengelakkan rasuah dan sebagainya, kita bersetuju kenaikan gaji dan elaun tetapi pada masa yang sama kita mahu juga bahawa akta rasuah itu diperkuatkan sekuat-kuat mungkin supaya semua Speaker, Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Parlimen mengisytiharkan harta mereka kepada satu jawatankuasa di Parlimen ini supaya mereka hidup dengan elaun, kalau berniaga betul-betul berniaga bukan dengan ‘pink form’ saham terbitan yang mereka lebih mendahului daripada rakyat yang mereka mewakili kawasan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat di Parlimen ini, kita bercakap soal Multimedia Super Corridor (MSC), hubungan canggih dan sebagainya tetapi Parlimen semakin backward, sekarang kita lihat *Hansard* tiga hari baru siap. Dahulu kita mula-mula masuk tahun 1990 kita bercakap hari ini besok sudah siap *Hansard*, sekarang tiga hari. Lagi canggih lagi lambat Parlimen ini. Perlatan di depan kita ini, kita tidak tahu, apa ‘menatang’ ini? Entah boleh diguna ataupun tidak, tidak diterangkan kepada kita, berapa kos belanja ubahsuai ini kita tidak tahu. Tetapi apa guna kita tidak tahu sampai hari ini!

Jadi, ini kita harap pihak Timbalan Speaker mengambil perhatian supaya keadaan Parlimen ini di ‘improve’, jurubahasa masih lagi tidak ada dan kita lihat kadang-kadang kalau diterjemah dalam bahasa Inggeris dia lewat dua minit, menteri atau kita telah bercakap lama dah, dia baru terjemah. Walaupun dia letih kerana dia terpaksa menterjemah berjam-jam, tidak cukup kakitangan menjadi satu perkara yang serius di Parlimen ini.

Begitulah juga kita lihat Ahli-ahli Parlimen, mesti kita meningkatkan kedudukan Ahli-ahli Parlimen bukan setakat hendak menang pilihan raya kita kerap makan kenduri, tengok orang mati, gotong royong - itu teruskan. Tetapi kita juga mesti hidupkan jawatankuasa-jawatankuasa, misalnya bila kita pergi melawat ke luar negeri, orang bertanya kita: “Kamu daripada committee apa?” “Tak ada!” Ahli Parlimen kita kebanyakannya tidak ada committee yang hidup sedikit ialah Public Accounts Committee (PAC). Lain-lain tidak ada!

Sekejap tadi kita berjumpa dengan Ahli-ahli Parlimen daripada Jepun atau Ahli-ahli Parlimen daripada lain-lain negara, mereka ada duduk di pelbagai committee iaitu Jawatankuasa Hak Asasi Manusia misalnya, Jawatankuasa Alam Sekitar, Jawatankuasa Hal Ehwal Antarabangsa yang menangani masalah NGO, Jawatankuasa Hal Tenaga Manusia, Jawatankuasa Kebajikan, Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Jawatankuasa Syariah dan

Undang-undang dan Jawatankuasa Hal Ehwal Pengguna misalnya. Ini boleh ditubuh oleh Parlimen dan Timbalan Speaker mesti mencadangkan perkara-perkara ini.

Kalau tidak, Parlimen kita bersidang dan tambahan pula akhbar pun tidak siar, siaran TV pun tidak ada, kita sudah jadi kelab eksklusif, kelab minum teh. Jadi, untuk menang pilihan raya kita balik ke kampung. Jadi, tugas kita macam routine, macam pegawai kebajikan masyarakat bukan Ahli Parlimen, bukan Parliamenterian.

Jadi, bila kita melawat ke luar negeri, “Kamu committee apa?” “Tidak ada committee!” “Saya Ahli Parlimen Pendang, saya Ahli Parlimen Yan, saya Ahli Parlimen Jelebu.” “Committee apa duduk?” “Tak ada!”

Jadi, ini kita mesti improve, misalnya sekarang hal Kemboja, kalau kita ada satu Jawatankuasa Hal Ehwal Antarabangsa, Ahli-ahli Parlimen kita boleh melawat Kampuchea dan kita melihat sendiri dan kita memberi rekomen kepada kerajaan, kita memberi rekomen kepada Kementerian Luar Negeri, tetapi tidak ada jawatankuasa-jawatankuasa seperti ini.

Sebab itu musim Parlimen tidak bersidang, maka kita lihat Ahli-ahli Parlimen kita membuat kerja secara sendiri, ada yang daripada Barisan Nasional baguslah, mereka dibawa melawat ke luar negeri. Macam kami ini? Ngaga di kampung! Sebab itu kami boleh menang dalam pilihan raya, sebab kami lebih kerap makan kenduri.

Seorang Ahli: Pergi kacau budak universiti.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Yang saya hendak tekankan di sini ialah hidupan committee ini, sudah sampai masanya, kita malu kepada negara lain bila Ahli Parlimen kita bersidang dan publisitinya semakin hari semakin kurang, maka kita lihat kadangkala kawasan yang kita wakili, dia tidak tahu ke mana kita pergi selama dekat tiga bulan, bulan Oktober, November dan Disember, bincang masalah budget dan sebagainya dan kita balik seminggu sekali hari Jumaat, Sabtu dan sebagainya tetapi committee lain tidak hidup.

Oleh itu dengan kenaikan elaun ini, kita harap Timbalan Speaker lebih aktif mengemukakan pandangan kepada kerajaan supaya Ahli-ahli Parlimen ini ada kerja khusus untuk mereka terlibat, kalau dia duduk dalam Jawatankuasa Hal Alam Sekitar, maka Ahli Parlimen ini boleh pergi ke Bakun dan pergi interview orang-orang kampung dan pandangan jawatankuasa Ahli Parlimen ini sudah tentulah lebih kuat kalau dibandingkan dengan pandangan kumpulan-kumpulan yang lain, yang jawatankuasa-jawatankuasa seperti ini tidak ada dan zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman dahulu hidup jawatankuasa ini. Tetapi sekarang ini Parlimen semakin tak laku, yang laku Kabinet sehingga hal konsert KRU pun dibincang dalam Kabinet. Pada hal itu bukan kerja Kabinet. Kabinet kena bincang masalah matawang yang turun sekarang, masalah share yang turun, ekonomi negara kita, hal Komanwel, Sukan Komanwel habis duit banyak belum tentu untung, yang ini Kabinet kena bincang.

Ini Kabinet bincang - KRU, benda yang tidak sepatutnya sampai ke tahap Kabinet, ini cukuplah peringkat majlis bandaran, majlis daerah. Jadi, Parlimen kita mesti standard dan Kabinet itu pula jadi macam ‘weekly

meeting', bukan lagi membuat decision yang besar, tetapi membuat keputusan-keputusan yang kita lihat, yang sepatutnya diperingkat majlis tempatan sahaja.

Jadi, perkara ini kita mesti jangan malu, iaitu kita dengan kenaikan elaun ini kita harap Timbalan Speaker lebih aktif supaya kita lebih berperanan sebagai Ahli Parlimen bukan hendak menang pilihan raya, setakat makan kenduri, tengok orang mati. Tetapi kita mesti bekerja dan ada pengetahuan dalam bidang-bidang yang kita bercakap. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Balik Pulau.

5.55 ptg.

Dr. Nung Sari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi kita baru melihat bahawa Akta Pembangunan Sukan telah diluluskan dan kita melihat daripada isi kandungan perbahasan semasa dibincangkan Akta Pembangunan Sukan itu jelas sekali bahawa di dalam negara kita hari ini, walaupun kita bermegah dengan pembangunan ekonomi 8% lebih, lebih lapan tahun berturut-turut, tetapi adalah jelas kepada mereka yang melihat secara ikhlas bahawa pembangunan institusi dalam negara ini, institusi-institusi lain selain daripada institusi-institusi ekonomi adalah jauh keterbelakang berbanding dengan kedudukan ekonomi kita hari ini.

Institusi sukan misalnya, sifat dan sikap sukarelawan dan juga pegangan kita kepada idealisme sukan agak keterbelakang berbanding dengan GDP per kapita kita. Begitu jugalah dengan kedudukan institusi-institusi politik dalam negara kita hari ini. Bukanlah satu kenyataan yang keterlaluan untuk saya katakan bahawa institusi politik termasuk institusi Parlimen yang paling tinggi ini pun berada pada keadaan yang keterbelakang mahupun dari segi kemudahan fizikalnya, dari segi kedudukannya, dari segi peranannya sebagai sebuah institusi dalam masyarakat, dalam negara kita hari ini.

Saya melahirkan banyak kali sudah, tentang kedudukan institusi Parlimen ini di mata rakyat. Pada hari Isnin yang lalu, saya telah membangkitkan dalam ucapan penangguhan tentang reformasi perjalanan Dewan Rakyat yang sedikit sebanyak telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Antara perkara yang saya bangkitkan dalam perkara ini, saya bersetuju dengan Ahli daripada Kubang Kerian, antara perkara yang saya bangkitkan pada hari Isnin lepas ialah kita hendaklah melihat semula, mengkaji sedalam-dalamnya Peraturan Mesyuarat (Standing Order) Dewan Rakyat ini untuk meluaskan lagi peranan Ahli-ahli Dewan sebagai legislators di dalam Dewan ini. Satu cara untuk kita melakukan reformasi tersebut ialah kita membentuk, sebab dalam peruntukan Peraturan Mesyuarat kita ada Peraturan Mesyuarat 80, kita ada peruntukan untuk membentuk jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas. Dan jawatankuasa-jawatankuasa pilihan khas ini boleh kita bangkitkan, saya katakan ia tidak perlu selari dengan kementerian, kalau kita ada 26 kementerian, tidak payah ada 26 jawatankuasa, tetapi kita boleh bangkitkan jawatankuasa pilihan khas Dewan Rakyat tentang hal ehwal antarabangsa, jawatankuasa pilihan khas Dewan Rakyat tentang hal ehwal ekonomi dan perdagangan misalnya, jawatankuasa pilihan khas Dewan Rakyat tentang kebudayaan dan macam-macam lagi. Mungkin ada empat, lima, enam jawatankuasa.

Yang Berhormat Timbalan Menteri semasa menjawab ucapan penangguhan saya telah mengatakan bahawa peruntukan yang ada dalam Peraturan Mesyuarat sekarang telah mencukupi untuk membenarkan kita berfungsi sebagai legislators. Saya lebih bersetuju dengan Kubang Kerian, kita hendaklah dilihat, kalaulah kita mahu institusi ini melalui proses kematapan dan kematangannya, maka ianya sudah tiba masa selepas hampir 40 tahun merdeka supaya institusi ini berfungsi lebih banyak lagi sebagai satu badan perundangan yang sepatutnya.

Kita faham pada tahun 1955, pada tahun 1960 Parlimen yang pertama dan kedua, mungkin pada ketika itu peranan perundangan institusi ini tidak berapa kita beri keutamaan. Tetapi sekarang ini dengan adanya begitu ramai ahli yang masing-masing

mempunyai latar belakang yang tersendiri, masing-masing boleh menyumbang. Dengan adanya jawatankuasa ini kerajaan dan Dewan ini juga boleh mendapat dan memberi input kepada semua rang undang-undang yang bakal dibentangkan dan diperbahaskan di dalam Dewan Rakyat ini.

Buat apa tidak diguna pandangan, pengalaman, kemahiran kita yang berbeza di kalangan Ahli Dewan Rakyat hari ini, untuk kita memberi input dalam proses perundangan dalam negara kita. Sekali gus kita boleh, bukan sahaja dengan kita tingkatkan peranan ahli dalam proses perundangan ini, menaikkan imej Parlimen ini, imej Dewan Rakyat ini. Orang kita juga boleh mengguna kemahiran-kemahiran yang ada di kalangan ahli dan kita ada kerja yang boleh difahami oleh rakyat yang mengundi dan meletakkan kita di sini. Kalau kita tidak melakukan perkara yang tersebut, maka jadilah Parlimen seperti Parlimen yang ada pada hari ini, secara ikhlas kita cakap - saya sudah cakap banyak kali, orang tidak kisah Parlimen ini, public gallery di belakang kita ini berapa orang yang datang? Kalau ada rang undang-undang yang penting, yang besar, kalau ada dasar-sasar kerajaan yang penting, yang besar, yang akan mencorak suasana sekeliling rakyat di dalam negara kita ini, berapa orang yang datang tengok? Siapa pun tidak kisah, begitulah kedaifan kedudukan Parlimen ini.

Kita lihat sahajalah apa yang diliputkan oleh media masa - teruk. Ahli politik kadang-kadang kena berbaik dengan media massa. Saya sudah pun mengatakan rasa tidak puas hati benar dengan liputan yang diberi oleh media massa kepada apa yang berlaku di dalam Dewan ini. Mungkin editornya merasakan bahawa tidak ada 'news value' tentang apa yang berlaku di dalam Dewan Rakyat ini. Bukanlah sesuatu yang aneh misalnya pada siapa yang mengikuti perbahasan meluluskan undang-undang dan kemudiannya pelaksanaan undang-undang itu, masa perbahasan itu tidak dicerita pun dalam akhbar tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh ahli dalam Dewan ini,

misalnya apa yang dibimbang tentang harta atau tentang rang undang-undang yang diluluskan. Tiga atau empat bulan selepas itu, apabila diwartakan rang undang-undang itu, apabila diumumkan barulah press hendak cover dan kadang-kadang bila berlaku kelemahan ekoran daripada pelaksanaan rang undang-undang atau akta itu barulah akhbar memberi liputan.

Kementerian Penerangan khasnya Radio dan Televisyen Malaysia sendiri sebagai satu agensi awam yang mana kita meluluskan peruntukan di dalam Dewan ini, wang awam kepadanya tidak juga memberi liputan kepada Dewan ini. Masa saya kecil dahulu, tidak teringat saya hendak menjadi ahli Parlimen, ada juga ‘Laporan Parlimen’, tetapi sekarang tidak ada. Saya kadang-kadang tidak berada dalam kawasan sekian lama, orang tanya “Y.B. pergi mana?” Saya kata “Depa lantik aku jadi ahli Parlimen, aku pergi Parlimenlah”, depa tidak tahu apa. Kadang-kadang kedudukan yang sebegini tidak baik sebenarnya. Jadi kita hendaklah menjaga kedudukan dan keutuhan institusi ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah yang telah dilontarkan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau. Bercakap mengenai dengan laporan Parlimen, laporan dalam media massa, perkara ini sebenarnya kita sudah bangkit banyak kali dengan Menteri Penerangan, Timbalan Menteri Penerangan, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, sudah berjanji banyak kali.

Saya hendak tanyalah pandangan Yang Berhormat apakah yang menjadi masalah sangat, hendak buat laporan Parlimen dalam televisyen ini. Waktu saya bertugas sebagai pegawai pelapor dalam kementerian pun duduk di gallery itu, saya tahu pada masa itu laporan Parlimen cukup baik waktu itu, pada tahun tujuh puluhan, lapan puluhan. Tetapi

setelah menjadi ahli Parlimen ini, tidak ada apa pun yang mereka buat. Yang sebenarnya siapa yang menjadi 'taikong'nya dalam soal ini, sama ada menteri atau pegawai kerajaan itu sendiri? Kalau ada di antara arahan yang dikeluarkan oleh menteri, pegawai tidak patuh macam mana agaknya pendapat Yang Berhormat untuk perkara ini hendak direalisasikan? Banyak kali menteri jawab 'kita akan buat, kita akan buat', tetapi hari ini sudah tiga hari, tidak ada pun laporan Parlimen dalam televisyen disiarkan. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat sedikit.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Itulah Yang Berhormat dari Jelebu, sebenarnya tidak ada orang lain, tidak ada institusi lain, tidak ada sesiapa yang lain, yang boleh berjuang untuk kedudukan ahli, badan dan institusi ini selain dari kita sendiri.

Sebenarnya kalau press yang mahu menjalankan tugasnya sebagai 'the guardian of public interest', dia patut boleh buatlah. Jadi, kita tidak boleh mengharap. Oleh itu saya menganggapkan bil ini sebagai bil dalam keluarga, kita semua sebagai ahli Dewan tidak ada kerajaan atau pembangkang, kita sendiri kena memulakan satu proses untuk mereformasikan perjalanan Dewan Rakyat ini untuk menaikannya pada taraf yang sepatutnya ia berada, mendapat tempat dan akhirnya saya ingat selepas itu barulah mungkin mendapat liputan yang sepatutnya. Tetapi untuk menjawab soalan rakan saya dari Jelebu, yang press swasta kita tidak boleh hendak kawal dia, itu dia punya hal, sekiranya dia fikir ada 'news value' mungkin dia letak, kalau dia ingat tidak ada 'news value' dia tidak letak.

Saya cuma menggunakan press kerana saya menjadikan mereka sebagai kayu ukuran tentang kepentingan kita. Tetapi mengenai TV ini boleh, sebab TV ini dia menerima duit. Sebenarnya kita yang meluluskan belanjawan tiap-tiap tahun untuk memperuntukkan sebilangan wang kepada Kementerian Penerangan yang disalurkan kepada Radio dan Televisyen Malaysia - yang itu Setiausaha Parlimen Kementerian

Penerangan ada, mungkin beliau boleh jawab. Perkara itu mungkin kita juga boleh kontrol - itu Dewan boleh kontrol. Kalau kita tidak beri duit kepada mereka pada tahun hadapan iaitu pada Belanjawan tahun 1998, kita minta kurangkan peruntukan bagi Radio dan Televisyen Malaysia - Dewan ini boleh buat, kalau Dewan ini hendak buat. Tetapi kita baiklah.

Jadi, pihak pentadbiran kena bersimpati jugalah kerana jika terjejas kedudukan Dewan ini dan ahli-ahlinya, bukan terjejas ahli Parlimen back-benchers sahaja, bukan terjejas ahli-ahli Parlimen pembangkang sahaja, ahli pentadbiran pun terjejas sekali, termasuk yang blok A sekali - semuanya terjejas, sebab kita yang duduk dalam Dewan ini kesemuanya adalah ahli-ahli Dewan Rakyat pada umumnya. Masih ada sedikit masa, saya hendak beri pada rakan saya Ketua Back-benchers untuk bercakap.

Saya hendak sentuh satu lagi perkara iaitu tentang kedudukan kemudahan yang ada dalam Dewan ini. Sekarang negara membuat the twin towers, Petronas - itu adalah usaha pihak swasta, kita tidak kisah. Kita buat KLCC, buat bangunan atas sungai dan kita buat Putrajaya satu bandar pentadbiran yang baru, kita buat bermacam-macam. Tetapi kalau kita tengok Dewan Rakyat ini dan juga bangunan Parlimen ini, selaku wakil rakyat kita tidak mahu orang kata 'luxurious' atau 'excessive' dari segi kita hendak membuat marmar yang mengerlip-ngerlip. Tetapi kita kena jaga juga kedudukan kemudahan Dewan ini. Saya fikir tidak banyaklah Dewan perundangan di peringkat Persekutuan (Federal) di dalam dunia ini yang macam ini [*sambil menunjukkan tempat duduk*] bukan saya hendak kompelin, tetapi kadang-kadang Yang Berhormat dari Hulu Terengganu hendak keluar, saya kena bangkit, jadi nampak koman dan juga peraturan atau cara kita mengambil bahagian di dalam perbahasan pun berdiri, berebut macam budak-budak. Walaupun kita ada kegunaan IT ini kita tidak guna dan sekarang ini IT

ada webpage atau homepage sendiri di Parlimen, tetapi kita tidak menggunakan kemudahan itu untuk membekalkan dalam

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Yang Berhormat dari Balik Pulau. Adakah Yang Berhormat dari Balik Pulau sedar di hadapan kita ini ada lampu, lampu ini hendak suluh apa ? Waallahualam, saya pun tidak tahu. Torchlight pun besar daripada ini. *[Ketawa]* Kemudian ada lagi dua tiga ini *[sambil menunjukkan alat di hadapannya]*. Yang ini 'speedometer'kah ataupun 'games' saya pun tidak tahu, tahu-tahu sudah dipasang. Kadang-kadang diwaktu kita sedang berfikir tiba-tiba 'perepang' benda ini luruh, rupanya ensel di belakangnya tidak cukup panjang. Jadi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kadang-kadang ada benda yang dibuat ini kita tidak boleh pakai ataupun tidak berfungsi. Pada tahun hadapan macam mana, budget kita hendak perkemaskan atau hendak berkeras sedikit atau macam mana? Kementerian Penerangan macam mana, kita hendak buat biar mereka marah sedikit, kita cubalah? Macam mana pandangan Yang Berhormat, setujukah?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Ada dua. Dengan Kementerian Penerangan ini kita boleh berkeras sedikit, Yang Berhormat, sebab kita hendak provoke dia.

Mengenai kemudahan dalam Dewan ini, mungkin kita boleh suruh Jabatan Perdana Menteri untuk memikirlanlah bagaimana untuk memperbetulkan benda ini. Saya setuju, dahulu lampu ini kita ada yang panjang, tetapi sekarang ini kita ada yang ini *[sambil memegang lampu]* saya pun tidak tahu, saya ingat yang ini macam zaman dahulu. Saya fikirkan yang dahulu moden lagi daripada yang ini dan ini tidak pernah diperjelaskan, kita luluskan dalam Dewan ini, tanggungjawab kolektif, kita meluluskan

belanjawan untuk membelanjakan perkara-perkara ini. Jadi, tidak ada penjelasan kepada kita apa dia hendak guna benda-benda ini semua. Oleh itu kita harapkanlah untuk memelihara kedudukan Parlimen ini, kita jaga kedudukan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Dewan Rakyat ini sendiri, malah saya pernah berkata sepatutnya dari segi protokol Persekutuan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat ini dan Yang di-Pertua Dewan Negara kedudukannya sepatutnya lebih tinggi daripada apa yang ada sekarang ini.

Saya lihat protokol Persekutuan, Ketua Hakim Negara duduknya tinggi daripada Yang di-Pertua Dewan Negara. Di sinilah mahkamah yang paling tinggi dalam negara ini. Kita ada Perlembagaan dan mahkamah yang paling tinggi dalam negara ini ialah Dewan Rakyat ini, [*Tepuk*] bolehlah! Kita mempunyai hak untuk mengambil hak orang dan kita mempunyai hak untuk menjelaskan sempadan hak orang, kita mempunyai hak dalam Dewan ini untuk mengambil sebahagian daripada nafkah orang dan kita juga mempunyai hak untuk memberi pada orang duit yang kita hendak beri, malah kita mempunyai hak untuk mengambil nyawa orang pun dengan menentukan hukuman-hukuman yang tertentu, begitu tingginya kedudukan dari segi teorinya Dewan Rakyat ini. Jadi, kita berharap sangatlah Timbalan Yang di-Pertua yang ada di hadapan saya ini, dia duduk hotel sama dengan saya, makan breakfast sekali dengan saya - RM2,000 tidak cukup, seperti Yang Berhormat dari Jelutong kata, 'kalau hendak beri tambah pun tambah'. Tetapi kita tidak hendak beri rakyat nampak macam kita memperjuangkan 'perks' ataupun benefit kita - yang itu boleh juga tengok, bukan semuanya yang okay, ada juga setengahnya yang teruk. Dengan kata-kata yang demikian saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Parit Sulong.

6.13 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama menyokong rang undang-undang ini.

Dua tahun yang lalu, Yang Berhormat Speaker Dewan Rakyat bertemu dengan kami sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Backbenchers dan mengeluarkan satu persoalan yang provokatif. Kata beliau “kita harus melihat sama ada ahli Parlimen hari ini adalah pegawai welfare ataupun legislator?” Soalnya adakah ahli Parlimen hari ini pegawai kebajikan masyarakat atau penggubal undang-undang? Ini soalnya. Oleh kerana kalau kami ahli kebajikan masyarakat, kami tidak perlu dipilih oleh rakyat, kami sekadar memohon kerja menerusi jabatan, menerusi JPA melalui borang kita pohon kerja. Tetapi kalau kami adalah penggubal undang-undang, berikanlah penghormatan sewajarnya kepada kami. *[Tepuk]*

Banyak pihak sensitif terhadap wakil rakyat, adjustment RM90 kepada elaun wakil rakyat dihebah seluruh dunia secara besar especially pihak surat khabar. Elaun wakil rakyat naik RM90 - dihebahkan ‘elaun wakil rakyat naik’, tetapi dia tidak tahu kajian sejak tahun 1957 sehingga hari ini berapakah kadar kenaikan elaun wakil rakyat. Apakah corak dan tugas wakil rakyat? Tidak ada satu manual, tidak ada satu dokumen yang jelas mengenai tugas wakil rakyat, tetapi yang paling jelas Dewan ini, kita adalah penggubal undang-undang. Itu yang paling jelas.

Jadi, harapan kami adalah supaya suara sahabat-sahabat saya tadi sama ada pihak sana, pihak sini, iaitu berilah penghormatan kepada Dewan yang mulia ini. Saya rasa pihak kerajaan memang faham, tetapi mesti membuktikan satu proses evolusi dari masa ke semasa. There must be a process of evolution. Kita melihat Parlimen Afrika Selatan yang baru sahaja merdeka dari kongkongan apartheid, cantik. Tempat duduknya sekurang-kurangnya dia clusters of two or three, dengan izin. Tidaklah macam ini. Yang sana Batang Sadong, wanita - sebab itu saya sebagai Ketua Back-bencher minta wanita semuanya diletak tepi. Kalau duduk tengah, aniaya, dari hukum agama saya tidak tahu, apa pun saya tidak tahu.

Kalau mengikut struktur kedudukan hari ini, sudah berapa tahun kita pinda dalam Dewan ini, tidak ada perubahan juga. Kita melihat Parlimen New Zealand, baru-baru ini kita pergi ke 'Diot', pimpinan Yang Berhormat Speaker dan Timbalan Speaker, kita melihat 'Diot'. Di Malaysia banyak kayu, mereka import kayu dari negara kita, dia boleh buat. Saya ingatkan baru-baru ini bila ada perubahan dengan awan larat, ukiran-ukiran tempat duduk sudah berubah. Macam ini juga. Mintalah menteri-menteri yang ada tolonglah sampaikan kepada Kabinet sekali pun, seksa-ni! This is harassment, dengan izin. Duduk macam ini harassment, kasihan kita. Menteri, don't pretend to be comfortable. *[Ketawa]* Kerana kita tahu sendiri pun tidak comfortable. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di hujung, tidak mengapa. Macam saya duduk hujung. Kawan saya duduk tengah, kadang-kadang kalau datang lewat kita kena bangun.

Tuan Michael Lisa Kaya: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bukit Mas bangun.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan atau pandangan Yang Berhormat Presiden Back-bencher, rakan saya. Adakah sedar speaker di depan saya ini rosak? *[Ketawa]* Lagi, lampu ini tidak berfungsi. Apa boleh buat, saya orang biasa, perkara ini kita tahulah. Tetapi seperti yang saya sarankan tadi, apakah Yang Berhormat sebagai Presiden Back-bencher berkenaan perkara ini?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat dari Bukit Mas. Sebenarnya saya telah pun berjumpa Setiausaha Bagi Parlimen mengenai lampu. Ini lampu yang kelihatan macam mencarut sedikit. Saya bertanya lampu Dewan Rakyat tukar ini, dia kata JKR yang buat. Tidak tahu sudah komisen atau belum komisen. Saya hendak tanya adakah element of corruption dalam menyiapkan benda ini? *[Ketawa]* Kita takut, dan kita tidak mahu. Kalaulah JKR yang bertanggungjawab, berilah penjelasan yang sejelas-jelasnya. Sudah setahun lampu ini tidak berfungsi langsung. Ini kononnya ada IT gezet in front of us. Minta maaf, sampai sekarang kita tidak tahu apa hendak guna ini. Oleh kerana kita tidak mahu seolah-olah wakil rakyat ini dipermain-mainkan, Speaker dipermain-mainkan, Timbalan Speaker dipermain-mainkan, menteri dipermain-mainkan oleh pihak Jabatan Kerajaan yang sebenarnya peruntukannya diluluskan oleh kami. *[Tepuk]*

Kita ingin menjajarkan perjuangan wakil rakyat selaras dengan kepimpinan negara, selaras dengan kemajuan negara. Bila pihak DAP bangun, kami rasa malu mengenai kemudahan IT Ahli-ahli Parlimen. Sekarang ini mengikut Peraturan Mesyuarat setiap soalan harus disampaikan lebih awal. Apabila sidang Belanjawan berjalan tiga bulan, soalan kami sudah naik basi. Oleh kerana soalan itu mungkin diilhamkan oleh perkembangan pada ketika itu, dan apabila dijawab soalan itu telah pun terjawab. Tidakkah kita memikirkan untuk meminda peraturan-peraturan supaya selaras, kita mudah pakai E-Mail, kita hantar hari ini, esok sudah sampai, ataupun kita pendekkan tempoh soalan-soalan itu dihantar, mungkin lima hari supaya current dan topical. Kita sedih, kita sekarang negara

Malaysia, pada pandangan saya bukan lagi negara membangun, negara maju. Tetapi ada sekatan-sekatan yang menghalang kita menjajarkan dengan pembangunan dan kemajuan.

Jadi, sama-samalah, saya tidak mahu hendak mengatakan siapa yang perlu dipersalahkan. Tetapi harus diadakan satu pertembungan pemikiran supaya diadakan penjana minda kita, cari jalan untuk mengatasi perkara-perkara ini. Kami amat sedih, oleh kerana rasanya tidak tahulah kita ini pegawai 'welfare'kah, penggubal undang-undangkah. Oleh kerana ada banyak paradoc dan juga perbezaan dan pelanggaran di dalam treatment and status, dengan izin. Treatment yang diberikan dengan status yang diberikan menjadikan jiwa kami terhimpit. Lepas itu, apabila pembangkang mengatakan mengenai kemudahan Internet, saya juga meminta penjelasan sama ada homepage yang telah dilancarkan akan kita manfaatkan demi kebaikan semua, sekurang-kurangnya kalau yang dirintihkan oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi, dia kata tidak keluar TV. Tetapi kalau ucapan dia, sinopsis pun tidak mengapa, masuk ke Internet. Paling kurang sekarang ini dalam Malaysia lebih kurang 20,000, 30,000 orang access to Internet, sekurang-kurangnya orang di Balik Pulau yang ada Internet baca.

Saya hendak betulkan, kawan-kawan saya tadi bukan mengugut pihak kerajaan, oleh kerana kita adalah kerajaan. Sebenarnya kita membuat self- critical analysis. Satu analisa untuk membaiki diri kita sendiri. Oleh kerana apabila - yang disuara itu betul. Menteri tidak mengapalah publisiti banyak. Menteri pergi jalan dekat situ, berdiri tengah jalan tengok bas pun sudah masuk surat khabar. Tetapi wakil rakyat yang masih lagi back home considered as welfare officer ini macam mana? Tidak muncul dua hari sahaja, kucing beranak tidak balik, kena. Menteri tidak mengapalah ada wakil.

Bercakap mengenai wakil. Setiap ahli Parlimen di negara-negara yang maju mereka diberikan seorang pembantu. Paling minimum seorang pembantu yang dibiayai oleh kerajaan. Pihak kami merayu supaya sekali lagi dipertimbangkan perkara ini dengan tuntutan ahli Parlimen yang tinggi, dengan mutu perbahasan yang hendak ditingkatkan, dengan kakitangan kerajaan di belakang mengadili kami orang ini ada substance atau tidak, ada pemikiran atau tidak, membaca buku atau tidak. Kami memerlukan pembantu peribadi yang dibiayai oleh kerajaan. Kalau taraf kami lebih tinggi dari KSU, kami harus ada pembantu khas. *[Tepuk]* Kalau taraf kami lebih tinggi daripada Attorney- General, kita harus ada pembantu khas yang dibiayai oleh kerajaan. *[Tepuk]*

Kita berasa perkara ini sudah lama. Saya rasa sekali lagi this is not a criticism, dengan izin. Ini adalah satu proses kritik diri. Kita lihatlah diri kita sendiri di antara status dan juga treatment yang kita perolehi. Oleh kerana sekiranya kami diberi pembantu khas, banyak perkara yang boleh dijalankan. Gerakan kemasyarakatan secara kolektif oleh ahli-ahli Parlimen tidak pernah kedengaran. Kalau BBC buat pun terpaksa cari alignment dengan kawan sana dengan kawan sini untuk mendukung cita-cita dan aspirasi kerajaan. Jadi, inilah yang saya harapkan supaya menerusi pindaan yang kita bincangkan hari ini.....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun, Yang Berhormat, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sangat tertarik ucapan-ucapan berkenaan dengan maruah ahli Parlimen. Di sini sebagai seorang wakil rakyat, saya pernah menemui treatment atau layanan yang sangat malu oleh pejabat kerajaan, khasnya anggota-anggota polis di tengah-tengah jalan, road blok. Mereka nampak kami dan mereka bukan boleh kenal lencana atau lambang di hadapan kereta kami dan mereka terus minta, 'boleh tengok lesen.' Itu pun saya tidak faham. Macam mana dia boleh minta 'boleh tengok lesen.' Mungkin mereka syaki kami adalah pemandu yang tidak berlesen. Dan lagi satu, apabila kami masuk ke pejabat kerajaan kadang-kadang kakitangan kerajaan bukan kenal kami, terutama sekali apabila balik ke kampung kami berpakaian 'lenggang-lenggang' sahaja. Adakah sebagai seorang Pengerusi BBC, bolehkah Yang Berhormat bercadang supaya pengarah-pengarah jabatan atau ketua-ketua jabatan boleh memberi satu taklimat atau memberi satu penerangan kepada kakitangan mereka supaya hormatlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat? Sekian.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Sebagai Pengerusi BBC, saya cadangkan Yang Berhormat gantung di sini 'saya wakil rakyat DAP' kerana saya tidak bertanggungjawab kepada bukan penyokong kerajaan. *[Ketawa]* That is in the lighter moment. Saya rasa memang perlulah, tetapi kalau polis tanya lesen, itu hak dia untuk bertanya, kita serah sahajalah, kalau kita tidak bersalah apac kita boleh buat. Tetapi saya hendak mengucapkan ribuan terima kasih juga, bukan tidak ada yang telah pun diusahakan demi meningkatkan treatment kepada wakil rakyat. Umpamanya, penerbangan Malaysia telah pun memberi diskaun 25% penerbangan perjalanan kepada wakil-wakil rakyat dalam negeri. Dahulu untuk kita sahaja, sekarang sudah extended to spouses, kepada isteri ataupun suami. Kami berterima kasih. Tetapi kita bukan hendak demand. Oleh kerana mereka ini macam Balik Pulau, dia terbang daripada Pulau Pinang. Ini bermakna MAS sensitif kepada keperluan perkara yang sedemikian. Kalau kita masuk kedai buku Dewan Bahasa pun diskaun bukan ada. Kita hendak menggalakkan wakil rakyat membaca, tidak ada difikirkan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupar bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Yang Berhormat. Ini cerita memanjang Ahli Parlimen sebenarnya tidak pernah menyuarakan rintihan dan perasaan mereka. Saya ingat inilah kali pertama yang terutamanya Presiden Back-bencher menyuarakan rintihan dan perasaan di hati sanubari ahli Parlimen. Jadi, saya mengucapkan berbilang terima kasih. Tetapi sebelum itu, bukan untuk menyambung atau memanjangkan cerita ahli Parlimen dari DAP tadi. Tetapi ada satu-dua-tiga perkara, saya pernah menulis surat kepada jabatan-jabatan kerajaan, tetapi sudah dua tahun tidak ada jawapan. Kalau saya hendak sebut pun banyak, Department Education,

Statistic Department, minta statistik Malaysia, tidak ada jawapan. Yang kedua, dalam kad pengenalan mengatakan saya boleh diberi keutamaan bila naik feri. Pergi ke kawasan saya naik feri juga. Jadi, kadang-kadang bila saya naik feri, orang kata lori JKR kena masuk dahulu, saya kemudian. Kadang-kadang appointment kita jalan pergi ke kawasan saya sekurang-kurang tiga jam baru sampai ke kawasan. Jadi, lori itu dia pergi setengah jam sudah sampai ke worksite dia. Jadi, macam mana pandangan Yang Berhormat soal-soal yang mana jabatan kerajaan tidak peka langsung dengan ahli Parlimen ini?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya amat dukacitalah, kadang-kadang saya juga tulis surat tidak pernah berjawab pun ada sebenarnya. Jadi, kepada saya itu perkara remeh, oleh kerana kita boleh buat pertemuan secara muka dan sebagainya. Tetapi masalah-masalah lain, saya harap kita adakanlah satu komiti sebagaimana yang dicadangkan oleh Balik Pulau tadi macam mana kita harus menjajarkan kehadiran kita di Dewan Rakyat selaras dengan pembangunan negara, selaras dengan tuntutan zaman, selaras dengan tuntutan rakyat jelata. Saya rasa ini penting dilakukan. Biarlah kalau pihak pembangkang dia tidak duduk sama pun tidak mengapa, kami boleh. Kami boleh dibawa ke tengah oleh kerana ahli Parlimen sekarang ini profesional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa untuk hari ini sudah cukup.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Bolehkah saya sambung hari Isnin?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, boleh sambung.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih. *[Tepuk]*

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.30 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Penghapusan Identiti dan Masa Depan Generasi Ummah

6.31 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ucapan saya, saya namakan ‘Penghapusan Identiti dan Masa Depan Generasi Ummah’.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bahawa saya ingin menambah item senarai tujuh perkara ajaib terkenal di dalam dunia. Saya yakin hasrat saya tidak keterlaluan. Item yang dimaksudkan adalah jelas dan nyata di hadapan mata dan kepala setiap orang yang prihatin terhadap identiti dan masa depan generasi ummah.

Perkara besar atau persoalan penting yang saya maksudkan ialah tindakan pihak kerajaan melalui dasar terbaru dalam sistem pendaftaran kelahiran sejak beberapa tahun lalu yang tidak menyatakan status agama dan bangsa. Lanjutan dari sistem dokumen kad pengenalan baru yang tidak mencatatkan status agama dan bangsa.

Kesan dan implikasi yang serius mungkin tidak dapat dipastikan dalam jangka waktu yang singkat, tetapi untuk tempoh masa yang agak jauh 40, 50 tahun akan datang, satu kesan dan implikasi yang besar akan berlaku di mana rupa bangsa, identiti dan masa depan generasi ummah akan menjadi lebur, kabur, keliru, tidak menentu, kehilangan akar dan pelbagai tonggak dan kekuatan.

Tuan Yang di-Pertua, satu hal yang mudah dibayangkan ialah pelbagai kesulitan akan timbul apabila seseorang menemui maut akibat kemalangan, tidak dapat dikenal atau sukar dipastikan identitinya akibat penghapusan status yang membezakan bangsa dan agama dalam dokumen mereka.

Selain daripada itu, kesan lebih jauh generasi ummah masa depan akan kehilangan *locus standi* kerana identiti secara individu menjadi tidak nyata kecuali identiti umum secara kelompok, warisan tradisi yang tidak mempunyai kesan, pengaruh dan kekuatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam persoalan ini, pihak kami telah merasa bimbang sejak awal kemerdekaan dahulu bahawa dasar mewujudkan Malaysian Malaysia akan menjadikan generasi ummah sebagai buah catur dan akhirnya proses ‘de espura’ yang amat malang dasar mementingkan sokongan masyarakat majmuk yang membelakangkan hak asasi dan ketuanan penduduk asal negara ini wajib dipertahankan sebagai suatu amanah.

Ini bukanlah bertujuan menghancurkan umat lain tetapi selaras dengan ketentuan Allah menciptakan pelbagai rupa bangsa sebagai suatu fitrah menyemarakkan kehidupan melalui ‘lita’arafu’, persaingan yang sihat di samping kerukunan di atas matlamat dan perkara kebajikan.

Akhirnya, saya ingin menegaskan bahawa proses penghapusan identiti di masa depan generasi ummah adalah mencabar political will dan political integrity pihak berkuasa sekarang. Oleh itu, sebelum sesuatu yang tidak diinginkan berlaku, terutama penyesalan tanpa akhiran maka langkah-langkah kembali menegakkan tonggak dan akar kehidupan ummah, perlulah dilihat dengan serius dan penuh tanggungjawab. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, diminta jawab.

6.35 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Dasar pendaftaran kelahiran sekarang adalah tertakluk kepada undang-undang yang berkuatkuasa sejak tahun 1997 atau tempoh yang lebih awal bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Pihak kerajaan masih belum lagi memperkenalkan dasar atau undang-undang baru sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Secara pentadbirannya segala amalan mengenai sistem pendaftaran kelahiran masih belum dipinda lagi.

- (ii) Di dalam sijil kelahiran ada menyatakan butiran mengenai keturunan, tetapi butiran agama tidak dinyatakan. Walau bagaimanapun, butiran agama terdapat di dalam borang-borang pemaklum dan maklumat ini direkod dan disimpan.

- (iii) Butiran bangsa dan agama juga tidak dinyatakan di dalam kad pengenalan bermutu tinggi dan sama jugalah sebelum ini di dalam kad pengenalan plastik. Semasa permohonan pertukaran kepada KPT, maklumat ini tidak diminta kerana borang untuk menukar kad pengenalan telah diringkaskan dan dipermudahkan. Ini tidak bermakna kerajaan tidak mengambil berat bagi merekodkan kedua-dua butiran ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian tidak meminta kedua-dua butiran di dalam borang tersebut kerana butiran ini telah direkod semasa permohonan KPT dahulu. Itulah sebabnya permohonan KPT keluaran pertama 12 tahun masih menghendaki pemohon memberikan kedua-dua butiran ini melalui borang yang berasingan dengan borang penukaran KPT.

- (iv) Kementerian mengakui kesulitan yang dihadapi untuk mengenalpasti orang-orang yang mati akibat kemalangan teruk seperti kebakaran dan sebagainya. Ini adalah disebabkan oleh sistem bukti pengenalan seseorang hanyalah bergantung kepada maklumat peribadi, gambar dan cap ibu jari. Barang bukti yang dinyatakan ini tidak akan boleh dijadikan alat pengecaman jika ianya turut musnah semasa kemalangan. Kemalangan yang berlaku di negara kita baru-baru ini adalah satu contoh yang tepat seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.
- (v) Kementerian menyedari bahawa salah satu cara bagi menyelesaikan masalah yang disebutkan itu wajar diatasi melalui penggunaan teknologi terkini yang canggih. Penggunaan komputer akan dapat memperbaiki keadaan yang ada. Oleh kerana itu, di dalam projek Multimedia Super Corridor, kerajaan akan memperkenalkan kad pintar pelbagai guna ataupun, dengan izin, multi purpose card untuk menggantikan kad pengenalan yang digunakan sekarang.

Kad ini menggunakan microchip yang boleh menyimpan pelbagai maklumat di dalamnya dan boleh dibaca melalui alat tertentu. Kerajaan juga telah bersetuju mencatatkan butiran agama di dalam permukaan kad pintar pelbagai guna tersebut di samping maklumat lain seperti maklumat yang terdapat di Jabatan Imigresen, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Kementerian Kesihatan.

Pada masa sekarang kerajaan sedang mengkaji dengan secara mendalam penggunaan kad ini. Terima kasih.

**Permohonan Visa Oleh Rakyat Hong Kong
Yang Ingin Melawat Malaysia
Mulai 1 Oktober 1997**

6.39 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia memerlukan rakyat Hong Kong yang ingin melawat ke Malaysia memohon visa mulai 1 Oktober tahun ini. Dasar ini adalah tidak wajar. Kerajaan Republik Rakyat China telah mengekalkan bahawa rakyat Malaysia yang ingin melawat ke Hong Kong dikecualikan visa. Mengapa Kerajaan Malaysia tidak tahu membalas budi.

Dasar memerlukan rakyat Hong Kong memohon visa adalah menunjukkan Malaysia tidak menghargai persahabatan Hong Kong dan juga kurang keyakinan terhadap pemerintahan baru Hong Kong.

Ini juga akan menjejaskan perusahaan industri pelancongan Malaysia. Ada lebih dari 30 negara di dunia ini terutama sekali Singapura telah mengisytiharkan kecualian visa oleh rakyat Hong Kong apabila hendak melawat ke negara masing-masing. Mereka berkira-kira hendak membina persahabatan yang lebih erat dan mempelawa rakyat Hong Kong melawat ke negara mereka. Jikalau Malaysia masih mengekalkan visa, maka janganlah kita bermimpi-mimpi hendak menarik rakyat Hong Kong melancong ke Malaysia. Sekian sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

6.41 ptg.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memutuskan rakyat Hong Kong diperlukan visa untuk memasuki Malaysia mulai Oktober 1997. Keputusan tersebut dibuat berdasarkan mulai 1 Julai 1997, Hong Kong menjadi sebahagian daripada wilayah Republik Rakyat China (RRC).

Justeru itu, kemudahan imigresen, dengan izin, immigration facilities, yang boleh diberi kepada rakyat Hong Kong sewajarnya selaras dengan kemudahan yang diberikan kepada rakyat RRC pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini rakyat RRC dikehendaki memiliki visa untuk memasuki negara ini. Kerajaan memang sedar bahawa tindakan Malaysia mengenakan visa kepada rakyat Hong Kong mulai 1 Oktober 1997 boleh menimbulkan implikasi negatif kepada negara seperti:

- (i) tindak balas pihak berkuasa Hong Kong menghendaki rakyat Malaysia mendapatkan visa untuk memasuki Hong Kong;
- (ii) merumitkan pelancong-pelancong Hong Kong untuk melawat Malaysia;
- (iii) merumitkan pelabur dan ahli-ahli perniagaan Hong Kong untuk melawat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah-masalah seperti yang dinyatakan tadi, kerajaan telah memutuskan rakyat Hong Kong yang terdiri daripada orang-orang kenamaan, VIP, pegawai-pegawai kerajaan, pelabur dan ahli-ahli perniagaan boleh dikeluarkan dengan multiple entry visa yang sah sehingga sepuluh tahun, manakala pelancong-pelancong Hong Kong boleh dikeluarkan multiple entry visa, dengan izin, yang sah sehingga tiga bulan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan RRC telah meminta supaya negara-negara asing menghormati keputusannya mengamalkan dasar satu kerajaan dua sistem dengan kembalinya Hong Kong menjadi sebuah wilayah autonomi khas negara itu pada 1 Julai 1997.

Dalam hal ini, kerajaan RRC meminta supaya Malaysia terus membenarkan rakyat Hong Kong memasuki Malaysia tanpa visa seperti yang diberikan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan bersedia bukan kerana ucapan penangguhan Ahli Yang Berhormat dari Bagan, untuk mengkaji permintaan Kerajaan RRC yang tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 17(4) Majlis Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Usul disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.

